



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SARAWAK SIRI 2



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SARAWAK
SIRI 2



KANDUNGAN

KANDUNGAN


vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN
	MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN
3	Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran
	JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
19	Pengurusan Projek Pembinaan Pusat Akuatik Di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya, Kuching
	PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK
36	Projek Pengubahsuaian Dan Pembaikan Kemudahan Pelabuhan Tanjung Manis
	PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK
50	Sejadu Sdn. Bhd.
	SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN
68	Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)
	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/ Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 13 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
3. Saya berharap laporan ini yang mengandungi kajian Audit terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan, 3 Agensi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan intergriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

26 September 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN DAN MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN

- Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran

1.1. Pengurusan kutipan cukai taksiran adalah tertakluk kepada The Local Authorities Ordinance 1996 (Ordinan), The Local Authorities Financial Regulations, 1997 (LAFR 1997), The Local Authorities (Rating) Regulations, 1997, Manual Kadaran PBT Negeri Sarawak dan Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Kutipan cukai taksiran di Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) diurus dengan menggunakan sistem Integrated Local Authority Information System (ILAIS) dan di Majlis Perbandaran Padawan (MPP) menggunakan sistem e-Local Authority 2 (e-LA2). Kaedah kutipan cukai taksiran dibuat melalui MBKS serta MPP, agensi dan institusi kewangan yang dilantik oleh PBT tersebut.

1.2. Tanggungjawab PBT untuk mengutip hasil cukai taksiran diperuntukkan di bawah Seksyen 62, Ordinan dan diuruskan selaras dengan peraturan LAFR 1997. Cukai taksiran adalah cukai yang dikenakan terhadap harta pegangan di kawasan pentadbiran PBT yang telah dikategorikan kepada kediaman, komersil, industri, tanah kosong, pegangan khas dan lain-lain.

1.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2016 mendapati pengurusan kutipan cukai taksiran MBKS dan MPP adalah baik dari aspek prestasi kutipan cukai taksiran, pematuhan terhadap prosedur penetapan kadar cukai taksiran, pelaporan dan pematuhan kepada peraturan kewangan bagi menguruskan hasil. Bagaimanapun, MBKS dan MPP perlu membuat penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

- Tunggakan cukai taksiran meningkat.
- Tiada Senarai Nilaian baharu disedia dan digunakan sejak 1998.
- Tiada sistem penilaian yang mengintegrasikan penilaian dan sistem kadaran cukai taksiran.

1.4. Bagi memastikan pengurusan kutipan cukai taksiran Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Perbandaran Padawan diurus dengan lebih cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

1.4.1. Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan MPP mengambil tindakan lebih awal sebelum tunggakan cukai taksiran melangkaui tempoh 6 tahun dan tindakan tegas diambil bagi memastikan tunggakan tersebut dijelaskan oleh pemilik harta berkenaan pada masa yang sepatutnya.

1.4.2. Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak, MBKS dan MPP menyedia serta menyiapkan Senarai Nilaian baharu bagi tujuan mendapatkan nilai cukai tahunan yang setimpal dengan nilai pasaran semasa.

1.4.3. Majlis Bandaraya Kuching Selatan serta MPP membangun dan menggunakan sistem penilaian yang berintegrasi dengan sistem kadaran cukai taksiran selaras dengan peningkatan bilangan pegangan dan keperluan semasa.

2. JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

- Pengurusan Projek Pembinaan Pusat Akuatik Di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya, Kuching

2.1. Projek Pembinaan Pusat Akuatik di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya, Kuching adalah bertujuan untuk menyediakan satu pusat akuatik bertaraf antarabangsa yang memenuhi piawaian Federation Internationale de Natation (FINA) dan untuk menganjurkan acara akuatik semasa Sukan Malaysia ke-18 (SUKMA) pada tahun 2016 dan Sukan SEA pada tahun 2017.

2.2. Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) adalah agensi pelaksana dan kontraktor projek ini adalah Tetuan PPES Works (Sarawak) Sendirian Berhad dan PN Construction Sendirian Berhad (PPES/PN) secara usaha sama. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina serta rundingan terus dengan nilai kontrak sejumlah RM163.45 juta. Perunding yang dilantik oleh PPES/PN bagi projek ini adalah Perunding Dayacipta, Jurutera Perunding Wahba Sendirian Berhad, KTA (Sarawak) Sendirian Berhad dan PEB Consulting QS Sendirian Berhad.

2.3. Projek ini mempunyai keluasan kasar lantai sejumlah 22,386 meter persegi dan meliputi 3 komponen utama iaitu *Central Public Plaza* merangkumi *Boulevard* dan *Celebration Square* yang dapat menampung 20,000 orang, *Information Centre* merangkumi pusat pentadbiran dan maklumat serta *Aquatic Centre* merangkumi *Swimming Competition/Water polo Pool*, *Diving/Synchronised Swimming Pool*, *Training/Warm Up Swimming Pool* dan *Leisure Pool* seluas 1,000 meter persegi.

2.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek ini adalah memuaskan dan menepati sasaran Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyediakan kemudahan latihan dan pertandingan acara akuatik terutamanya untuk SUKMA 2016. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:

- Spesifikasi kerja tidak dipatuhi sepenuhnya.
- Proses pengujian dan pentauliahan peralatan kurang memuaskan.
- Perekodan aset dan inventori belum disiapkan sepenuhnya serta peralatan elektronik dan sukan tidak disimpan dengan teratur.

2.5. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek adalah disyorkan:

2.5.1. Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan kualiti kerja adalah pada tahap piawaian yang ditetapkan, proses pengujian dan pentauliahan dijalankan dengan teratur serta memastikan semua peralatan mematuhi spesifikasi kontrak dan berfungsi dengan baik sebelum CPC dikeluarkan.

2.5.2. Perbadanan Sukan Sarawak hendaklah memastikan semua aset dan inventori direkod, dilabelkan dengan betul dan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengesanan dan mengelakkan kerosakan.

2.5.3. Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Perbadanan Sukan Sarawak perlu memastikan segala kecacatan dan ketidakpatuhan spesifikasi kontrak dari segi pembinaan dan juga peralatan diambil tindakan sepenuhnya dalam tempoh tanggungan kecacatan.

3. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

- **Projek Pengubahsuaian Dan Pembaikan Kemudahan Pelabuhan Tanjung Manis**

3.1. Pelabuhan Tanjung Manis yang sedia ada seluas 6.76 ekar telah dibina oleh Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR) pada 1997 dengan kos sejumlah RM75 juta. Pada bulan Februari 2009, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) melalui anak syarikatnya Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. (TMP), telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil alih operasi pelabuhan daripada LPR. Fungsi utama Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. adalah untuk mengendali, mengurus dan membangunkan Pelabuhan Tanjung Manis yang terletak di Bahagian Mukah. Pelabuhan ini berfungsi dengan memberi perkhidmatan pelabuhan di dermaga (*berthing/unberthing*), pengendalian kontena, penyimpanan dan pengangkutan kontena di antara Tanjung Manis dan Sibu serta menyediakan kemudahan kontena pendingin selain pengendalian kargo.

3.2. Pelabuhan Tanjung Manis telah mencatatkan pertumbuhan kendalian kargo kontena yang ketara pada tahun 2010, 2011 dan 2012 iaitu daripada 47,233 teus, 60,854 teus kepada 93,203 teus setahun masing-masing. Pelabuhan yang sedia ada mempunyai dermaga sepanjang 200 meter yang boleh mengendalikan sebanyak 50,000 teus setahun dengan tiada kemudahan untuk mengendalikan kargo pukal. Justeru, kapasiti tambatan

kapal adalah terhad kepada hanya satu kapal pada satu-satu masa. Dengan trend peningkatan kendalian kargo kontena di pelabuhan Tanjung Manis maka tekanan untuk membaik pulih kemudahan pelabuhan sedia ada bagi mengelakkan kesesakan serta membolehkannya berfungsi sepenuhnya sebagai pelabuhan. Sehubungan itu, pada bulan Jun 2012, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, Sarawak (MIDCOM) telah mengemukakan kertas cadangan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk meluluskan pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan Tanjung Manis. Pada 20 September 2012, Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan projek bernilai RM88 juta yang akan dilaksanakan secara *deferred payment*. Projek ini mula dilaksanakan pada 13 Mac 2013 dan *Certificate of Practical Completion* (CPC) telah dikeluarkan pada 3 Disember 2015.

3.3. Objektif projek adalah untuk menyediakan kemudahan pelabuhan yang selamat dan mencukupi bagi memenuhi pertumbuhan kargo yang kian bertambah serta menyedia kemudahan pelabuhan untuk kawasan tengah Sarawak untuk menyokong pertumbuhan SCORE, Hab Halal Tanjung Manis dan POIC Tanjung Manis. Skop projek terbahagi kepada 2 pakej iaitu Pakej A (*Sea-based*) yang merangkumi kerja pembersihan tapak, pengorekan dasar sungai, kerja cerucuk dan konkrit, dasar sungai dan pemuliharaan tebing, pemasangan *system fender* dan *bollard*, tangki air dan rumah pam manakala Pakej B (*Land-based*) merangkumi kerja cerucuk, pembinaan blok pentadbiran, surau, kantin, bangunan Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis, pengubahsuaian bengkel, gerbang masuk, pemasangan *weighbridge* dan bilik kawalan serta kerja mekanikal dan elektrik.

3.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati kerja pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan di Tanjung Manis adalah memuaskan dari segi pembinaan dan pemantauan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dibuat memerlukan penambahbaikan seperti berikut:

- Pengurusan projek kurang teliti.
- Pengurusan perolehan kurang memuaskan.
- Pembiayaan projek lewat dimuktamadkan.

3.5. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang pada projek yang lain, adalah disyorkan PUSAKA mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak dan perunding perlu memastikan skop kerja dengan tepat bagi mengelak daripada perubahan dan tambahan skop kerja yang ketara yang boleh memberi kesan kepada jadual pelaksanaan projek.

3.5.2. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak hendaklah mematuhi prosedur perolehan kerajaan yang sedia ada dan memastikan projek yang dilaksanakan mematuhi

prosedur perolehan dan mendapat kelulusan projek terlebih dahulu daripada pihak Kerajaan Negeri.

3.5.3. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak perlu memastikan perjanjian *soft loan* dimuktamadkan supaya tidak memberi implikasi kewangan kepada Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis.

4. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

- Sejadu Sdn. Bhd.

4.1. Sejadu Sdn. Bhd. (SSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada bulan Mei 1988 dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES). Syarikat SSB mempunyai modal dibenarkan sejumlah RM100 juta terdiri daripada 100 juta unit saham biasa bernilai RM1 setiap satu dan modal berbayar adalah sejumlah RM72.29 juta yang merupakan terbitan 72,289,000 unit saham biasa setakat akhir tahun 2015. Aktiviti SSB adalah perkhidmatan perhotelan iaitu memiliki dan mengurus operasi Riverside Majestic Hotel (RMH) dan Riverside Shopping Complex (RSC) sejajar dengan objektif SSB berdasarkan *Memorandum of Association* untuk terlibat dalam pemilikan dan pengurusan aktiviti perhotelan dan pengurusan RSC. Satu Perjanjian Pengurusan telah ditandatangani antara SSB dengan Sara Hospitality Sdn. Bhd. (SHSB) pada bulan Januari 2009 yang mana pengurusan operasi hotel adalah dijalankan oleh SHSB bagi tempoh selama 10 tahun. Selain itu, SSB juga menandatangani Perjanjian Penyenggaraan dengan Syarikat Sara Urusharta Sdn. Bhd. (SUSB) untuk mengurus dan menyenggara RSC. Perjanjian Penyenggaraan ini telah diperbaharui bagi tempoh selama 5 tahun mulai 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2018. Kedua-dua syarikat SHSB dan SUSB adalah juga anak syarikat kepada PPES.

4.2. Lembaga Pengarah SSB dipengerusikan oleh Tuan Haji Soedirman Bin Haji Aini, Pengurus Besar PPES dan dianggotai oleh 4 ahli yang mana 2 ahli adalah pegawai PPES iaitu Hajah Rakayah Binti Hamdan dan Encik Edwin Anak Abit serta 2 ahli lagi iaitu Datu Laura Lee Ngien Hion daripada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Dr. Haji Wan Lizozman Bin Wan Omar daripada Kementerian Perumahan Sarawak. Pengurusan harian SSB pula diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu seramai 246 pegawai serta kakitangan sokongan setakat akhir tahun 2015. Selain daripada mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, sebagai sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, SSB juga perlu mematuhi peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

4.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac 2016 hingga Jun 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan SSB, tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Sejadu Sdn. Bhd. telah mencatat keuntungan terkumpul sejumlah RM23.07 juta setakat tahun kewangan 2015 namun untuk tempoh 2013 hingga 2015, trend

keuntungan bersih adalah menurun. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan hasil dan projek perluasan RMH yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Tunggakan hasil RMH setakat bulan Julai 2016 sejumlah RM0.83 juta adalah tinggi.
- Kos projek perluasan RMH meningkat sejumlah RM14.16 juta atau 17.2% daripada kos asal projek sejumlah RM82.53 juta kepada RM96.69 juta disebabkan oleh penambahan skop kerja dan perubahan konsep hotel berbanding dengan projek asal.
- Tunggakan sewaan RSC setakat bulan Julai 2016 sejumlah RM0.32 juta belum dikutip.

4.4. Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, Sejadu Sdn. Bhd. perlu merangka pelan perniagaan yang memberi penekanan untuk meningkatkan hasil daripada operasi perhotelan dan juga pengawalan kos operasi agar boleh meningkatkan lagi keuntungan syarikat.

5. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

- Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)

5.1. Sarawak Computerisation Services Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 4 Mac 1991 dan telah ditukarkan namanya kepada Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) pada 4 Julai 1995. Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Modal dibenar dan modal berbayar adalah berjumlah RM5 juta.

5.2. Objektif penubuhan SAINS adalah untuk menerajui pembangunan dan mengimplementasikan teknologi maklumat dalam Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sarawak. Aktiviti utama SAINS adalah memberi perkhidmatan maklumat dan komunikasi berteknologi kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Agensi Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2015, SAINS mempunyai 4 syarikat subsidiari yang aktif iaitu SiliconNet Technologies Sdn. Bhd., Stratfos Consulting Sdn. Bhd., SAINS Commercial Sdn. Bhd. dan Silicon Communications Sdn. Bhd. Visi SAINS adalah untuk menjadi pemangkin dalam maklumat komunikasi bertaraf dunia di rantau ini manakala misinya sebagai pembekal perkhidmatan penyelesaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) berjangka panjang. Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. mempunyai 3 pejabat utama iaitu Ibu Pejabat SAINS, Unit Pembangunan Perniagaan Dan Komunikasi Korporat di Bahagian Kuching dan pejabat SAINS Samarahan di Bahagian Samarahan. Selain itu, SAINS juga mempunyai 11 pejabat cawangan di seluruh negeri Sarawak.

5.3. Sehingga akhir tahun 2015, SAINS mempunyai 5 ahli Lembaga Pengarah dan seorang *Alternate Director*. Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam dan 5 ahli yang lain iaitu Tan Sri Datuk Amar Hj. Abdul Aziz bin Dato Hj. Husain (Timbalan Pengerusi), Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Dato Sri Ahmad Tarmizi bin Sulaiman, Dato Teo Tien Hiong (*Managing Director*) dan

Datu Lee Ngien Hion sebagai *Alternate Director*. Pengurusan operasi harian diurus oleh Pengarah Pengurusan dan dibantu oleh 605 pegawai serta kakitangan.

5.4. Sebagai syarikat penyedia penyelesaian ICT, SAINS telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara anugerah yang dimenangi bagi peringkat kebangsaan adalah seperti *Excellent Complaint Management* pada 2014 daripada Jabatan Perdana Menteri bagi *Sarawak Government Citizen Helpline Application*, Talikhidmat dan *FutureGov* Malaysia bagi projek *U-Library* pada tahun 2013. Manakala di peringkat antarabangsa, SAINS telah memenangi anugerah seperti *Geospatial World Excellence Award* untuk kategori tadbir urus, projek *Land and Survey Information System* (LASIS) pada tahun 2012 dan *United Nation's World Summit Award* bagi kategori e-Kerajaan & Institusi serta *Integrated Court Solution* pada tahun 2009

5.5. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga April 2016 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan SAINS adalah baik manakala pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat adalah memuaskan. Antara kelemahan yang boleh ditambah baik adalah seperti berikut:

- Pengurusan kontrak kurang teratur.
- Projek lewat disiapkan antara 69 hingga 397 hari.
- Kuasa untuk meluluskan pembayaran kenaikan emolumen melibatkan ahli Lembaga yang mempunyai kepentingan.

5.6. Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan, pengurusan Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. adalah disyorkan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

5.6.1. Syarikat Sarawak Information Systems Sdn. Bhd perlu mengatur strategi dan menyediakan pelan perniagaan bagi mencapai matlamatnya untuk membekalkan perkhidmatan di pasaran luar agar dapat mengingkatkan pertumbuhan syarikat.

5.6.2. Syarikat Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. perlu memastikan dokumen kontrak projek ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (STT) dikeluarkan bagi menjaga kepentingan kedua pihak.

5.6.3. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan mekanisme kawalan bagi kelulusan kewangan berkaitan pembayaran elaun, emolumen dan *Benefits In Kind* (BIK) yang tiada kepentingan untuk memastikan tadbir urus yang baik.



AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN

MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN

1. PENGURUSAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pengurusan kutipan cukai taksiran adalah tertakluk kepada The Local Authorities Ordinance 1996 (Ordinan), The Local Authorities Financial Regulations, 1997 (LAFR 1997), The Local Authorities (Rating) Regulations, 1997, Manual Kadaran PBT Negeri Sarawak dan Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Kutipan cukai taksiran di Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) diurus dengan menggunakan sistem Integrated Local Authority Information System (ILAIS) dan di Majlis Perbandaran Padawan (MPP) menggunakan sistem e-Local Authority 2 (e-LA2). Kutipan cukai taksiran dibuat melalui MBKS serta MPP, agensi dan institusi kewangan yang dilantik oleh PBT tersebut.

1.1.2. Tanggungjawab PBT untuk mengutip hasil cukai taksiran diperuntukkan di bawah Seksyen 62, Ordinan dan diuruskan selaras dengan peraturan LAFR 1997. Cukai taksiran adalah cukai yang dikenakan terhadap harta pegangan di kawasan pentadbiran PBT yang telah dikategorikan kepada kediaman, komersil, industri, tanah kosong, pegangan khas dan lain-lain.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kutipan cukai taksiran oleh MBKS dan MPP telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi pengurusan kutipan cukai taksiran bagi tahun 2013 hingga 2015 di MBKS dan MPP. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod serta dokumen berkaitan pengurusan kutipan cukai taksiran di MBKS dan MPP. Sampel pengauditan yang dipilih adalah 245 pegangan berkadar dengan nilai kadaran tahunan yang perlu dibayar sejumlah RM7.02 juta. Selain itu, lawatan telah dibuat ke 40 lokasi pegangan dengan nilai kadaran tahunan yang perlu dibayar sejumlah RM0.32 juta dan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran sejumlah RM1.46 juta. *Exit Conference* bersama Pemangku Setiausaha, MBKS dan Setiausaha, MPP telah diadakan pada 25 Julai 2016 yang turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak (Kementerian) serta Pengarah Unit Audit Dalam dan wakil Pengarah Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2016 mendapati pengurusan kutipan cukai taksiran MBKS dan MPP adalah baik dari aspek prestasi kutipan cukai taksiran, pematuhan terhadap prosedur penetapan kadar cukai taksiran, pelaporan dan pematuhan kepada peraturan kewangan bagi menguruskan hasil. Bagaimanapun, MBKS dan MPP perlu membuat penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

- Tunggakan cukai taksiran meningkat.
- Tiada Senarai Nilaian baharu disedia dan digunakan sejak 1998.
- Tiada sistem penilaian yang mengintegrasikan penilaian dan sistem kadaran cukai taksiran.

1.4.1. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran

1.4.1.1. Bagi tahun 2013 hingga 2015, pendapatan keseluruhan MBKS adalah sejumlah RM299.10 juta dan MPP sejumlah RM135.14 juta. Pendapatan MBKS dan MPP terdiri daripada cukai taksiran, geran, faedah, lesen, yuran dan hasil pelbagai. Kutipan cukai taksiran merupakan hasil utama MBKS dan MPP iaitu sejumlah RM152.96 juta atau 51.1% bagi MBKS dan sejumlah RM69.66 juta atau 51.5% bagi MPP daripada pendapatan keseluruhan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Pendapatan Keseluruhan Dan Hasil
Cukai Taksiran MBKS Dan MPP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Pendapatan	Tahun						Jumlah Pendapatan (RM Juta)	
	2013 (RM Juta)		2014 (RM Juta)		2015 (RM Juta)			
	MBKS	MPP	MBKS	MPP	MBKS	MPP	MBKS	MPP
Keseluruhan	96.18	48.09	95.74	49.30	107.18	37.75	299.10	135.14
Cukai Taksiran	49.32	21.96	50.94	23.60	52.70	24.10	152.96	69.66
Peratus (%)	51.3	45.7	53.2	47.9	49.2	63.8	51.1	51.5

Sumber: Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.1.2. Kadar cukai taksiran yang dikenakan perlu diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis dan diwartakan setiap akhir tahun. Kadar yang dikenakan oleh MBKS dan MPP adalah mengikut jenis perkhidmatan yang disediakan iaitu untuk tujuan am, pembentungan, penyenggaraan jalan, pungutan sampah, pengurusan sisa dan lampu jalan.

1.4.1.3. Bagi tahun 2013 hingga 2015, kadar cukai taksiran yang telah ditetapkan bagi pemilik pegangan berkadar di kawasan MBKS adalah antara 20.25% dan 29.50% daripada nilai kadaran tahunan yang telah diluluskan. Di MPP pula kadar cukai taksiran yang dikenakan adalah antara 7.00% dan 32.25%.

1.4.1.4. Bagi tujuan pentadbiran, pegangan berkadar di MBKS dibahagikan kepada 11 *ward* iaitu *Ward D,G,H,I,J,K,L,M,N,P* serta *Q* dan dikategorikan kepada 6 jenis iaitu kediaman, komersil, industri, tanah kosong, pegangan khas dan lain-lain. Di MPP pula terdapat 16 *ward* iaitu *Ward A,B,C,D,E,F,G,H,I,J,K,L,M,N,P* serta *Q* dan dikategorikan kepada 3 iaitu kediaman, komersil dan industri. Penetapan kadar cukai taksiran yang dikenakan terhadap sesuatu pegangan adalah berdasarkan jenis perkhidmatan yang disediakan oleh MBKS dan MPP di kawasan tersebut. Butiran kadar cukai taksiran yang dikenakan mengikut jenis perkhidmatan yang disediakan di MBKS dan MPP adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Jenis Perkhidmatan Dan Kadar Ditetapkan MBKS Dan MPP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Perkhidmatan	Kadar Dikenakan Mengikut Jenis Perkhidmatan Disediakan (%)		Kadar Cukai Taksiran Yang Dikenakan (%)		Catatan
		MBKS	MPP	MBKS	MPP	
1.	Tujuan Am	17.75	12.50*			* Kadar untuk Tujuan Am bagi pegangan di: a. Borneo Highland Resort - 7% b. Kuching Integrated Waste Management Park - 11%
2.	Pembentungan	3.00	2.00			
3.	Penyenggaraan Jalan	2.50	3.75			
4.	Pungutan Sampah	2.25	5.50			
5.	Pengurusan Sisa	2.00	4.00			
6.	Lampu Jalan	2.00	4.50			

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.1.5. Bagi tahun 2013 hingga 2015 terdapat peningkatan bilangan pegangan berkadar di MBKS dari 45,015 pegangan pada 2013 kepada 46,047 pada 2014 dan 47,636 pegangan pada tahun 2015. Bilangan pegangan berkadar di MPP juga bertambah dari 66,778 kepada 69,355 pada tahun 2014 dan 71,534 pada tahun 2015. Peningkatan ini juga menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil cukai taksiran MBKS dan MPP bagi tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Bilangan Pegangan MBKS Dan MPP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Kategori	Bilangan Pegangan					
		2013		2014		2015	
		MBKS	MPP	MBKS	MPP	MBKS	MPP
1.	Kediaman	35,116	60,800	35,477	63,056	36,778	64,747
2.	Komersil	7,449	4,091	8,039	4,409	8,240	4,860
3.	Industri	831	1,887	830	1,890	894	1,927
4.	Tanah Kosong	967	0	975	0	962	0
5.	Pegangan Khas	542	0	615	0	649	0
6.	Lain-lain	110	0	111	0	113	0
Jumlah		45,015	66,778	46,047	69,355	47,636	71,534

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Perbandaran Padawan


1.4.1.6. Jumlah cukai yang patut dikutip daripada pemilik harta berkadar di kawasan MBKS dan MPP masing-masingnya adalah sejumlah RM50.58 juta dan RM22.89 juta pada tahun 2013, RM53.10 juta serta RM23.87 juta pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 sejumlah RM55.59 juta dan RM25.34 juta. Anggaran kutipan yang ditetapkan oleh

MBKS dan MPP pada tahun 2013 adalah RM54.45 juta dan RM22.39 juta, RM55.96 juta dan RM22.87 juta pada tahun 2014 serta pada tahun 2015 sejumlah RM57.47 juta dan RM25.21 juta. Kutipan cukai sebenar oleh MBKS dan MPP adalah sejumlah RM49.32 juta dan RM21.96 juta pada tahun 2013, RM50.94 juta dan RM23.60 juta pada tahun 2014 serta RM52.70 juta dan RM24.10 juta pada tahun 2015.

1.4.1.7. Analisis Audit terhadap trend kutipan cukai taksiran MBKS mendapati peningkatan kutipan cukai taksiran adalah sejumlah RM1.62 juta atau 3.3% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 dan RM1.76 juta atau 3.5% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Peningkatan kutipan cukai taksiran di MPP pada tahun 2014 adalah sejumlah RM1.64 juta atau 7.5% berbanding kutipan cukai taksiran pada tahun 2013. Kutipan cukai taksiran MPP meningkat sejumlah RM0.50 juta atau 2.1% pada tahun 2015 berbanding kutipan pada tahun 2014. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan cukai taksiran adalah bilangan pegangan berkadar meningkat, kaedah pembayaran dipelbagaikan bagi memudahkan orang ramai membuat bayaran, PBT mempergiatkan promosi pembayaran cukai taksiran dan pemberian diskaun pada tahun 2014 atas surc妖 yang dikenakan terhadap cukai taksiran yang tertunggak.

1.4.1.8. Perbandingan kutipan cukai taksiran sebenar dengan anggaran kutipan cukai taksiran yang disasarkan MBKS mendapati kutipan sebenar MBKS pada tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang daripada anggaran yang ditetapkan. Kutipan sebenar cukai taksiran di MPP pada tahun 2013 dan 2015 adalah kurang daripada sasaran yang ditetapkan tetapi kutipan melebihi sasaran pada tahun 2014. Bagaimanapun, kutipan sebenar cukai taksiran bagi kedua-dua PBT berkenaan meningkat bagi tempoh tersebut. Butiran lanjut jumlah yang patut dikutip, anggaran kutipan dan kutipan sebenar MBKS dan MPP adalah seperti di **Carta 1.1** dan **Carta 1.2**.

Carta 1.1
Jumlah Patut Dikutip, Anggaran Dan Kutipan Sebenar
Cukai Taksiran MBKS Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan

Carta 1.2
**Jumlah Patut Dikutip, Anggaran Dan Kutipan Sebenar
Cukai Taksiran MPP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**



Sumber: Majlis Perbandaran Padawan

1.4.1.9. Bagi tahun 2013 hingga 2015, MBKS dan MPP telah berjaya membuat kutipan cukai taksiran sejumlah RM222.62 juta. Bagi tempoh tersebut sejumlah RM131.86 juta adalah kutipan cukai taksiran untuk tujuan am, RM23.17 juta untuk penyenggaraan jalan, RM25.45 juta untuk pungutan sampah, RM21.17 juta untuk lampu jalan, RM20.52 juta untuk pengurusan sisa, RM0.42 juta untuk perkhidmatan pembentungan dan RM0.03 juta untuk levi. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Kutipan Cukai Taksiran MBKS Dan MPP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Jenis Perkhidmatan	Kutipan Cukai Taksiran						Jumlah		Jumlah Besar (RM Juta)	
	2013 (RM Juta)		2014 (RM Juta)		2015 (RM Juta)		(RM Juta)			
	MBKS	MPP	MBKS	MPP	MBKS	MPP	MBKS	MPP		
Tujuan Am	33.00	9.31	34.09	9.99	35.27	10.20	102.36	29.50	131.86	
Penyenggaraan Jalan	4.65	2.76	4.80	2.97	4.97	3.02	14.42	8.75	23.17	
Pungutan Sampah	4.15	3.96	4.29	4.26	4.44	4.35	12.88	12.57	25.45	
Lampu Jalan	3.70	3.05	3.81	3.29	3.94	3.38	11.45	9.72	21.17	
Pengurusan Sisa	3.68	2.87	3.81	3.08	3.94	3.14	11.43	9.09	20.52	
Pembentungan	0.14	0	0.14	0	0.14	0	0.42	0	0.42	
Levi	0	0.01	0	0.01	0	0.01	0	0.03	0.03	
Jumlah	49.32	21.96	50.94	23.60	52.70	24.10	152.96	69.66	222.62	

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.1.10. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan cukai taksiran adalah penyediaan kemudahan pembayaran iaitu melalui kemudahan kaunter dan mempelbagaikan kaedah pembayaran untuk memudahkan pemegang harta berkadar membuat pembayaran. Selain daripada kutipan di kaunter, agensi lain yang telah dilantik oleh MBKS dan MPP untuk membuat kutipan adalah Pejabat Pos, Dewan Bandaraya

Kuching Utara, Syarikat SESCO Bhd, Lembaga Air Kuching, Syarikat Telekom Malaysia Bhd., Pusat Transformasi Bandar, Pasaraya H&L, Paybills Malaysia dan Bank Simpanan Nasional. Manakala bagi perkhidmatan atas talian, MBKS telah melantik CIMB Bank Bhd, Standard Chartered Bank Malaysia Bhd, HSBC Bank Malaysia Bhd., Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd dan JomPay. Bagi tahun 2013 hingga 2015, 214,380 bil cukai taksiran bernilai RM63.52 juta telah dijelaskan oleh pemegang harta melalui agensi tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Kutipan Cukai Taksiran MBKS Dan MPP Oleh Agensi Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

PBT	Bilangan Agenzi Dilantik	Kutipan Cukai Taksiran						Jumlah Besar			
		2013		2014		2015					
		Jumlah Bil	(RM Juta)	Jumlah Bil	(RM Juta)	Jumlah Bil	(RM Juta)				
MBKS	14	24,939	12.77	25,117	11.60	28,772	14.00	78,828	38.37		
MPP	8	42,817	7.43	44,665	8.00	48,070	9.72	135,552	25.15		
Jumlah	22	67,756	20.20	69,782	19.60	76,842	23.72	214,380	63.52		

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Dan Majlis Perbandaran Padawan

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai taksiran MBKS dan MPP adalah baik. Kutipan cukai tahunan MBKS telah meningkat bagi tahun 2014 iaitu pada kadar 3.3% berbanding tahun 2013 dan 3.5% pada tahun 2015 berbanding 2014. Bagi MPP, peningkatan kutipan cukai taksiran bagi tahun 2014 adalah pada kadar 7.5% berbanding tahun 2013 dan pada kadar 2.1% untuk tahun 2014 hingga 2015.

1.4.2. Tunggakan Cukai Taksiran Meningkat

1.4.2.1. Seksyen 74 hingga 84 Ordinan menetapkan tindakan yang boleh diambil oleh PBT terhadap pemegang harta yang gagal menjelaskan bil cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2013 hingga 2015, trend tunggakan cukai taksiran MBKS dan MPP didapati meningkat di mana tunggakan cukai taksiran pada 2013 adalah RM8.42 juta dan RM12.48 juta, meningkat kepada RM9.69 juta dan RM12.70 juta pada tahun 2014 serta meningkat kepada RM11.61 juta dan RM13.93 juta pada tahun 2015.

1.4.2.2. Perbandingan anggaran kutipan tunggakan cukai taksiran dan kutipan sebenar MBKS bagi tempoh yang sama mendapati MBKS telah berjaya membuat kutipan tunggakan melebihi jumlah yang disasarkan. Kutipan tunggakan cukai MBKS didapati melebihi anggaran yang telah ditetapkan pada kadar 30.5% pada 2013, 28.5% pada 2014 dan 10.7% pada tahun 2015. Adalah didapati MPP tidak mencapai sasaran yang ditetapkan untuk kutipan cukai taksiran bagi tahun 2013 serta 2015 dan kutipan melebihi anggaran MPP pada tahun 2014 iaitu pada kadar 3.1%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.6, Carta 1.3 dan Carta 1.4**.

Jadual 1.6
Tunggakan, Anggaran Dan Kutipan Tunggakan Cukai MBKS Dan MPP
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Tahun	Kutipan Cukai Taksiran						Kutipan Melebihi/(Kurang) Dari Anggaran (%)			
		Tunggakan (RM Juta)		Anggaran (RM Juta)		Kutipan Tunggakan (RM Juta)					
		MBKS	MPP	MBKS	MPP	MBKS	MPP				
1.	2013	8.42	12.48	2.10	3.12	2.74	2.64	30.5	(15.4)		
2.	2014	9.69	12.70	2.42	3.18	3.11	3.28	28.5	3.1		
3.	2015	11.61	13.93	2.90	3.48	3.21	2.57	10.7	(26.1)		

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

Carta 1.3
Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran MBKS
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan

Carta 1.4
Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran MPP
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



Sumber: Majlis Perbandaran Padawan

1.4.2.3. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2015 sejumlah RM25.54 juta cukai taksiran telah tertunggak atau 11.5% daripada keseluruhan kutipan cukai taksiran kedua-dua PBT tersebut bagi tahun 2013 hingga 2015. Tunggakan cukai taksiran ini melibatkan 27,881 pegangan berkadar di MBKS dan MPP. Tempoh tunggakan cukai taksiran di MBKS adalah antara satu hingga 24 tahun manakala di MPP tunggakan cukai taksiran adalah antara satu hingga 37 tahun. Analisis Audit terhadap pengumuran tunggakan cukai taksiran pegangan berkadar di MBKS dan MPP mendapati bilangan serta jumlah tunggakan tertinggi adalah tunggakan bagi tempoh antara satu hingga 3 tahun iaitu sejumlah RM9.62 juta atau 37.7% yang melibatkan 16,637 pegangan berkadar. Tunggakan terendah adalah tunggakan di antara 13 hingga 15 tahun yang melibatkan 1,217 pegangan dengan nilai tunggakan taksiran sejumlah RM1.70 juta atau 6.7% daripada keseluruhan tunggakan cukai. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Pengumuran Tunggakan Cukai Taksiran MBKS Dan MPP Setakat 31 Disember 2015

Bil.	Tempoh Tunggakan (Tahun)	Bilangan Pegangan		Jumlah Pegangan	Tunggakan (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)
		MBKS	MPP		MBKS	MPP		
1.	1 - 3	4,956	11,681	16,637	5.81	3.81	9.62	37.7
2.	4 - 6	991	3,238	4,229	2.27	2.81	5.08	19.9
3.	7 - 9	540	2,149	2,689	1.64	2.44	4.08	15.9
4.	10 - 12	322	1,587	1,909	0.98	2.03	3.01	11.8
5.	13 - 15	147	1,070	1,217	0.30	1.40	1.70	6.7
6.	> 15	321	879	1,200	0.61	1.44	2.05	8.0
Jumlah		7,277	20,604	27,881	11.61	13.93	25.54	100

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.2.4. Semakan Audit mendapati tunggakan cukai taksiran MBKS meningkat pada akhir tahun 2015 disebabkan oleh 2 pemegang harta berkadar dalam kategori pegangan khas gagal menjelaskan tunggakan sejumlah RM2.52 juta. Bagaimanapun, tunggakan sejumlah RM1.37 juta telah diselesaikan oleh pemilik Pegangan Khas I pada Februari 2016. Tindakan susulan sedang diambil oleh MBKS terhadap pemilik Pegangan Khas II dan juga pemilik pegangan lain yang mempunyai tunggakan tinggi. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Tunggakan Cukai Taksiran Tertinggi Di MBKS Setakat 2015

Bil.	Pemilik Harta	Tunggakan Setakat 31.12.2015 (RM Juta)	Tunggakan Setakat Julai 2016 (RM Juta)
1.	Pegangan Khas I	1.37	0.00
2.	Pegangan Khas II	1.15	1.15
Jumlah		2.52	1.15

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan

1.4.2.5. Antara tindakan diambil oleh MBKS dan MPP terhadap pemilik pegangan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran adalah mengeluarkan notis peringatan, notis tuntutan, kaveat, penggunaan Sijil Perlepasan Hutang (Borang G1) dan tindakan perundungan. Pelaksanaan Borang G1 pada tahun 2010 memerlukan PBT mengeluarkan

Sijil Perlepasan Hutang selepas pemilik pegangan menyelesaikan segala hutang yang perlu dibayar di PBT sebelum penukaran hak milik boleh diluluskan oleh Jabatan Tanah Dan Survei. Analisis Audit mendapati sejumlah RM10.84 juta atau 42.4% daripada keseluruhan tunggakan cukai taksiran serta melibatkan 7,015 pegangan di MBKS dan MPP telah melebihi 6 tahun pada akhir tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Tunggakan Cukai Taksiran MBKS Dan MPP Melebihi 6 Tahun
Setakat 31 Disember 2015

Bil.	Tempoh Tunggakan (Tahun)	Bilangan Pegangan		Jumlah	Tunggakan (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)
		MBKS	MPP		MBKS	MPP	
1.	7 - 9	540	2,149	2,689	1.64	2.44	4.08
2.	10 -12	322	1,587	1,909	0.98	2.03	3.01
3.	13 - 15	147	1,070	1,217	0.30	1.40	1.70
4.	> 15	321	879	1,200	0.61	1.44	2.05
Jumlah		1,330	5,685	7,015	3.53	7.31	10.84

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.2.6. Perenggan 305, The Local Authorities Financial Regulations 1997 membenarkan PBT mengambil tindakan hapus kira hasil sekiranya keputusan dibuat bahawa tiada tindakan selanjutnya diambil bagi mengutip hasil tersebut. Semakan lanjut Audit mendapati kedua-dua PBT tersebut telah mengambil tindakan menghapus kira tunggakan cukai taksiran yang melibatkan pegangan yang telah dirobohkan. MBKS telah mengambil tindakan hapus kira terhadap tunggakan cukai taksiran sejumlah RM0.90 juta yang telah tertunggak sejak tahun 1969 hingga 2012. Tunggakan tersebut melibatkan 858 pegangan berkadar dengan nilai tunggakan antara RM6 dan RM18,153. Antara sebab hapus kira adalah tunggakan oleh pemilik terdahulu, pemilik tidak dapat dikesan, pegangan diambil alih oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara, syarikat telah dibubarkan, pemilik telah meninggal dunia, pegangan diroboh/hangus dan tunggakan tersebut tertakluk kepada Limitation Ordinance (Sarawak Cap.49). Semakan Audit mendapati MBKS telah mematuhi prosedur untuk menghapus kira hasil di mana kertas kerja telah dibentang serta diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Perjawatan dan seterusnya diluluskan oleh Ahli Majlis MBKS. Permohonan dikemukakan kepada Menteri, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak (Menteri) untuk kelulusan hapus kira. Permohonan untuk kelulusan hapus kira telah dibuat kepada Menteri pada 23 Ogos 2011 dan 14 Disember 2012 serta kelulusan telah diperoleh pada 8 September 2011 dan 17 Disember 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Hapus Kira Tunggakan Cukai Taksiran MBKS

Bil.	Tarikh Permohonan	Tarikh Kelulusan	Bilangan Pegangan	Tunggakan (RM)	Catatan
1.	23.08.2011	08.09.2011	694	530,715	Tunggakan sejak tahun 1969-2006
2.	14.12.2012	17.12.2012	164	371,280	Tunggakan sejak tahun 1979-2012
Jumlah			858	901,995	

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan

1.4.2.7. Bagi menguruskan tunggakan cukai, MBKS ada menubuhkan *Recovery Unit* untuk mengurus tunggakan cukai taksiran yang dianggotai oleh 3 kakitangan MBKS. Bagaimanapun, tiada unit khas ditubuhkan di MPP bagi tujuan tersebut dan pengurusan tunggakan cukai diurus oleh kakitangan Seksyen Percukaian.

1.4.2.8. Lawatan Audit ke 40 pegangan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran berjumlah RM1.46 juta di MBKS serta MPP mendapati ada pegangan yang tidak digunakan lagi dan ada yang masih diguna atau disewakan kepada pihak ketiga. Tindakan yang telah diambil oleh MBKS serta MPP terhadap pemilik pegangan ini adalah melaksanakan kaveat, notis peringatan, notis tuntutan dan tindakan undang-undang. Contoh dan keadaan pegangan dilawati yang mempunyai tunggakan cukai taksiran antara 2 dan 17 tahun adalah seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.8**.

Gambar 1.1
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM500,000



Tindakan MBKS: Kaveat 25.09.2014
Tempoh Tunggakan: 2½ Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ban Hock
Tarikh: 20 April 2016

Gambar 1.2
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM100,000



Tindakan MBKS: Kaveat 02.08.2011
Tempoh Tunggakan: 2 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kisar Semangat
Tarikh: 20 April 2016

Gambar 1.3
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM50,000



Tindakan MBKS: Kaveat 10.08.2016
Tempoh Tunqakan: 3 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tenun Bintawa Kuching
Tarikh: 20 April 2016


Gambar 1.5
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM70,000



Tindakan MPP: Saman Telah Difailkan Pada 29.07.2016
Tempoh Tunqakan: 5 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Tengah
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 1.7
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM40,000



Tindakan MPP: Kaveat 06.12.2012
Tempoh Tunqakan: 7 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuching/Serian
Tarikh: 25 Mei 2016


Gambar 1.4
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM30,000



Tindakan MBKS: Kaveat 08.09.1996
Tempoh Tunqakan: 17 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ban Hock, Kuching
Tarikh: 20 April 2016

Gambar 1.6
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM60,000



Tindakan MPP: Kaveat 26.03.2008
Tempoh Tunqakan: 9 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kung Phin
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 1.8
Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM20,000



Tindakan MPP: Kaveat 22.06.2016
Tempoh Tunqakan: 11 Tahun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Eden Fields, Jalan Kuching/Serian
Tarikh: 25 Mei 2016

1.4.2.9. Maklum balas daripada MBKS bertarikh 19 Julai 2016 dan MPP bertarikh 12 Julai 2016, menyatakan MBKS dan MPP mengambil tindakan mengeluarkan notis peringatan, notis tuntutan, kaveat, tindakan perundangan dan mengeluarkan Sijil Perlepasan Hutang (Borang G1). Majlis Perbandaran Padawan akan mengambil tindakan terhadap tunggakan yang tertakluk kepada Limitation Ordinance Sarawak (Cap.49) hanya selepas pelbagai usaha diambil tetapi tunggakan masih gagal dikutip. Laporan Pengumuran Tunggakan Cukai telah dibuat oleh MPP untuk mengenal pasti tunggakan yang akan dihapus kira dengan memberi fokus kepada tunggakan cukai taksiran yang lama. Contohnya, tunggakan cukai taksiran bagi tempoh 30 hingga 34 tahun, 25 hingga 29 tahun dan seterusnya. Ini adalah selaras dengan syarat hapus kira ditetapkan oleh Kementerian yang memerlukan setiap kes tunggakan disiasat dan hapus kira hanya dilaksanakan setelah PBT gagal mengutip tunggakan walaupun pelbagai usaha telah diambil bagi mengutip tunggakan tersebut. Selain itu, MBKS memaklumkan bagi tunggakan sejumlah RM1.15 juta oleh pemilik Pegangan Khas II pihaknya telah mengeluarkan surat peringatan, surat tuntutan dan pemilik pegangan telah mengemukakan permohonan pengurangan cukai taksiran kepada Kementerian. MBKS masih menunggu maklum balas daripada Kementerian dan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan hasil cukai taksiran semasa dan tunggakan cukai taksiran setiap tahun.

Pada pendapat Audit, tindakan lebih awal perlu diambil oleh MBKS dan MPP sebelum tunggakan cukai taksiran melangkaui tempoh 6 tahun dan tindakan tegas diambil bagi memastikan tunggakan tersebut dijelaskan oleh pemilik harta berkenaan pada masa yang sepatutnya.

1.4.3. Tiada Penilaian Semula Dilaksanakan

1.4.3.1. Seksyen 63(4) Ordinan menetapkan Senarai Nilaian baharu terhadap pegangan berkadar perlu disedia dan disiapkan setiap 5 tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan dan ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Senarai Nilaian bersama pindaan terhadap senarai tersebut akan terus berkuat kuasa sehingga Senarai Nilaian baharu disiap dan disediakan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan tempoh lanjutan Senarai Nilaian yang sedang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003 dan tempoh seterusnya sehingga Senarai Nilaian baharu disediakan. Kelulusan tersebut telah diwartakan pada 14 Jun 2007. Senarai Nilaian baharu perlu disediakan bagi mendapat nilai sewaan yang setimpal dengan nilai sewaan semasa dan menyeragamkan *Unit Rental Value (URV)* yang digunakan dalam penentuan *Annual Rateable Value (ARV)* sesuatu pegangan berkadar.

1.4.3.2. Semakan Audit mendapati MBKS dan MPP masih menggunakan Senarai Nilaian yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1998 dan sehingga tarikh pengauditan tiada Senarai Nilaian baharu disedia dan disiapkan bagi menggantikan Senarai Nilaian tersebut. Keadaan ini serta pembangunan kawasan perumahan dan komersil yang pesat

menyebabkan perbezaan di dalam penetapan URV terutamanya bagi jenis pegangan sama yang berada di lokaliti yang berdekatan.

1.4.3.3. Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan MPP menggunakan kaedah perbandingan dalam membuat penilaian pegangan harta di kawasan pentadbirannya. Penilaian sesuatu pegangan baharu akan melibatkan kaedah perbandingan dengan URV pegangan lain yang terdapat di dalam Senarai Nilaian yang sedang berkuat kuasa. Semakan Audit terhadap 33 pegangan jenis kediaman, pegangan khas dan komersil di 2 kawasan MBKS iaitu kawasan Tabuan Jaya dan BDC mendapat terdapat perbezaan di antara URV yang dikenakan bagi tujuan pengiraan ARV. Perbezaan berlaku disebabkan perluasan sempadan MBKS yang mengambil alih sebahagian pegangan milik MPP di mana URV yang digunakan bagi pengiraan ARV dikekalkan. Bagi MPP, 13 pegangan telah dipilih sebagai sampel di mana terdapat perbezaan URV yang dikenakan bagi menentukan ARV sesebuah pegangan walaupun pegangan tersebut berada di lokaliti yang berdekatan. Contoh adalah seperti di **Jadual 1.11** dan **Jadual 1.12**.

Jadual 1.11
Perbezaan URV Yang Digunakan Untuk Penetapan ARV Rumah Kediaman MBKS Dan MPP

PBT	Bil.	Ruj.Fail	Tarikh Kuat Kuasa ARV	Lokaliti	Jenis Pegangan	Aras	URV/ Meter Per Segi (RM)
MBKS	1.	Q0198	01.08.1984	Taman Satria Jaya, BDC	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Tingkat Bawah	8.61
	2.	N15513	01.02.2012	Lorong Durian Burung, BDC	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Tingkat Bawah	12.92
	3.	P 0027	01.01.1978	Lorong Urat Mata, Tabuan Jaya	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Tingkat Bawah	4.30
	4.	P 5414	01.06.2002	Tabuan Jaya PhaselIV	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Tingkat 1	11.84
MPP	5.	H14785	01.10.2014	Jalan Arang	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Tingkat Bawah	11.84
	6.	H12197	01.01.2016	Batu 3 ½ Jalan Penrissen	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Tingkat 1	12.92
	7.	M 6146	01.01.1997	Taman Megajuta Jalan Batu Kawa	Rumah Banglo 2 Tingkat	Tingkat Bawah	13.99
						Tingkat Bawah: Tempat Letak Kereta	5.38
						Tingkat 1: Balkoni	5.38
	8.	M 13497	01.12.2013	Jalan Field Force	Rumah Banglo 2 Tingkat	Tingkat Bawah: Tempat Letak Kereta	11.84
						Tingkat 1: Balkoni	4.31
							4.31

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

Jadual 1.12
Perbezaan URV Yang Digunakan Untuk Penetapan ARV
Pegangan Khas/Komersil MBKS Dan MPP

PBT	Bil.	Ruj.Fail	Tarikh Kuat Kuasa ARV	Lokaliti	Jenis Pegangan	Aras	URV/ Meter Per Segi (RM)
MBKS	1.	I0021	01.06.1995	Jalan Padungan	Hotel	Coffee House	11.84
						Lobi	2.15
						Pejabat	7.53
	2.	M6376A	01.06.2014	Jalan Datuk Tawi Sli	Hotel	Coffee House	7.53
						Lobi	7.53
						Tingkat Bawah: Lobi/Pejabat	7.53
	3.	P4355	01.01.1998	Tabuan Jaya	Kedai 3 Tingkat	Tingkat Bawah: Kedai	32.29
						Tingkat Pertama	19.38
						Tingkat Kedua	12.92
	4.	N 9349	01.01.2003	Jalan Lapangan Terbang (RH Plaza)	Kedai 3 Tingkat	Tingkat Bawah: Kedai	25.83
						Tingkat 1	16.15
						Tingkat 2	10.76
MPP	5.	M 4465	01.01.1996	Taman Phoenix Jalan Batu Kawa	Kedai 2 Tingkat	Tingkat Bawah: Kedai	26.90
						Tingkat 1: Kediaman	16.14
	6.	M 6386	01.10.1997	Taman Metro Batu Kawa	Kedai 2 Tingkat	Tingkat Bawah: Kedai	20.45
						Tingkat 1: Kediaman	10.76

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.3.4. Seksyen 2, Seksyen 61(2) dan Seksyen 90A Ordinan membolehkan PBT melaksanakan kerja mengukur periksa serta menilai semula pegangan yang telah diubah suai atau sekiranya ada tambahan bangunan. Bagi menangani isu pengubahsuaian atau pertambahan pada bangunan sedia ada yang dibuat oleh pemilik pegangan tanpa kelulusan, MBKS dan MPP telah merancang dan membuat kerja mengukur periksa dan menilai semula pegangan mengikut jadual dan lokaliti pegangan yang telah ditetapkan. Penetapan ARV yang baru adalah berdasarkan keadaan semasa dan menggunakan URV asal sesebuah pegangan tersebut. Bagi tahun 2013 hingga 2015, MBKS dan MPP telah membuat kerja mengukur periksa dan penilaian semula ke atas 2,571 pegangan yang telah diubah suai atau tambahan bangunan di 91 lokasi. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.13**.

Jadual 1.13

Bilangan Pegangan MBKS Dan MPP Yang Diukur Periksa Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Tahun	Bilangan Lokasi			Bilangan Pegangan		
		MBKS	MPP	Jumlah	MBKS	MPP	Jumlah
1.	2013	10	19	29	364	513	877
2.	2014	6	19	25	386	627	1,013
3.	2015	25	12	37	429	252	681
Jumlah		41	50	91	1,179	1,392	2,571

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.3.5. Maklum balas daripada MBKS bertarikh 19 Julai 2016 dan MPP bertarikh 12 Julai 2016, menyatakan MBKS dan MPP masih menggunakan Senarai Nilaian yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1998 dan membuat pindaan terhadap Senarai Nilaian tersebut dari semasa ke semasa. Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan MPP juga membuat jadual tahunan untuk mengukur periksa serta menilai semula pegangan dan mengenakan cukai taksiran tambahan sekiranya ada penambahan/pengubahsuaian pada pegangan yang berkaitan. Kedua-dua PBT memaklumkan URV asal digunakan semasa membuat penilaian pegangan.

Pada pendapat Audit, Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak, MBKS dan MPP perlu menyedia dan menyiapkan Senarai Nilaian baharu bagi tujuan mendapatkan nilai cukai tahunan yang setimpal dengan nilai pasaran semasa.

1.4.4. Tiada Sistem Penilaian Dibangun Dan Digunakan

1.4.4.1. Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan MPP menggunakan sistem *Rating And Valuation* untuk mengurus kutipan dan kadar cukai taksiran. Sistem ini dibangunkan di bawah sistem ILAIS di MBKS dan Sistem e-LA2 di MPP. Bagaimanapun, adalah didapati tiada sistem dibangunkan bagi pengurusan penilaian di kedua-dua PBT tersebut. Pengurusan penilaian masih dilakukan secara manual walaupun bilangan pegangan telah meningkat dari tahun 2013 hingga 2015. Butiran lanjut adalah seperti di Jadual 1.14.

Jadual 1.14

Bilangan Pegangan MBKS Dan MPP Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	PBT	Bilangan Pegangan		
		2013	2014	2015
1.	MBKS	45,015	46,047	47,636
2.	MPP	66,778	69,355	71,534

Sumber: Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Perbandaran Padawan

1.4.4.2. Maklum balas daripada MBKS bertarikh 19 Julai 2016 dan MPP bertarikh 12 Julai 2016, menyatakan kerja penilaian MBKS dilaksanakan dengan menggunakan perisian AutoCad serta Microsoft Word. Majlis Perbandaran Padawan pula menggunakan Microsoft Excel serta Sistem Penilaian akan dibangunkan di bawah sistem e-LA2 yang sedang digunakan oleh MPP dan bagi MBKS sistem tersebut akan digunakan pada tahun 2017.

Pada pendapat Audit, sistem penilaian yang berintegrasi dengan sistem kadaran cukai taksiran perlu dibangunkan untuk kegunaan MBKS dan MPP selaras dengan peningkatan bilangan pegangan dan keperluan semasa.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kutipan cukai taksiran Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Perbandaran Padawan diurus dengan lebih cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 1.5.1.** Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan MPP mengambil tindakan lebih awal sebelum tunggakan cukai taksiran melangkaui tempoh 6 tahun dan tindakan tegas diambil bagi memastikan tunggakan tersebut dijelaskan oleh pemilik harta berkenaan pada masa yang sepatutnya.
- 1.5.2.** Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak, MBKS dan MPP menyedia serta menyiapkan Senarai Nilaian baharu bagi tujuan mendapatkan nilai cukai tahunan yang setimpal dengan nilai pasaran semasa.
- 1.5.3.** Majlis Bandaraya Kuching Selatan serta MPP membangun dan menggunakan sistem penilaian yang berintegrasi dengan sistem kadaran cukai taksiran selaras dengan peningkatan bilangan pegangan dan keperluan semasa.


JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

2. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN PUSAT AKUATIK DI KOMPLEKS SUKAN SARAWAK, PETRA JAYA, KUCHING

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Projek Pembinaan Pusat Akuatik di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya, Kuching adalah bertujuan untuk menyediakan satu pusat akuatik bertaraf antarabangsa yang memenuhi piawaian Federation Internationale de Natation (FINA) dan untuk menganjurkan acara akuatik semasa Sukan Malaysia ke-18 (SUKMA) pada tahun 2016 dan Sukan SEA pada tahun 2017. Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) adalah agensi pelaksana dan kontraktor projek ini adalah Tetuan PPES Works (Sarawak) Sendirian Berhad dan PN Construction Sendirian Berhad (PPES/PN) secara usaha sama. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina serta rundingan terus dengan nilai kontrak sejumlah RM163.45 juta. Perunding yang dilantik oleh PPES/PN bagi projek ini adalah Perunding Dayacipta, Jurutera Perunding Wahba Sendirian Berhad, KTA (Sarawak) Sendirian Berhad dan PEB Consulting QS Sendirian Berhad. Projek ini mempunyai keluasan kasar lantai sejumlah 22,386 meter persegi dan meliputi 3 komponen utama iaitu *Central Public Plaza* merangkumi *Boulevard* dan *Celebration Square* yang dapat menampung 20,000 orang, *Information Centre* merangkumi pusat pentadbiran dan maklumat serta *Aquatic Centre* merangkumi *Swimming Competition/Water polo Pool*, *Diving/Synchronised Swimming Pool*, *Training/Warm Up Swimming Pool* dan *Leisure Pool* seluas 1,000 meter persegi. Pelan lokasi Pusat Akuatik di Kompleks Sukan Sarawak adalah seperti di **Peta 2.1**.

Peta 2.1
Pelan Lokasi Pusat Akuatik Di Kompleks Sukan Sarawak



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek Pusat Akuatik ini dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan selamat serta mengambil kira aspek kecekapan, ekonomi dan keberkesanannya untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek ini bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKR Sarawak dan Pejabat JKR, Wilayah Selatan. Pengauditan juga adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti (KBSS) dan Perbadanan Sukan Sarawak (PSS). Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan projek. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek pada 26 April 2016, 29 April 2016, 8 Ogos 2016 dan 2 September 2016 serta perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan. *Exit Conference* telah diadakan pada 19 Julai 2016 dan dihadiri oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak, Pengarah Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri, wakil daripada Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti, wakil daripada Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan, wakil daripada Perbadanan Sukan Sarawak, perunding dan kontraktor.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek ini adalah memuaskan dan menepati sasaran Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyediakan kemudahan latihan dan pertandingan acara akuatik terutamanya untuk SUKMA 2016. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:

- Spesifikasi kerja tidak dipatuhi sepenuhnya.
- Proses pengujian dan pentaluhanan peralatan kurang memuaskan.
- Perekodan aset dan inventori belum disiapkan sepenuhnya serta peralatan elektronik dan sukan tidak disimpan dengan teratur.

2.4.1. Prestasi Keseluruhan Projek

2.4.1.1. Semakan Audit mendapati tempoh pelaksanaan projek ini adalah 30 bulan dan bermula pada 03 April 2013 serta dijadualkan siap pada 02 Oktober 2015 tetapi hanya siap pada 18 Januari 2016 setelah mendapat Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa (EOT) selama 108 hari. *Certificate of Practical Completion (CPC)* bagi projek ini telah dikeluarkan pada 18 Februari 2016. Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah selama 24 bulan dan tamat pada 17 Januari 2018. Semakan Audit selanjutnya mendapati peruntukan yang diterima oleh JKR daripada Kerajaan Negeri Sarawak dari tahun 2013

hingga 2016 bagi projek ini adalah sejumlah RM163.42 juta dan perbelanjaan setakat bulan Jun 2016 adalah sejumlah RM140.92 juta iaitu 86.2%.

2.4.1.2. Semakan Audit juga mendapati 2 EOT yang berjumlah 108 hari diluluskan oleh JKR. Antara sebab kelewatan adalah keadaan cuaca yang tidak menentu dan kerja tambahan bagi memenuhi kehendak *Amateur Swimming Union of Malaysia* (ASUM) dan *swimming pool specialist requirements*. Butiran mengenai EOT adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Butiran Mengenai EOT

Bilangan EOT	Tempoh Lanjutan Masa	Jumlah Hari	Sebab Kelewatan
1.	03.04.13 hingga 30.06.15	38	Keadaan cuaca yang tidak menentu
2.	Bulan November 2015 hingga Januari 2016	70	Kerja tambahan bagi memenuhi kehendak ASUM dan <i>swimming pool specialist requirements</i>
Jumlah		108	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

2.4.1.3. Pensijilan Pusat Akuatik

- a. Semakan Audit mendapati pada 18 Disember 2015, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak telah mengeluarkan surat sokongan penuh kelayakan menduduki bangunan bagi projek ini. Manakala *Occupation Permit* bagi pusat akuatik ini telah dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara pada 18 Februari 2016.
- b. Mengikut minit mesyuarat *FINA Certification Inspection by ASUM* bertarikh 3 hingga 4 Februari 2016, survei telah dijalankan oleh Juruukur Berlesen dan menunjukkan bahawa *Competition Pool, Diving Pool and Platform* dan *Training Pool* mematuhi piawaian FINA. Minit tersebut juga menyatakan ASUM menjalankan pemeriksaan terhadap 4 *Aquatic disciplines* iaitu *swimmimg, diving, synchronised swimming and water polo* dan mengesahkan secara amnya fasiliti telah mematuhi *FINA Facilities Rules for Olympic/World Championship Standard* dan Sijil *Pool Certification* bertarikh 8 Februari 2016 telah dikeluarkan oleh ASUM.

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan projek pusat akuatik adalah memuaskan. Selain itu, ASUM yang mewakili FINA telah mengesahkan pusat akuatik ini mematuhi piawaian FINA dan disahkan sebagai *FINA Olympic Standard Pool*.

2.4.2. Pengurusan Perolehan

2.4.2.1. Mengikut Pelan Induk bagi Kompleks Sukan Negeri Sarawak yang diluluskan oleh Majlis Perancang Negeri (MPN) pada 15 Mei 2002, skop kerja Fasa I adalah terhad kepada pembangunan 3 komponen utama projek meliputi *Central Public Plaza* merangkumi *Boulevard* dan *Celebration Square, Information Centre* merangkumi pusat

pentadbiran dan *Aquatic Centre* merangkumi *Swimming Competition/Water Polo Pool, Diving/Synchronised Swimming Pool, Training/Warm Up Swimming Pool* dan *Leisure Pool*. Mengikut memorandum rasmi bertarikh 14 September 2006 daripada Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan projek ini tetapi pelaksanaan ditangguhkan. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 18 Julai 2016, menyatakan bahawa projek ini ditangguhkan sehingga tahun 2012 disebabkan kekangan peruntukan.**

2.4.2.2. Pada tahun 2012, JKR diminta untuk membuat penilaian semula terhadap kos projek tersebut. Sehubungan itu, mesyuarat rundingan harga semula telah diadakan antara JKR, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, Kementerian Pembangunan, Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak dan PPES/PN pada bulan Disember 2012 di mana nilai projek yang dimuktamadkan adalah sejumlah RM163.45 juta dibayar secara tunai. Semakan Audit mendapati Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 10 Januari 2013 telah meluluskan projek ini untuk dilaksanakan oleh PPES/PN secara reka dan bina serta rundingan terus dengan harga kontrak bernilai RM163.45 juta. Pengecualian prosedur tender bagi projek ini telah diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri pada bulan Februari 2013. Surat Setuju Terima bertarikh 04 Mac 2013 telah dikeluarkan dan perjanjian kontrak telah dimeterai antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan PPES/PN pada 04 April 2013. Tempoh kontrak adalah 30 bulan dari 03 April 2013 hingga 02 Oktober 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan kerja pembinaan pusat akuatik telah diuruskan dengan teratur.

2.4.3. Peranan Perunding

2.4.3.1. Di bawah projek reka dan bina, kontraktor utama melantik perunding dalam bidang tertentu bagi menjalankan kajian awal dan menyediakan cadangan reka bentuk projek serta memantau pelaksanaan projek. Pengurus Wilayah, Pejabat JKR Wilayah Selatan dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek dan bertanggungjawab secara langsung untuk menyelia projek ini. Pihak kontraktor melantik 4 perunding dalam pelaksanaan projek ini iaitu Perunding Dayacipta untuk kerja seni bina, Jurutera Perunding Wahba Sendirian Berhad untuk kejuruteraan awam dan struktur, KTA (Sarawak) Sendirian Berhad untuk kejuruteraan mekanikal dan elektrikal dan PEB Consulting QS Sendirian Berhad untuk ukur bahan. Pemantauan projek dijalankan melalui mesyuarat tapak, mesyuarat koordinasi perunding, mesyuarat *Special Meeting*, mesyuarat *Close Monitoring* dan Laporan Kemajuan Kewangan Dan Fizikal.

2.4.3.2. Lawatan Audit ke tapak projek pada 26 April 2016, 29 April 2016, 8 Ogos 2016 dan 2 September 2016 serta semakan Audit ke atas dokumen kontrak mendapati perkara berikut:

a. Spesifikasi Kerja Tidak Dipatuhi Sepenuhnya

i. Kabel Elektrik Untuk Lampu Limpah Dipasang Terlalu Padat

Mengikut Perkara 1.29 (ii) JKR Standard Electrical Installation 2006, *The total number of cables shall not exceed a space factor of 45% in a trunking or 35% in a ducting. Correction factors must be applied to the cable current-carrying capacity for groups of more than one circuit of cables and for ambient temperature.* Didapati kabel elektrik untuk lampu limpah dipasang terlalu padat seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. **Selepas teguran Audit mengenai isu ini semasa di Exit Conference pada 19 Julai 2016, pihak perunding melalui JKR bertarikh 21 Julai 2016 menyatakan bahawa “based on both space factor and correction factor requirement in IEE Wiring Regulation, the cables installation at site is acceptable. Although we are using enclosed trunking space factor for calculation, the actual installation on site is using cable tray which provide better heat dissipation than enclosed trunking. However, we suggest the Contractor to provide a perforated cover for the horizontal cable trays as additional mechanical protection, tagging for all cables on the cable tray and to take temperature measurement at full load”.**

Lawatan susulan Audit ke Pusat Akuatik pada 2 September 2016 mendapati cara pemasangan kabel elektrik untuk lampu limpah telah ditambahbaikan seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 5, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 5, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 2.3
Kabel Elektrik Untuk Lampu Limpah
Telah Disusun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 5, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 02 September 2016

Gambar 2.4
Kabel Elektrik Untuk Lampu Limpah
Telah Disusun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 5, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 02 September 2016

ii. Tiada Pelapik Getah Diletakkan Di Atas Lantai Di Hadapan Papan Suis

JKR Standard Electrical Installation Specification 2006 Perkara 4.37 menyatakan *The contractor shall supply an insulating rubber mat 6 mm thick, 900 mm wide, all around the perimeter of the switchboard.* Pemeriksaan Audit mendapati tiada pelapik getah diletakkan di atas lantai di hadapan papan suis seperti di **Gambar 2.5**. Selepas teguran Audit, pelapik getah diletakkan di atas lantai seperti di **Gambar 2.6**. Memandangkan pemeriksaan Audit adalah berdasarkan sampel sahaja kontraktor hendaklah memastikan tindakan diambil secara keseluruhannya.

Gambar 2.5
Tiada Pelapik Getah Diletakkan Di Atas
Lantai Di Hadapan Papan Suis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Elektrik, Tingkat 2, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016


Gambar 2.6
Pelapik Getah Diletakkan Di Atas Lantai
Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Tarikh: 19 Julai 2016

iii. Kabel Elektrik Utama Belum Disambungkan Lagi Pada Main Switch Board

Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati kabel elektrik utama belum disambungkan lagi pada *Main Switch Board* (MSB) seperti di **Gambar 2.7**. Selepas teguran Audit, *cables are terminated in the Rental Genset Interface Board* seperti di **Gambar 2.8**. **Maklum balas daripada perunding melalui JKR bertarikh 21 Julai 2016, menyatakan bahawa “the cables shown in the audit report are the cables in the Rental Genset Interface Board which is located in MSB Room, Level 1. This is an additional requirement to connect the MSB incoming to rental genset from third party whenever required”.**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik MSB, Tingkat 1, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Tarikh: 19 Julai 2016

iv. Kabel Bawah Tanah Untuk Lampu Limpah Tidak Ditanam Dengan Sempurna Dan Terdedah

JKR Standard Electrical Installation Specification 2006 Perkara 3.05(i) menetapkan *underground cables shall be buried in trench to a minimum depth of 650 mm with increased depth to clear other underground services*. Pemeriksaan Audit mendapati kabel bawah tanah untuk lampu limpah tidak ditanam dengan sempurna serta terdedah seperti di **Gambar 2.9**. Selepas teguran Audit, kerja penambahbaikan dibuat seperti di **Gambar 2.10**. Memandangkan pemeriksaan Audit adalah berdasarkan sampel sahaja kontraktor hendaklah memastikan tindakan diambil secara keseluruhannya. **Maklum balas daripada perunding melalui JKR bertarikh 21 Julai 2016, menyatakan bahawa “the Contractor will excavate the underground cable area and ensure the underground cables are installed as per contract requirement with 650mm depth trench”.**

Gambar 2.9
Kabel Bawah Tanah Untuk Lampu Limpah Tidak Ditanam Dengan Sempurna Dan Terdedah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Luar, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 2.10
Kerja Penambahbaikan Dibuat Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Tarikh: 19 Julai 2016

v. Tiada Penandaan Arah Anak Panah Air Masuk/Keluar Pada Paip Air

Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati tiada penandaan arah anak panah air masuk/keluar pada paip air seperti di **Gambar 2.11**. Ini boleh menyukarkan kerja penyenggaraan. Selepas teguran Audit, penandaan arah dibuat seperti di **Gambar 2.12**. Memandangkan pemeriksaan Audit adalah berdasarkan sampel sahaja, kontraktor hendaklah memastikan tindakan diambil secara keseluruhannya.

Gambar 2.11
Tiada Penandaan Arah Anak Panah Air Masuk/Keluar Pada Paip Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 1, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 2.12
Penandaan Arah Dibuat Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Tarikh: 19 Julai 2016

vi. Sistem Kamera (*Photo Finish*) Bagi Kolam Renang

Mengikut dokumen kontrak, sistem kamera dengan kos sejumlah RM517,920 dipasang untuk kolam renang. Semakan Audit terhadap dokumen pemeriksaan peralatan mendapati bagi perkhidmatan elektrik khusus, empat buah kamera *photo finish with race patrol* bagi kolam pertandingan dan 2 buah *overhead camera* bagi kolam pertandingan dan kolam selam telah dibekalkan oleh kontraktor seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**. **Maklum balas daripada perunding melalui JKR bertarikh 21 Julai 2016, menyatakan bahawa “the specification of photo finish camera provided at site is the same as stated in the contract. The ‘race patrol’ is a features of the photo finish camera whereby it can be used to review the competition at finishing line/relay take-off. The overhead cameras provided at site is tally with the contract requirement and the cameras can be fixed on the catwalk at roof level and can be demounted and store in the Control Room when there is no function”**. Lawatan Audit ke Pusat Akuatik pada 8 Ogos 2016 semasa acara akuatik bagi Sukan Paralimpiad Malaysia Sarawak 2016 berlangsung mendapati *overhead camera* masih belum dipasang. Bagaimanapun lawatan susulan Audit pada 2 September 2016 mendapati *overhead camera* tersebut telahpun dipasang seperti di **Gambar 2.15** dan **Gambar 2.16**. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 04 Oktober 2016, menyatakan bahawa “this item is not installed permanently at its assigned location as marked due to security reasons. Asset referred has been handed to the client upon the handover of the project”**.

**Gambar 2.13
Kamera Photo Finish**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

**Gambar 2.14
Overhead Camera**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 29 April 2016

Gambar 2.15
Tapak Untuk Memasang
Kamera Overhead



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 2 September 2016

Gambar 2.16
Tapak Untuk Memasang
Kamera Overhead



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 2 September 2016

b. Kualiti Pembinaan Kurang Memuaskan

i. Air Bertakung

Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati air bertakung di kawasan lantai tepi kolam seperti di **Gambar 2.17** dan **Gambar 2.18**. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 18 Julai 2016, menyatakan bahawa isu air bertakung di kawasan lantai tepi kolam merupakan perkara yang disenaraikan dalam defect list dan kerja penambahbaikan dijangka bermula selepas SUKMA 2016 yang berakhir pada 31 Julai 2016.** Lawatan susulan Audit ke Pusat Akuatik pada 2 September 2016 mendapati masalah air bertakung di kawasan lantai tepi kolam telah diambil tindakan dengan pemasangan perangkap air seperti di **Gambar 2.19**.

Gambar 2.17
Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 2, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 2.18
Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 2, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016



Gambar 2.19
Pemasangan Perangkap Air Telah Dibuat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 2, Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 02 September 2016

ii. Keadaan *Apron* Dan *Grating* Besi Longkang Tidak Memuaskan

Pemeriksaan Audit di sekeliling tapak projek mendapati *apron* di belakang Pusat Akuatik telah dipenuhi tanah dan kerja pemasangan *grating* besi longkang tidak sempurna seperti di **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.21**. Selepas teguran Audit, kerja penambahbaikan dibuat seperti di **Gambar 2.22** dan **Gambar 2.23**. Memandangkan pemeriksaan Audit adalah berdasarkan sampel sahaja kontraktor hendaklah memastikan tindakan diambil secara keseluruhannya.

Gambar 2.20
Keadaan Apron Di Belakang Pusat Akuatik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 29 April 2016

Gambar 2.21
Grating Besi Longkang Tidak Dapat Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 29 April 2016

Gambar 2.22
Kerja Penambahbaikan Dibuat
Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Tarikh: 19 Julai 2016

Gambar 2.23
Kerja Penambahbaikan Dibuat
Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Tarikh: 19 Julai 2016

Pada pendapat Audit, JKR sebagai Pegawai Pengguna Projek perlu memastikan bahawa perunding memainkan peranan yang berkesan dalam memastikan kualiti pembinaan dan pembekalan peralatan adalah mengikut spesifikasi kontrak sepenuhnya.

2.4.4. Pengujian, Pentaulahan Dan Penyerahan Peralatan

Sebagai agensi pelaksana dan Pegawai Pengguna Projek, penglibatan JKR dalam semua proses pengujian, pentaulahan dan penyerahan peralatan adalah perlu untuk memastikan peralatan dan instalasi adalah mengikut spesifikasi kontrak serta dalam keadaan baik dan berfungsi.

2.4.4.1. Semakan Audit ke atas dokumen pengujian dan pentaulahan peralatan Pusat Akuatik mendapati ia hanya melibatkan pembekal, kontraktor utama dan perunding. Tiada bukti yang menunjukkan penglibatan JKR, sebagai agensi pelaksana dan Pegawai Pengguna Projek dalam proses ini. Semakan Audit juga mendapati terdapat perbezaan antara tarikh pemeriksaan dan tarikh saksi dalam dokumen tersebut seperti contoh di **Dokumen 2.1** dan **Dokumen 2.2**. Terdapat juga dokumen yang tidak mempunyai tarikh seperti contoh di **Dokumen 2.3**.

Dokumen 2.1
Tarikh Pengujian Dan Tarikh Saksi Yang Berbeza

PROJECT : PROPOSED DESIGN, CONSTRUCTION AND COMPLETION OF AQUATIC CENTRE AT SARAWAK SPORT COMPLEX, PETRA JAYA, KUCHING SARAWAK		
TESTING AND COMMISSIONING OF PUMPSET		
Date :	24-2-2016	
Time :		
1. INFORMATION DATA		
1.1 Pump Name	No. 1	
1.2 Service	WATER FILTRATION CIRCULATING PUMPSETS, COMPLETION POOL	
1.3 Make	REGALINE	
1.4 Model	IPZ00-250	
1.5 Motor Size	22 KW 415VAC 50 Hz	
1.6 Suction Dia (mm)	200MMR	
1.7 Discharge Dia. (mm)	200MMR	
1.8 Material	Shaft: STAINLESS STEEL Impeller dia (mm): Casing: CAST IRON Seal: MECHANICAL SEAL.	
1.9 Starter Type	TRANSFORMER STARTER.	
2. OPERATION DATA		
2.1 Discharge Pressure Psig	24 psig	
2.2 Motor Starting / Running Amp	R: 25.2A Y: 25.4A B: 24.2A	
2.3 O/L Setting Amp	13 Amps.	
3. INSTALLATION		
3.1 Mounting and Vibration Isolation	RECYCLED RUBBER PAD.	
Remarks:		
Test Result:	<input checked="" type="checkbox"/> ACCEPTED <input type="checkbox"/> REJECTED	
Carried Out by:	Witnessed by:	Agreed by:
	 Name: NABILAH BULIN M&E CLERK OF WORKS	 Name: CHONG CK
Contractor Representative Name: BETTY LILY	Inspected By: Contractor	Witnessed By: Engineer Representative
Jacky Tay	Name: Mohd. Bulew Donsing Date: 24/02/16	Name: LKAN NEGERI SARAWAK Date: 07/03/2016

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Dokumen 2.2
Tarikh Pengujian Dan Tarikh Saksi Yang Berbeza

PERKASA SDN BHD (1055344) K3	THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF PROPOSED AQUATIC CENTRE PETRAJAYA, KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA.	
INSPECTION CHECKLIST For SOUND REINFORCEMENT SYSTEM		
Room Equalization Test		
Typical Measurement Microphone Positions:		
Measurement of SRS Equalized Response:		
Speaker Position	SPL Measured	Distant
SPL Pos. 1 (dB)		
SPL Pos. 2 (dB)		
SPL Pos. 3 (dB)		
SPL Pos. 4 (dB)		
SPL Pos. 5 (dB)		
SPL Pos. 6 (dB)		
SPL Pos. 7 (dB)		
Inspected By: Contractor	Witnessed By: Engineer Representative	Witnessed By: Engineer Representative
	 Name: LKAN NEGERI SARAWAK Date: 07/03/2016	 Name: CHONG CK Date: 07/03/2016

Sumber: Jabatan Kerja Raya

2.4.4.2. Semakan Audit juga mendapati tiada bukti yang menunjukkan penglibatan JKR dalam proses penyerahan peralatan. Dokumen penyerahan peralatan hanya ditandatangani oleh kontraktor utama, perunding dan PSS seperti contoh di **Dokumen 2.4**.

Dokumen 2.3
Tarikh Tidak Dicatatkan




PROJECT : PROPOSED DESIGN, CONSTRUCTION AND COMPLETION OF AQUATIC CENTRE AT SARAWAK SPORT COMPLEX, PETRA JAYA, KUCHING SARAWAK	
TESTING AND COMMISSIONING OF SAND FILTER	
Date :	(Yellow circle)
Time :	
1. INFORMATION DATA	
1.1 Sand Filter Name :	No.3
1.2 Service / Location :	Completion pool
1.3 Make :	AQUATICS
1.4 Model :	LUBUNS LH-240
1.5 Filter Area :	1400 mm dia. x 4600 mm (H x 1970 mm (H))
1.6 Rate Of Filtration :	200 M ³ /HR operational flow
1.7 Inlet / Outlet pipe dia. (mm) :	150 MM
1.8 Media bed depth :	
1.9 Filter Media :	SAND
2. OPERATION DATA	
2.1 Inlet Pressure Psig :	12.5 psig
2.2 Outlet Pressure Psig :	11.5 psig
Remarks :	
Test Result :	<input checked="" type="checkbox"/> ACCEPTED <input type="checkbox"/> REJECTED
Carried Out by :	
Witnessed by :	
Resident Engineer	Agreed by :
Contractor Representative Name: JEFFREY LIEW Signature: Jalty Foo	Inspector Of Works Name: LEE BOON Signature: 29/6/16
Resident Engineer Name: CHENG CK Signature: ahu	

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Dokumen 2.4
Dokumen Penyerahan Peralatan

Client: Government of Sarawak	Consultant Site Office	Turnkey Contractor: PPES Works (Sarawak) – PN Construction JV	Project: Proposed Construction And Completion Of Aquatic Centre At Sarawak Sports Complex, Petra Jaya, Kuching, Sarawak		
From :	PPES Works (Sarawak) + PN Construction JV				
Description :	Completion of full set Dry Gym Equipment for Aquatic Center, Petra Jaya, Kuching, Sarawak				
Location :	Dry Gym				
No.	Particular / Item	Specification	Brand	Qty	Remark
1.	Trampoline a) Trampoline set with net & bracket b) Safety Pad (surround trampoline) c) Elastic	7000mm x 4000mm 7000mm x 4000mm x 30mm	GK	2 ✓ 2 ✓	
2.	Diving Pit 5000mm x 4000mm a) Wall padding b) Floor padding (20cm x 20cm x 20cm) c) Under layer vibration system d) Steel Platform (2m Rise Up)	Complete Set 3m x 2m ✓	GK	1	
3.	Spotting equipment for trampoline a) Safety harness b) Twisting ring (waist Bel)	Complete set with pulley - Medium size - Small size	Janssen Fritsen	5 ✓ 2 ✓ 2 ✓	
c)	Rope	Pparticularly made for diving usage	GK	5 ✓	
d)	Hook	Pparticularly made for diving usage	GK	5 ✓	
e)	Velcro strap	Pparticularly made for diving usage	GK	3 ✓	
f)	Weight team with strap	2.5 Kg	Kettler	4 ✓	No SWA L 2.5m
g)	Weight belt with strap	3kg (2.5kg x 1 box)(2)	Kettler	4 ✓	
4.	Landing Mats Mattress (springboard) Mattress (longboard) Training Mattress Training Mattress	3m x 2 m x 30cm 2m x 2 m x 20cm 2m x 2 m x 10cm 1.8m x 1.2m x 5cm		2 ✓ 2 ✓ 4 ✓ 4 ✓	
5.	Wall bar	Wood 210cm x 80cm	GK	3 ✓	
6.	3 Meter Diving Pit Stand (Platform)	Pparticularly made for diving usage (galvanized)	GK	1 ✓	
7.	Wall Protection Pad	17m ² (W x 1.5m ² H) x 3cm	GK	25.5m ² ✓	27m ²
8.	Spring Board	FINA Certified	DURAFLEX	3 ✓	

I/we hereby confirmed that the above items have been received in good condition

Main Contractor: Michael Sng
Name: Michael Sng
Date: 24/6/16
Consultant: Ho Kok Rue
Name: Ho Kok Rue
Date: 24/6/16
✓ (Inflatable Gun).
✓ Sprinkler (main).
✓ Way gun - 4).
✓ Pool Lights - (One not included).

Sumber: Jabatan Kerja Raya

2.4.4.3. Maklum balas daripada JKR bertarikh 18 Julai 2016, menyatakan bahawa the Contractor bears the responsibility of the design and construction of the project. The Consultant Team shall supervise, verify the testing and commissioning, ensure the timely completion in accordance to the provision of the contract – standing supervision for the various disciplines are by the consultants. The role of JKR is as verifier on an ad hoc basis.

Pada pendapat Audit, JKR sebagai Pegawai Penguasa Projek perlu memastikan proses pengujian dan pentauliahan dijalankan dengan teratur serta semua peralatan mengikut spesifikasi dan berfungsi dengan baik. Borang pengujian dan pentauliahan perlu dilengkapkan dengan tarikh manakala saksi dan pihak JKR perlu hadir semasa proses pengujian, pentauliahan dan penyerahan peralatan.

2.4.5. Pengurusan Aset

Mengikut amalan terbaik, semua aset kerajaan perlu disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengesanan dan mengelakkan kerosakan. Semua aset dan inventori juga perlu direkod dalam satu daftar dan dilabelkan dengan betul. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

2.4.5.1. Penyimpanan Peralatan Di Bilik Kawalan

Pemeriksaan Audit di bilik kawalan Pusat Akuatik mendapati peralatan sukan seperti komputer riba, *hand held judging console*, scanner, pencetak dan *OmniSport control console* tidak disimpan dengan teratur. Memandangkan ini adalah peralatan elektronik, ia perlu dilabelkan dengan betul, disimpan dengan teratur bagi mengelakkan kerosakan dan mudah untuk dikesan. Keadaan adalah seperti di **Gambar 2.24** dan **Gambar 2.25**.

Gambar 2.24
Keadaan Peralatan Dalam Bilik Kawalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 29 April 2016

Gambar 2.25
Hand Held Judging Console



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 29 April 2016

2.4.5.2. Penyimpanan Peralatan Kolam Di Stor

Pemeriksaan Audit juga mendapati peralatan kolam tidak disimpan dengan teratur seperti di **Gambar 2.26** dan **Gambar 2.28**. Walaupun pihak kontraktor telah mengambil tindakan dengan serta merta untuk mengemas stor peralatan tersebut, ianya masih tidak memuaskan dan masih boleh ditambah baik. Peralatan perlu disusun dengan teratur mengikut jenis bagi mengelakkan kerosakan dan mudah dikesan apabila diperlukan. Peralatan kecil seperti speaker perlu disimpan dalam kotak masing-masing supaya tidak disalah letak. Keadaan selepas teguran audit adalah seperti di **Gambar 2.27** dan **Gambar 2.29**.

Gambar 2.26
Keadaan Peralatan Di Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 2.27
Keadaan Peralatan Di Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 29 April 2016

Gambar 2.28
Keadaan Peralatan Di Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 26 April 2016

Gambar 2.29
Keadaan Peralatan Di Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Akuatik Kuching
Tarikh: 29 April 2016

2.4.5.3. Rekod Aset Dan Inventori

Memandangkan terdapat perabot, peralatan kolam dan pertandingan yang canggih serta mahal telah diterima oleh Pusat Akuatik Kuching, pihak PSS perlu menyediakan rekod aset dan inventori dengan mengambil kira semua perabot dan peralatan secepat mungkin. Selain itu, PSS juga perlu memastikan semua perabot dan peralatan dibekalkan sepenuhnya mengikut kontrak. **Maklum balas daripada PSS semasa Exit Conference pada 19 Julai 2016, menyatakan bahawa pengurusan aset masih dalam proses penambahbaikan.** Lawatan susulan Audit ke Pusat Akuatik pada 2 September 2016 mendapati pengurusan aset masih juga dalam proses penambahbaikan.

Pada pendapat Audit, PSS sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap pengoperasian pusat aquatik hendaklah memastikan semua aset dan inventori direkodkan. Aset dan inventori juga perlu dilabelkan dan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengesanan dan penyelenggaraan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek adalah disyorkan:

2.5.1. Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan kualiti kerja adalah pada tahap piawaian yang ditetapkan, proses pengujian dan pentauliahan dijalankan dengan teratur serta memastikan semua peralatan mematuhi spesifikasi kontrak dan berfungsi dengan baik sebelum CPC dikeluarkan.

2.5.2. Perbadanan Sukan Sarawak hendaklah memastikan semua aset dan inventori direkod, dilabelkan dengan betul dan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengesanan dan mengelakkan kerosakan.

2.5.3. Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Perbadanan Sukan Sarawak perlu memastikan segala kecacatan dan ketidakpatuhan spesifikasi kontrak dari segi pembinaan dan juga peralatan diambil tindakan sepenuhnya dalam tempoh tanggungan kecacatan.

PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

3. PROJEK PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBAIKAN KEMUDAHAN PELABUHAN TANJUNG MANIS

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pelabuhan Tanjung Manis yang sedia ada seluas 6.76 ekar telah dibina oleh Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR) pada 1997 dengan kos sejumlah RM75 juta. Pada bulan Februari 2009, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) melalui anak syarikatnya Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. (TMP), telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil alih operasi pelabuhan daripada LPR. Fungsi utama Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. adalah untuk mengendali, mengurus dan membangunkan Pelabuhan Tanjung Manis yang terletak di Bahagian Mukah. Pelabuhan ini berfungsi dengan memberi perkhidmatan pelabuhan di dermaga (*berthing/unberthing*), pengendalian kontena, penyimpanan dan pengangkutan kontena di antara Tanjung Manis dan Sibu serta menyediakan kemudahan kontena pendingin selain pengendalian kargo.

3.1.2. Pelabuhan Tanjung Manis telah mencatatkan pertumbuhan kendalian kargo kontena yang ketara pada tahun 2010, 2011 dan 2012 iaitu daripada 47,233 teus, 60,854 teus kepada 93,203 teus setahun masing-masing. Pelabuhan yang sedia ada mempunyai dermaga sepanjang 200 meter yang boleh mengendalikan sebanyak 50,000 teus setahun dengan tiada kemudahan untuk mengendalikan kargo pukal. Justeru, kapasiti tambatan kapal adalah terhad kepada hanya satu kapal pada satu-satu masa. Dengan trend peningkatan kendalian kargo kontena di pelabuhan Tanjung Manis maka tekanan untuk membaik pulih kemudahan pelabuhan sedia ada bagi mengelakkan kesesakan serta membolehkannya berfungsi sepenuhnya sebagai pelabuhan. Sehubungan itu, pada bulan Jun 2012, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, Sarawak (MIDCOM) telah mengemukakan kertas cadangan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk meluluskan pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan Tanjung Manis. Pada 20 September 2012, Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan projek bernilai RM88 juta yang akan dilaksanakan secara *deferred payment*. Projek ini mula dilaksanakan pada 13 Mac 2013 dan *Certificate of Practical Completion* (CPC) telah dikeluarkan pada 3 Disember 2015.

3.1.3. Objektif projek adalah untuk menyediakan kemudahan pelabuhan yang selamat dan mencukupi bagi memenuhi pertumbuhan kargo yang kian bertambah serta menyedia kemudahan pelabuhan untuk kawasan tengah Sarawak untuk menyokong pertumbuhan SCORE, Hab Halal Tanjung Manis dan POIC Tanjung Manis. Skop projek terbahagi kepada 2 pakej iaitu Pakej A (*Sea-based*) yang merangkumi kerja pembersihan tapak, pengorekan dasar sungai, kerja cerucuk dan konkrit, dasar sungai dan pemuliharaan tebing, pemasangan *system fender* dan *bollard*, tangki air dan rumah pam manakala Pakej B (*Land-*

(based) merangkumi kerja cerucuk, pembinaan blok pentadbiran, surau, kantin, bangunan Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis, pengubahsuaian bengkel, gerbang masuk, pemasangan *weighbridge* dan bilik kawalan serta kerja mekanikal dan elektrik.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada kerja pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan Tanjung Manis oleh PUSAKA telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kerja pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan Tanjung Manis. Pengauditan dijalankan di pejabat Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak dan Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan kerja pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan Tanjung Manis. Selain itu, temu bual bersama pegawai yang terlibat dan lawatan ke tapak projek juga dijalankan pada 27 hingga 28 April 2016. *Exit Conference* telah diadakan bersama Pengurus Besar PUSAKA pada 18 Julai 2016 yang turut dihadiri oleh Pengarah Eksekutif TMP dan Pengarah Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati kerja pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan di Tanjung Manis adalah memuaskan dari segi pembinaan dan pemantauan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dibuat memerlukan penambahbaikan seperti berikut:

- Pengurusan projek kurang teliti.
- Pengurusan perolehan kurang memuaskan.
- Pembiayaan projek lewat dimuktamadkan.

3.4.1. Prestasi Keseluruhan Projek

3.4.1.1. Semakan Audit terhadap pelaksanaan kerja kontrak mendapati tempoh kontrak adalah 24 bulan bermula pada tarikh penyerahan tapak iaitu 13 Mac 2013 dan dijadualkan siap pada 12 Mac 2015 tetapi telah diberi kelulusan lanjutan masa (EOT) selama 233 hari atas sebab masalah cuaca (32 hari), perubahan dan tambahan skop kerja yang sesuai dengan keadaan tapak serta menyesuaikan perbezaan di antara *Architectural and Structural Drawings* (201 hari). Bagaimanapun, projek ini telah berjaya

disiapkan dan *Certificate of Practical Completion* (CPC) telah dikeluarkan pada 3 Disember 2015.

3.4.1.2. Pakej A (*Sea-based*) untuk *Wharf Extension* telah mula digunakan setelah mendapat CPC yang berkuatkuasa pada 31 Oktober 2015 manakala bagi pakej B (*Land-based*) mendapat *Occupation Permit* pada 24 Mei 2016. Pakej A (*Sea-based*) bernilai RM44.52 juta dan Pakej B (*Land-based*) bernilai RM43.48 juta dan skop pembinaan projek adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Skop Pembinaan Projek (Pakej A Dan Pakej B)

Bil.	Pakej A (<i>Sea-based</i>) – <i>Wharf Extension</i> RM44,515,261	Pakej B (<i>Land-based</i>) – <i>Buildings & Other Infrastructure</i> RM43,484,739
1.	<i>Preliminaries</i>	<i>Preliminaries and Generally</i>
2.	<i>Site Clearing and Grubbing</i>	<i>Piling Works</i>
3.	<i>Dredging Work</i>	<i>Administration Block</i>
4.	<i>Piling Works</i>	<i>Surau</i>
5.	<i>River Bed Protection</i>	<i>Canteen</i>
6.	<i>Concreting Work</i>	<i>Port Authority Building</i>
7.	<i>Fender System, Bollard and Associate Facilities</i>	<i>Workshop Extension</i>
8.	<i>Other Facilities</i>	<i>Entrance Arch</i>
9.	<i>Riverbank Protection</i>	<i>Weigh Bridge And Control Room</i>
10.	<i>Water Storage Tank</i>	<i>External Works</i>
11.	<i>Pump House</i>	<i>Mechanical And Electrical Works</i>
12.	<i>Repair Works to Steel Fender and Associated Works</i>	
13.	<i>Mechanical and Electrical Works</i>	

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

3.4.2. Pengurusan Projek Kurang Teliti

3.4.2.1 Peranan Perunding

- a. Perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan ditakrifkan sebagai perunding yang dilantik oleh sesebuah agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal atau yang berbentuk kajian atau penyelidikan. Peranan perunding adalah penting bagi memastikan projek atau kajian yang dipertanggungjawabkan diurus, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan. Menurut surat pelantikan, tugas perunding merangkumi penyediaan dan mereka bentuk pelan lukisan, melaksanakan kajian mengikut keperluan yang ditetapkan, mengurus sumber manusia yang terlibat dalam projek, menganggarkan kos keseluruhan projek, mengenalpasti skop kerja dengan terperinci, menyediakan dokumentasi tender, penilaian dan nasihat kepada cadangan kontraktor, serta memantau kualiti kerja.

- b. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak telah melantik 5 syarikat perunding pada tahun 2011 manakala *site supervision team* dilantik pada tahun 2013 dengan kos keseluruhan berjumlah RM10.04 juta. Semakan Audit terhadap Kertas Cadangan MMKN mendapati perunding tidak mengenalpasti skop kerja yang terperinci semasa menyediakan anggaran kos keseluruhan projek yang berjumlah RM70.94 juta. Pada tahun 2012, kontraktor yang dilantik iaitu NAIM telah menganggarkan kos keseluruhan projek berjumlah RM88 juta iaitu perbezaan sejumlah RM17.06 juta atau 24% lebih tinggi daripada anggaran perunding. Rundingan dari aspek harga dan teknikal telah diadakan dalam tempoh 2012 hingga 2013 di antara PUSAKA, perunding dan kontraktor.
- c. Menurut PUSAKA, perbezaan kos yang ketara adalah kerana perunding menganggarkan kos yang terlalu rendah bagi *concreting work, riverbed protection* dan *dredging work* di mana kos yang dianggarkan oleh perunding adalah RM9.60 juta berbanding kos kontraktor selepas rundingan berjumlah RM16.42 juta yang menunjukkan perbezaan berjumlah RM6.82 juta atau 71% peningkatan dari kos yang dijangka oleh perunding. Perunding juga tidak menganggarkan *piling works to buildings and external works, pembinaan surau, kantin, air conditioning and ventilation services, extra LV services* dan pemasangan telefon serta PAB services yang berjumlah RM5.09 juta. Sementara itu, Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. telah mengemukakan skop kerja tambahan pada tahun 2012 bagi pakej *sea-based* iaitu *pump hose, mechanical and electrical works, geo tube riverbank protection, refurbishment work to fenders, and water tanks and associated works* manakala skop kerja tambahan bagi pakej *land-based* pula telah dikemukakan pada tahun 2013 iaitu *entrance arch, port authority bulding, external works, repair to drainage and interlocking tiles* yang berjumlah RM6.84 juta.
- d. **Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 14 Julai 2016**, menyatakan anggaran perunding masih *preliminary*, tidak tepat dan terlalu rendah. Bagi item *concreting work* dan *riverbed protection*, pihak perunding tidak mengambil kira kos kerja di dalam sungai di mana kadar harga perunding lebih rendah. Manakala kuantiti yang dianggarkan bagi *dredging work* adalah rendah. Skop kerja tambahan yang baru adalah disebabkan keperluan tambahan TMP dan Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis (LPTM) yang baru diwujudkan.

3.4.2.2. Perubahan Skop Dan Percanggahan *Architectural And Structural Drawings*

- a. Semakan seterusnya mendapati EOT selama 233 hari telah diluluskan oleh PUSAKA atas sebab masalah cuaca (32 hari), kerja pembaikan dan penambahbaikan serta percanggahan di antara *Architectural and Structural Drawings* (201 hari). Adalah didapati lanjutan masa selama 201 hari yang dipohon bagi tempoh April hingga Oktober 2015 oleh kontraktor adalah disebabkan oleh percanggahan *Architectural*

and Structural Drawings yang disediakan oleh perunding selain daripada kerja pembaikan dan penambahbaikan.

- b. Perubahan dan tambahan skop kerja bagi menyesuaikan percanggahan tersebut melibatkan Pakej *Land-based* iaitu di blok pentadbiran, TMP dan blok LPTM, pemasangan *Main Switch Board* dan *Generator set* serta kerja tambahan mekanikal dan elektrikal melibatkan kos tambahan sejumlah RM1.95 juta. Bagaimanapun, tiada maklumat mengenai punca berlakunya percanggahan tersebut dijelaskan oleh PUSAKA. Manakala kerja pembaikan dan penambahbaikan di Pakej *Sea-based* dan *Land-based* berjumlah RM2.28 juta seperti membaiki dan penambahbaikan perparitan yang rosak akibat tidak dapat menampung beban berat semasa pelaksanaan projek. Perubahan dan tambahan skop kerja serta kerja pembaikan dan penambahbaikan ini menyebabkan projek telah lewat disiapkan selama 7 bulan dari tarikh asal yang dijadualkan.
- c. Adalah didapati sepanjang pelaksanaan projek, PUSAKA telah meluluskan 9 Arahan Perubahan Kerja (VO) seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Senarai Arahan Perubahan Kerja

VO No.	Tarikh VO	Butiran	Harga VO (RM Juta)
1.	21.01.2015	<i>Additional improvement and repair works to existing drainage and trenches</i>	1.28
2.	-	<i>Adjustment of Provisional Sum</i>	(8.93)
3.	22.04.2015	<i>Additional Civil & Structural Works - Sea Based</i>	0.08
4.	22.04.2015	<i>Additional Civil & Structural Works - Land Based (due to discrepancies)</i>	0.12
5.	22.04.2015	<i>Additional Architectural Works – Land Based</i>	0.26
6.	14.05.2015	<i>Additional Structural Works – Land Based (due to discrepancies)</i>	0.05
7.	14.05.2015	<i>Additional Civil Works - Land Based</i>	0.54
8.	27.08.2015	<i>Additional Civil Works - Sea Based</i>	0.13
9.	-	<i>Additional Mechanical & Electrical Works (due to discrepancies)</i>	1.78
Jumlah			(4.69)

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

- d. **Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 14 Julai 2016**, menyatakan semua perubahan kerja mengambil kira keperluan fungsi kemudahan dalam jangka panjang dan ianya diluluskan atas sebab sekiranya membabitkan *justified EOT* ianya tidak akan menjelaskan operasi TMP. Antara sebab-sebab VO diluluskan adalah untuk membaiki kerosakan parit dan menambah *Load Bearing Capacity* parit; menambahbaik *lighting* di kawasan *wharf* dan *container yard*; percanggahan dalam *Architectural and Structural Drawings*; menambahbaik susun atur dan fungsi dalam bangunan; kerja tambahan *Mechanical and Engineering*; pembaikan kepada sistem memadam api mengikut keperluan

Bomba bagi mengeluarkan *Fire Certificate*; dan kerja pembaikan serta penggantian kepada kemudahan yang sedia ada. **Maklum balas tambahan daripada PUSAKA bertarikh 26 Julai 2016**, menyatakan penilaian permohonan EOT mengambil kira tempoh kerja tambahan yang bertindih antara satu sama lain. PUSAKA juga menyatakan percanggahan di antara *Architectural* dan *Structural Drawings* adalah kesilapan pihak perunding.

3.4.2.3. Kerja Tidak Memenuhi Spesifikasi

- a. Spesifikasi di dalam kontrak menghendaki pengorekan kawasan di sungai berhadapan dermaga yang sedia ada dan dermaga yang baru dengan kedalaman pengorekan dasar sungai dilaksanakan dalam sekurang-kurangnya CD -11.000m. Semakan Audit terhadap *Quality Control Report On Dredging And Riverbed Protection Works* oleh perunding setakat bulan April 2015, pihak kontraktor telah mula kerja pengorekan pada bulan April 2013 hingga Julai 2014 dan mengorek semula pada bulan September dan Oktober 2014. Pemeriksaan Audit terhadap Kertas Minit yang dikemukakan kepada TMP oleh Tanjung Manis Development Sdn. Bhd. yang dilantik untuk memantau kerja harian projek, mendapati pihak kontraktor telah menjalankan semula kerja mengorek dasar sungai pada November 2015. Semakan Audit terhadap *As-Built Sounding Survey* setakat Januari 2016 menunjukkan dasar sungai di beberapa lokasi masih berkedalaman di antara 9.03m hingga 10.50m iaitu masih di bawah kedalaman yang sepatutnya iaitu CD -11.000m. Perkara ini telah dibangkitkan di dalam *Site Visit Defect Meeting No. 3* yang diadakan pada 20 April 2016, bagaimanapun, status terkini masih belum dikemukakan. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak kontraktor telah menuntut 100% *total work done* berjumlah RM3.40 juta dan telah disahkan oleh PUSAKA dan perunding melalui *Interim Certificate No. 9* bertarikh 25 Februari 2015.
- b. **Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 14 Julai 2016**, menyatakan perkara ini adalah *defect* dan akan diperbaiki oleh pihak Kontraktor. Ini boleh dibuat di dalam *defect liability period*. Sebagai perlindungan untuk kerja *defects* ini *Surety* atau *Performance Bond* dalam bentuk *Bank Guarantee* telah dimasukkan dalam kontrak ini. Sekiranya kontraktor tidak melaksanakan kerja memperbaiki *defects* ini, iaanya akan dibuat oleh klien dan bayaran akan menggunakan *Bank Guarantee* tersebut.

Pada pendapat Audit, PUSAKA dan perunding bertanggungjawab untuk mengkaji dan menyiasat dengan terperinci agar keperluan dan skop kerja dapat dikenal pasti bagi memastikan reka bentuk serta anggaran kos yang sesuai dicadangkan bagi mengelak daripada perubahan dan tambahan skop kerja yang ketara yang boleh memberi kesan kepada jadual pelaksanaan projek. PUSAKA dan perunding perlu memastikan tuntutan oleh kontraktor adalah betul dan disahkan berdasarkan kerja sebenar yang telah siap di tapak.

3.4.3. Pengurusan Perolehan Kurang Memuaskan

3.4.3.1. Perkhidmatan Perunding

- a. Selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2006, Badan Berkanun Negeri hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri (SKN) sebelum membuat pelantikan perkhidmatan professional perunding dengan anggaran projek kos melebihi RM500,000. Semua permohonan beserta borang SFS/C&S/F:1/96 hendaklah diperakurkan oleh Lembaga Pengarah sebelum dikemukakan kepada SKN untuk pertimbangan. Pengecualian daripada prosedur tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada SKN terlebih dahulu. Agensi pelaksana hendaklah memastikan pengurusan perolehan mematuhi prosedur yang ditetapkan dan dilaksanakan dengan teratur.
- b. Semakan Audit mendapati perolehan perkhidmatan perunding dibuat secara lantikan terus oleh PUSAKA dan dibuat secara berasingan mengikut bidang iaitu Jurutera Awam dan Struktur, Arkitek Perunding, Juru Ukur dan Jurutera Mekanikal dan Elektrikal bagi Pakej *Sea-based* dan *Land-based*. Pada bulan Oktober 2010, cadangan pemilihan perunding oleh pihak pengurusan PUSAKA dan surat pelantikan telah dikemukakan kepada 5 syarikat perunding pada tahun 2011 manakala *site supervision team* dilantik pada tahun 2013 untuk memantau dan menyelia kerja harian di tapak dengan kos berjumlah RM10.04 juta seperti di **Jadual 3.3**. Tiada bukti menunjukkan PUSAKA memohon kelulusan daripada SKN untuk mendapatkan khidmat perunding. Pelantikan tersebut telah dilaksana tanpa melalui prosedur perolehan mahupun kelulusan pengecualian daripada prosedur perolehan.

Jadual 3.3
Pelantikan Perunding

Bil.	Nama Syarikat	Pelantikan	Tarikh Pelantikan	Kos (RM Juta)
1.	Jurutera Minsar Consult Sdn. Bhd.	<i>Civil and Structural Engineering Consultant (Sea Based)</i>	9 Februari 2011	2.37
2.	KACAPURI Architect	<i>Architectural Consultant</i>	7 April 2011	2.20
3.	EDS Konsultant Sdn. Bhd.	<i>Civil and Structural Engineering Consultant (Land Based)</i>	9 Februari 2011	2.81
4.	LT Juruukur Bahan Sdn. Bhd.	<i>Quantity Surveyor (Sea & Land Based)</i>	9 Februari 2011	1.29
5.	Perunding Teknikal	<i>Mechanical & Electrical Engineering Consultant (Sea & Land Based)</i>	18 Februari 2011	0.67
6.	Tanjung Manis Development Sdn. Bhd.	<i>Site Supervision Team</i>	2013	0.70
Jumlah				10.04

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

- c. **Maklum balas tambahan daripada PUSAKA bertarikh 26 Julai 2016, menyatakan pemilihan perunding adalah berdasarkan kepakaran, pengalaman dan rekod perunding yang baik serta berdaftar dengan PUSAKA.**

3.4.3.2. Pelantikan Kontraktor

- a. Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 tahun 2003, semua perolehan sama ada kerja, bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM50,000 setahun hendaklah dipelawa secara tender. Dalam keadaan di mana pihak Kementerian/Jabatan perlu membuat perolehan dengan cara pengecualian prosedur tertentu maka pihak agensi hendaklah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum membuat perolehan. Manakala Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2006 jelas menyatakan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan dengan anggaran kos projek melebihi RM500,000 yang dilaksanakan oleh Badan Berkanun Negeri perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada SKN dengan mengemukakan Laporan penilaian mengawad tender serta telah diperakui oleh Lembaga Pengarah.
- b. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor adalah secara rundingan terus. PUSAKA telah mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah Pengurusan PUSAKA untuk melantik NAIM Engineering Sdn. Bhd. (NAIM) sebagai kontraktor yang melaksanakan projek pada bulan April 2012 dan surat setuju menerima cadangan struktur pembiayaan bertarikh 17 Mei 2012 telah dikemukakan kepada NAIM. Minit mesyuarat bertarikh 19 Jun 2012 menunjukkan PUSAKA dan perunding telah berbincang bersama dengan NAIM mengenai skop, program dan pelaksanaan projek walaupun kelulusan untuk melantik NAIM belum diperoleh daripada MMKN dan SKN. Semakan seterusnya mendapati PUSAKA hanya mendapat kelulusan daripada MMKN untuk melaksanakan projek tersebut pada bulan September 2012 dan mendapat pengecualian daripada prosedur tender oleh SKN pada bulan Februari 2013. Surat pelantikan juga hanya dikeluarkan pada bulan Februari 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Kronologi Pelantikan Kontraktor

Bil.	Tempoh	Butiran
1.	April 2012	Kelulusan Lembaga Pengarah Pengurusan PUSAKA untuk melantik NAIM Engineering Sdn. Bhd.
2.	Julai 2012	NAIM Engineering Sdn. Bhd. mengemukakan cadangan kos kontrak kepada PUSAKA.
3.	Mei 2012	PUSAKA bersetuju untuk menerima cadangan struktur pembiayaan kewangan oleh NAIM Engineering Sdn. Bhd.
4.	September 2012	Pelaksanaan projek diluluskan oleh MMKN tertakluk kepada rundingan harga.
5.	Oktober 2012 – Februari 2013	Rundingan harga di antara PUSAKA dan NAIM Engineering Sdn. Bhd. diadakan.
6.	Februari 2013	Pengecualian daripada prosedur tender diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.
7.	Februari 2013	Surat Setuju Terima kepada NAIM dikeluarkan oleh PUSAKA.
8.	5 Jun 2013	Perjanjian Kontrak dimeterai antara PUSAKA dan NAIM.

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

Pada pendapat Audit, PUSAKA telah tidak mematuhi prosedur perolehan kerajaan yang sedia ada bagi pelantikan perunding dan juga kontraktor dan memastikan projek yang dilaksanakan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak Kerajaan Negeri.

3.4.4. Pembiayaan Projek

3.4.4.1. Cadangan untuk pengubahsuaian dan pemberian kemudahan pelabuhan sedia ada adalah berdasarkan pertumbuhan kendalian kontena dan kargo am yang ketara pada tahun 2012 iaitu masing-masing sebanyak 53.2% dan 233%. Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan projek oleh PUSAKA bernilai RM88 juta yang dilaksanakan secara *deferred payment*. Pembayaran balik kepada kontraktor dibiayai oleh geran daripada Kerajaan Negeri hasil pungutan tahunan dius pelabuhan Tanjung Manis. Berdasarkan anggaran kutipan dius Pelabuhan Tanjung Manis yang disediakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2012 hingga 2021 adalah berjumlah di antara RM6 juta ke RM6.30 juta setahun. Semakan Audit mendapati sebuah *Special Purpose Vehicle* (SPV) telah diwujudkan iaitu Naim Capital Port Sdn. Bhd. (NC) yang bertujuan mengendalikan pembiayaan projek.

3.4.4.2. Analisis Audit terhadap kutipan dius Pelabuhan Tanjung Manis bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati berlaku penurunan sejumlah RM46,226 atau 0.9% pada tahun 2014 berbanding kutipan pada tahun 2013 dan sejumlah RM588,500 atau 12.0 % pada tahun 2015 berbanding kutipan pada tahun 2014. Pada tahun 2015, operasi Pelabuhan Tanjung Manis mengalami penurunan yang ketara sebanyak 18,445 teus atau 20% bagi kendalian kontena dan 1,069,636 tan atau 21.4% bagi kargo am berbanding tahun 2014 di mana sasaran yang ditetapkan pada tahun 2015 tidak tercapai sebanyak 35.5% bagi kendalian kontena dan 14.7% bagi kargo am.

3.4.4.3. Impak penurunan kutipan dius dalam tahun 2014 hingga 2015 memberi implikasi kewangan kepada LPTM kerana purata bayaran balik seperti yang dinyatakan di dalam kertas cadangan MMKN adalah berjumlah RM14.50 juta setahun bagi 2 tahun pertama (2016 hingga 2017) dan RM14.20 juta setahun bagi 8 tahun yang akan datang sehingga tahun 2025. Sehubungan itu, untuk menampung kekurangan berjumlah RM8 juta setahun selama 10 tahun kepada kontraktor akan dibiayai melalui *soft loan* di antara Kerajaan Negeri dengan Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis. Semakan Audit mendapati setakat bulan Jun 2016, perjanjian *soft loan* masih belum dimuktamadkan. Adalah didapati PUSAKA telah membuat pembayaran balik berjumlah RM3.49 juta mulai bulan Jun 2016 menggunakan hasil terkumpul dius pelabuhan Tanjung Manis.

3.4.4.4. Semakan Audit seterusnya terhadap Penyata Kewangan LPTM bagi tahun 2015 dan unjuran aliran tunai bagi tahun 2016 hingga 2019 mendapati LPTM akan menghadapi masalah kecairan tunai mulai tahun 2018 sekiranya hal berkenaan pembiayaan kewangan projek ini tidak diselesaikan. Unjuran aliran tunai adalah

berdasarkan sumber yang diperolehi daripada kertas cadangan MMKN. Manakala perbelanjaan mengurus dianggarkan meningkat selari dengan peningkatan anggaran kutipan dius pelabuhan iaitu di antara 0.1% hingga 0.5% seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Unjuran Aliran Tunai - Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis Bagi Tempoh 2015 Hingga 2019

Year End-31 Dec	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)
Money In					
Cash and cash equivalent at year end	25,237,292	25,237,292	13,795,917	2,355,123	(8,778,569)
Port Dues Collected	N/A	6,012,244	6,016,215	6,032,529	6,062,180
Total Money In	25,237,292	31,249,536	19,812,132	8,387,652	(2,716,389)
Money Out					
Repayment of Installment	N/A	(14,500,000)	(14,500,000)	(14,200,000)	(14,200,000)
Administrative Expenses	N/A	(2,953,619)	(2,957,009)	(2,966,221)	(2,981,731)
Total Money Out	N/A	(17,453,619)	(17,457,009)	(17,166,221)	(17,181,731)
Balance	25,237,292	13,795,917	2,355,123	(8,778,569)	(19,898,120)

Sumber: Penyata Kewangan LPTM dan Kertas MMKN

3.4.4.5. Adalah didapati, *Deed of Deferred Payment of Contract Sum* telah ditandatangani di antara Naim Capital Port Sdn. Bhd. dan PUSAKA pada Jun 2014. Faedah pinjaman yang akan dikenakan adalah 8.05% setahun *on monthly rest* semasa tempoh pelaksanaan projek, 7.80% setahun *on monthly rest* setelah *Certificate of Practical Completion* dikeluarkan untuk tempoh selama 8 tahun dan seterusnya 2.75% setahun *above cost of fund chargeable by the financial institution* tidak melebihi tempoh 4 tahun. Menurut *Deed of Deferred Payment*, pembayaran balik adalah 120 bulan ansuran mulai 6 bulan selepas tarikh CPC dikeluarkan dan sekiranya PUSAKA gagal membayar balik dalam tempoh yang ditetapkan, caj faedah sebanyak 3% setahun akan dikenakan. Mengikut perkiraan Audit, anggaran faedah pinjaman bagi pembiayaan projek pengubahsuaian dan pemberian kemudahan pelabuhan Tanjung Manis mengikut *Deed of Deferred Payment* adalah berjumlah RM125.57 juta yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Faedah pinjaman dikira berdasarkan baki tertunggak dari bulan sebelumnya seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Anggaran Faedah Pinjaman Yang Dikenakan

Bil.	Tahun (Tempoh)	Kadar Setahun (%)	Jumlah Faedah Pinjaman Yang Dikenakan (RM)
1.	2014 - 2015 (2)	RM88,000,000.00 x 8.05%	15,316,717
2.	2016 - 2023 (8)	RM103,316,717.41 x 7.80%	89,081,190
3.	2024 - 2028 (4)	RM88,000,000.00 x 2.75%	21,168,305
Jumlah			125,566,212

Sumber: *Deed Of Deferred Payment* dan Kertas MMKN

3.4.4.6. Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 14 Julai 2016, menyatakan penurunan volume kendalian kargo untuk semua pelabuhan di Sarawak adalah disebabkan ekonomi global yang merosot. Ianya akan turun naik mengikut ekonomi semasa. Dengan pembesaran *Tanjung Manis Port limits* diunjurkan kutipan dius pelabuhan bagi kargo yang dikendalikan di *Midstream* atau *Sufferance wharf* akan meningkat, khasnya disumbang oleh Mechanical Pulp Plant di Kakus, eksport kayu dari Kuala Tatau, CPO eksport dari terminal di Kuala Rajang dan juga arang dari Kapit. PUSAKA juga menyatakan kerajaan telah memutuskan bahawa aset tersebut akan diserahkan kepada LPTM. Proses *Novation* kepada LPTM dan perjanjian di antara NAIM dan PUSAKA sedang disiapkan. Justeru itu, pihak Setiausaha Kewangan Negeri telah menetapkan agar Perjanjian *Soft Loan* dikendalikan oleh pihak LPTM di mana perjanjian adalah di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan LPTM. Setakat ini dokumen perjanjian masih dalam proses untuk dimuktamadkan.

Pada pendapat Audit, perjanjian *soft loan* yang lewat dimuktamadkan menyebabkan masalah kecairan tunai kepada LPTM mulai tahun 2018. Seterusnya PUSAKA harus mempunyai pelan strategik dengan mengambil kira trend operasi pelabuhan bagi tempoh jangka panjang selaras dengan objektif pengubahsuaian dan penambahbaikan pelabuhan Tanjung Manis.

3.4.5. Kualiti Kerja

3.4.5.1. Isu Dan Masalah Di Tapak

Lawatan ke tapak projek, pelabuhan Tanjung Manis telah dibuat pada 27 hingga 28 April 2016 mendapati kerja elektrik dan mekanikal yang dilaksanakan tidak memenuhi spesifikasi seperti berikut.

a. Pemasangan *Cable Trunking*

Menurut *Specification For Low Voltage Internal Electrical Installation (LS1)* yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia, *the trunking shall be supported by fixing brackets so that the trunking will not be in contact with the walls or floor slabs*. Pihak Audit mendapati semua *trunking* dilekat menggunakan skru terus ke dinding seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Manakala laluan kabel di *Workshop* tidak menggunakan *trunking* seperti di **Gambar 3.3**. Penggunaan *fixing brackets* adalah untuk mengelakkan sentuhan langsung ke dinding sekiranya berlaku litar pintas.

Gambar 3.1
Pemasangan Trunking Dan Papan Fius Agihan Di Bilik Elektrik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Elektrik, Blok Pentadbiran
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 3.2
Pemasangan Trunking Di Bilik Mesyuarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Mesyuarat, Blok Pentadbiran
Tarikh: 27 April 2016



Gambar 3.3
Pemasangan Trunking Di Workshop

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Workshop Pelabuhan Tanjung Manis
Tarikh: 27 April 2016

b. Pengasingan Bilik Elektrik dan Bilik Server

Bilik Elektrik dan Server perlu diasingkan dan tidak digunakan untuk tujuan lain. Pemeriksaan mendapati Bilik Elektrik dijadikan bilik menyimpan fail seperti di **Gambar 3.4** dan **Gambar 3.5**. Manakala server diletak di dalam Bilik Pengurus Operasi, Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**.

Gambar 3.4
Bilik Elektrik Juga Merupakan Bilik Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Elektrik/Stor, Blok Pentadbiran
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 3.5
Bilik Elektrik Juga Merupakan Bilik Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Elektrik/Stor, Blok Pentadbiran
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 3.6
Kotak Server Di Dalam Bilik Pengurus Operasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 3.7
Kotak Server Di Dalam Bilik Pengurus Operasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis
Tarikh: 27 April 2016

- c. **Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 14 Julai 2016, menyatakan kerja memperbaiki ini boleh dibuat semasa defect liability period dan mesti selesai sebelum Final Certificate dapat dikeluarkan.**

Pada pendapat Audit, pemantauan rapi harus dibuat oleh pihak PUSAKA dan perunding bagi memastikan kerja adalah mengikut spesifikasi.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang pada projek yang lain, adalah disyorkan PUSAKA mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak dan perunding perlu memastikan skop kerja dengan tepat bagi mengelak daripada perubahan dan tambahan skop kerja yang ketara yang boleh memberi kesan kepada jadual pelaksanaan projek.

3.5.2. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak hendaklah mematuhi prosedur perolehan kerajaan yang sedia ada dan memastikan projek yang dilaksanakan mematuhi prosedur perolehan dan mendapat kelulusan projek terlebih dahulu daripada pihak Kerajaan Negeri.

3.5.3. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak perlu memastikan perjanjian *soft loan* dimuktamadkan supaya tidak memberi implikasi kewangan kepada Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

4. SEJADU SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Sejadu Sdn. Bhd. (SSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada bulan Mei 1988 dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES). Syarikat SSB mempunyai modal dibenarkan sejumlah RM100 juta terdiri daripada 100 juta unit saham biasa bernilai RM1 setiap satu dan modal berbayar adalah sejumlah RM72.29 juta yang merupakan terbitan 72,289,000 unit saham biasa setakat akhir tahun 2015. Aktiviti SSB adalah perkhidmatan perhotelan iaitu memiliki dan mengurus operasi Riverside Majestic Hotel (RMH) dan Riverside Shopping Complex (RSC) sejajar dengan objektif SSB berdasarkan *Memorandum of Association* untuk terlibat dalam pemilikan dan pengurusan aktiviti perhotelan dan pengurusan RSC. Satu Perjanjian Pengurusan telah ditandatangani antara SSB dengan Sara Hospitality Sdn. Bhd. (SHSB) pada bulan Januari 2009 yang mana pengurusan operasi hotel adalah dijalankan oleh SHSB bagi tempoh selama 10 tahun. Selain itu, SSB juga menandatangani Perjanjian Penyenggaraan dengan Syarikat Sara Urusharta Sdn. Bhd. (SUSB) untuk mengurus dan menyenggara RSC. Perjanjian Penyenggaraan ini telah diperbaharui bagi tempoh selama 5 tahun mulai 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2018. Kedua-dua syarikat SHSB dan SUSB adalah juga anak syarikat kepada PPES.

4.1.2. Lembaga Pengarah SSB dipengerusikan oleh Tuan Haji Soedirman Bin Haji Aini, Pengurus Besar PPES dan dianggotai oleh 4 ahli yang mana 2 ahli adalah pegawai PPES iaitu Hajah Rakayah Binti Hamdan dan Encik Edwin Anak Abit serta 2 ahli lagi iaitu Datu Laura Lee Ngien Hion daripada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Dr. Haji Wan Lizozman Bin Wan Omar daripada Kementerian Perumahan Sarawak. Pengurusan harian SSB pula diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu seramai 246 pegawai serta kakitangan sokongan setakat akhir tahun 2015. Selain daripada mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, sebagai sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, SSB juga perlu mematuhi peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan SSB adalah baik atau sebaliknya, pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2013 hingga 2015, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat SSB bagi tempoh 2013 hingga bulan Jun 2016. Pengauditan ini dijalankan di pejabat SSB di Tingkat 9, Menara SEDC, Sarawak Plaza dan pejabat operasi di Riverside Majestic Hotel dan Riverside Shopping Complex, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Selain itu, temu bual dengan pegawai SSB, SUSB dan pihak hotel, lawatan ke RMH dan RSC serta pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan. *Exit Conference* telah diadakan pada 15 Julai 2016 bersama Pengarah dan pihak pengurusan Sejadu Sdn. Bhd. serta dihadiri juga oleh pegawai daripada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Sara Hospitality Sdn. Bhd. dan Sara Urusharta Sdn. Berhad.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac 2016 hingga Jun 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan SSB, tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Sejadu Sdn. Bhd. telah mencatat keuntungan terkumpul sejumlah RM23.07 juta setakat tahun kewangan 2015 namun untuk tempoh 2013 hingga 2015, trend keuntungan bersih adalah menurun. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan hasil dan projek perluasan RMH yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Tuggakan hasil RMH setakat bulan Julai 2016 sejumlah RM0.83 juta adalah tinggi.
- Kos projek perluasan RMH meningkat sejumlah RM14.16 juta atau 17.2% daripada kos asal projek sejumlah RM82.53 juta kepada RM96.69 juta disebabkan oleh penambahan skop kerja dan perubahan konsep hotel berbanding dengan projek asal.
- Tuggakan sewaan RSC setakat bulan Julai 2016 sejumlah RM0.32 juta belum dikutip.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan penyata kewangan SSB yang telah diaudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Analisis trend dan nisbah telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan SSB. Hasil analisis kewangan SSB mendapati perkara berikut:

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati SSB telah merekod keuntungan selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM1.81 juta pada tahun 2013, RM1.46 juta pada tahun 2014 dan RM0.71 juta pada tahun 2015. Bagaimanapun, didapati keuntungan selepas cukai yang dicatat menunjukkan trend menurun disebabkan peningkatan perbelanjaan langsung dan kos kewangan SSB. Analisis Audit seterusnya mendapati SSB mencatat keuntungan terkumpul sejumlah RM23.07 juta pada tahun 2015.
- b. Pendapatan langsung SSB adalah dari sumber operasi hotel, perkhidmatan lain iaitu sewa tempat antena luar, sewa lot kedai, cineplex dan superbowl serta bayaran letak kereta. Analisis Audit juga mendapati pendapatan langsung SSB menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.41 juta atau 1.7% daripada RM24.19 juta pada tahun 2013 kepada RM24.60 juta pada tahun 2014. Pada tahun 2015, pendapatan langsung menurun sejumlah RM0.09 juta atau 0.4% kepada RM24.51 juta. Butiran pendapatan langsung SSB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Pendapatan Langsung SSB Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Butiran	Tahun			Jumlah (RM)
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	
1.	Operasi hotel	19,597,563	20,400,810	21,350,594	61,348,967
2.	Perkhidmatan lain	198,803	486,564	23,190	708,557
3.	Lot kedai	3,600,111	2,805,819	2,202,703	8,608,633
4.	Letak kereta	430,147	421,235	456,212	1,307,594
5.	Cineplex dan Superbowl	359,760	485,760	478,473	1,323,993
Jumlah		24,186,384	24,600,188	24,511,172	73,297,744

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

- c. Perbelanjaan langsung SSB adalah kos jualan dan didapati meningkat sejumlah RM0.68 juta atau 3.6% daripada sejumlah RM18.88 juta pada tahun 2013 kepada RM19.56 juta pada tahun 2014. Pada tahun 2015, perbelanjaan langsung juga meningkat sejumlah RM0.55 juta atau 2.8% kepada RM20.11 juta. Perbelanjaan tidak langsung merupakan perbelanjaan pentadbiran dan kos kewangan syarikat. Analisis Audit mendapati perbelanjaan tidak langsung SSB menunjukkan penurunan sejumlah RM0.06 juta atau 1.6% daripada RM3.83 juta pada tahun 2013 kepada RM3.77 juta pada tahun 2014 dan meningkat sejumlah RM0.08 juta atau 2.2% kepada RM3.86 juta pada tahun 2015.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul SSB bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.2**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.2
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Terkumpul SSB
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun		
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Pendapatan	24,186,384	24,600,188	24,511,172
Perbelanjaan Langsung	18,879,648	19,561,675	20,110,027
Untung Kasar	5,306,736	5,038,513	4,401,145
Pendapatan Lain	385,717	230,427	220,341
Perbelanjaan Pentadbiran	3,776,203	3,643,684	3,647,913
Untung Bersih	1,916,250	1,625,256	973,573
Kos Kewangan	58,399	127,884	207,427
Keuntungan Sebelum Cukai	1,857,851	1,497,372	766,146
Cukai	52,461	38,884	53,379
Keuntungan Selepas Cukai	1,805,390	1,458,488	712,767
Keuntungan Terkumpul (RM Juta)	21.16	22.36	23.07


Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul SSB Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan SSB Bagi Tahun 2013 Hingga 2015



4.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan SSB, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjuk pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Analisis Nisbah Kewangan SSB Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun		
	2013	2014	2015
Nisbah Semasa	0.36:1	0.36:1	036:1
Margin Untung Bersih	7.7%	6.1%	3.1%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.01:1	0.01:1	0.00:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.02:1	0.02:1	0.01:1

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

a. Nisbah Semasa

- i. Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan setakat mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Norma kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa adalah pada kadar 2:1. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SSB adalah 0.36:1 bagi tahun 2013, 2014 dan 2015. Berdasarkan perkiraan nisbah ini, tahap kecairan SSB menunjukkan trend yang lemah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kelemahan trend ini disebabkan hutang kepada PPES sejumlah RM126 juta diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa. Merujuk kepada penyata akaun yang diaudit bagi tahun 2013 hingga 2015, jumlah hutang ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.
- ii. **Maklum balas daripada SSB bertarikh 13 Julai 2016, menyatakan bahawa “amount due to holding company” berjumlah RM126 juta adalah daripada sumber kewangan State Government Equity Grant sejumlah RM11 juta dan State Government Contribution for Equity Participation berjumlah RM144.19 juta yang merupakan dana yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui PPES untuk pembangunan projek hotel dan kompleks membeli-belah melalui anak syarikat PPES. Rasionalnya hutang kepada PPES ini diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa adalah disebabkan hutang ini tiada sebarang perjanjian dan dokumentasi yang sah disimpan oleh SSB dan PPES. Oleh itu, PPES mempunyai hak untuk meminta SSB membayar balik apa-apa amaun pada bila-bila masa dalam tahun kewangan semasa. Pihak PPES dan pengurusan SSB sedang dalam proses untuk menstruktur semula hutang kepada PPES.**

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati SSB mencatat keuntungan menurun bagi 3 tahun berturut-turut dan margin untung bersih adalah sebanyak 7.7% pada tahun 2013,

6.1% pada tahun 2014 dan 3.1% pada tahun 2015. Penurunan margin keuntungan ini disebabkan kenaikan kos langsung syarikat.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas aset SSB adalah 0.01:1 pada tahun 2013 dan 2014. Manakala bagi tahun 2015, nisbah pulangan atas aset adalah 0.00:1. Analisis Audit juga mendapati keuntungan bersih syarikat menunjukkan penurunan sejumlah RM0.35 juta atau 19.2% daripada RM1.81 juta pada tahun 2013 kepada RM1.46 juta pada tahun 2014 dan RM0.74 juta atau 51.1% kepada RM0.71 juta pada tahun 2015. Berdasarkan perkiraan ini, dapat dirumuskan bahawa SSB masih kurang cekap untuk menjana pulangan bersih daripada pelaburan aset syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah adalah semakin baik kerana ia memberi gambaran bahawa syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati pulangan ke atas ekuiti adalah pada nisbah 0.02:1 pada tahun 2013 dan 2014 manakala pada tahun 2015 adalah 0.01:1.

4.4.1.3. Maklum balas daripada SSB bertarikh 13 Julai 2016, menyatakan bahawa antara usaha yang dijalankan untuk menambah baik kedudukan kewangan SSB adalah melaksanakan penstrukturkan semula tenaga kerja dan pasukan pengurusan hotel supaya pengurusan hotel menjadi lebih efektif dan cekap. Selain itu, SSB juga mengadakan kerjasama dengan agensi berkaitan dengan pelancongan, menjalankan promosi ke jabatan dan agensi Kerajaan, menyertai pameran pelancongan dan lain-lain promosi serta mengadakan aktiviti di RSC dengan menganjurkan pertandingan, pameran dan sebagainya bagi menarik lebih ramai pengunjung.

Pada pendapat Audit prestasi kewangan SSB adalah memuaskan. Namun demikian, Sejadu Sdn. Bhd. telah mencatat penurunan pendapatan dan keuntungan bersih syarikat berbanding tahun 2014.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Syarikat Sejadu Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat PPES di bawah Sektor Tourism And Leisure dengan visi untuk menyedia perkhidmatan hospitaliti bertaraf dunia. Misi SSB adalah untuk menyedia produk dan perkhidmatan yang melebihi jangkaan pelanggan. Aktiviti SSB adalah perkhidmatan perhotelan iaitu memiliki dan mengurus operasi Riverside Majestic Hotel dan Riverside Shopping Complex sejajar dengan objektif SSB berdasarkan *Memorandum of Association* untuk terlibat dalam pemilikan dan pengurusan aktiviti perhotelan dan pengurusan RSC. Ini termasuklah menyedia dan menyenggara kemudahan bilik hotel, sewa ruang kedai, cineplex, superbowl dan tempat letak kereta.

4.4.2.1. Pengurusan Riverside Majestic Hotel

Sejadu Sdn. Bhd. telah menandatangani satu Perjanjian Pengurusan dengan Sara Hospitality Sdn. Bhd. (SHSB) untuk mengendali dan mengurus operasi RMH dan yuran pengurusan sebanyak 10% setahun dikenakan oleh SHSB daripada keuntungan kasar operasi hotel sejak bulan Januari 2009 bagi tempoh selama 10 tahun. Merujuk Perjanjian Pengurusan tersebut, SHSB bertanggungjawab mengawasi dan mengurus operasi RMH selaras dengan syarat perjanjian dengan kawalan yang lengkap dan budi bicara penuh dalam operasi, arahan, pengurusan dan penyeliaan hotel tertakluk kepada kawalan keseluruhan SSB. Antara tugas dan bidang kuasa SHSB adalah menentukan dasar dan standard operasi hotel; mengupah, menyelia dan menamatkan perkhidmatan kakitangan hotel kecuali pelantikan *General Manager* dan *Resident Manager* hendaklah mendapat kelulusan SSB; menjalankan semua program yang dipersetujui dalam bajet mengurus tahunan; dan menjalankan pembaikan dan penyenggaraan hotel setelah mendapat kelulusan SSB. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti RMH mendapati perkara berikut:

a. Kadar Penginapan Purata

- i. Hotel Riverside Majestic mempunyai 241 bilik untuk disewa setiap hari sejak ia mula beroperasi pada bulan Ogos 1992. Semakan Audit terhadap rekod penginapan di Riverside Majestic Hotel mendapati kadar penginapan secara purata adalah sebanyak 52.9% bagi tahun 2013, 55.7% bagi tahun 2014 dan 62.3% bagi tahun 2015. Adalah didapati kadar penginapan (occupancy rate) ini melebihi kadar penginapan purata industri perhotelan di Kuching kecuali bagi tahun 2013 seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Kadar Penginapan RMH Berbanding Industri Perhotelan Di Kuching

Tahun	Kadar Penginapan Industri Perhotelan Di Kuching	Kadar Penginapan Sebenar Riverside Majestic Hotel	Perbezaan
2013	55.0%	52.9%	-2.1%
2014	53.1%	55.7%	2.6%
2015	55.1%	62.3%	7.2%

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad Dan Pelancongan Malaysia

- ii. Semakan Audit seterusnya mendapati walaupun kadar penginapan RMH melebihi kadar penginapan bagi industri perhotelan di Kuching namun prestasi kadar penginapan RMH bagi tahun 2013 dan 2014 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh RMH. Butiran prestasi kadar penginapan sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Prestasi Kadar Penginapan Sebenar Berbanding Sasaran

Tahun	Sasaran	Sebenar	Perbezaan
2013	58.5%	52.9%	-5.6%
2014	57.1%	55.7%	-1.4%
2015	58.9%	62.3%	3.4%

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

- iii. **Maklum balas daripada SSB bertarikh 25 Julai 2016**, menyatakan bahawa prestasi sebenar kadar penginapan yang diperoleh tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2013 (-5.6%) dan 2014 (-1.4%) adalah disebabkan pembatalan tempahan secara berkumpulan sebanyak 43 tempahan atau 5,611 bilik pada tahun 2013 dan 27 tempahan atau 2,891 bilik pada tahun 2014 yang melibatkan pembatalan keseluruhan sebanyak 8,502 bilik. Antara faktor yang mencetus pembatalan tempahan dan kedatangan pelancong ke Kuching yang rendah dalam tahun tersebut adalah penukaran lokasi atau tempat untuk acara ke negeri lain, cuaca berjerebu melanda Sarawak mulai bulan Jun 2013 serta insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 pada 8 Mac 2014 diikuti oleh insiden pesawat Air Asia QZ8501 terhempas pada 28 Disember 2014.

b. Pendapatan Aktiviti Perhotelan

- i. Pendapatan Riverside Majestic Hotel terbahagi kepada 3 sumber ialah makanan dan minuman termasuk sewa *ballroom* dan bilik mesyuarat, sewa bilik dan lain-lain pendapatan. Semakan Audit terhadap sasaran dan pencapaian sebenar pendapatan RMH berdasarkan Laporan Kewangan bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati sumber makanan dan minuman menjadi punca utama dan mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan dengan menyumbang sejumlah RM34.46 juta atau 55.9% berbanding sasaran pendapatan sejumlah RM30.32 juta. Bagaimanapun sewa bilik tidak mencapai sasaran dengan hanya menyumbang sejumlah RM26.11 juta atau 42.4% berbanding RM26.60 juta yang disasarkan. Manakala pendapatan melalui sumber lain seperti caj panggilan telefon, dobi dan sebagainya merekodkan pendapatan sejumlah RM1.04 juta atau 1.7% juga tidak mencapai sasaran RM1.20 juta yang ditetapkan. Butiran sasaran dan pendapatan sebenar RMH mengikut sumber pendapatan RMH adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Sasaran Dan Pendapatan Sebenar RMH Mengikut Sumber Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Sumber Pendapatan	Tahun (RM)						Jumlah (RM)	
	2013		2014		2015			
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
Makanan dan minuman	9,010,697	11,299,014	9,938,370	11,346,585	11,366,203	11,811,795	30,315,270	34,457,394
Sewa bilik	8,542,320	8,195,612	8,865,215	8,690,772	9,195,600	9,220,466	26,603,135	26,106,850
Caj panggilan telefon, dobi dan lain-lain	521,590	355,115	320,859	363,452	358,288	318,333	1,200,737	1,036,900
Jumlah	18,074,607	19,849,741	19,124,444	20,400,809	20,920,091	21,350,594	58,119,142	61,601,144

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

- ii. **Maklum balas daripada SSB bertarikh 13 Julai 2016, menyatakan bahawa antara pelan dan strategi SSB dan pengurusan RMH untuk meningkatkan pendapatan hotel adalah dengan menjalinkan kerjasama dengan *Online Travel Agent* seperti Agoda, Booking.com dan sebagainya, bekerjasama dengan agensi berkaitan pelancongan, menjalankan promosi ke Jabatan dan Agensi Kerajaan, menyertai pameran pelancongan dan lain-lain promosi.**

c. Kerja Penyenggaraan

- i. Setiap tahun SSB menyediakan peruntukan kewangan untuk kerja penyenggaraan dan kerja penambahbaikan hotel. Semakan Audit terhadap Laporan Kewangan RMH bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati sejumlah RM897,300 telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati sejumlah RM712,053 atau 79.4% telah dibelanja untuk kerja elektrikal, penyenggaraan kenderaan, lif dan sebagainya. Berdasarkan *Housekeeping Detail Report* untuk bulan April 2016 mendapati 2 bilik berstatus *out of order*. Bilik berstatus *out of order* adalah bilik yang rosak teruk dan perlu dibaikpulih secara menyeluruh. Bagaimanapun semakan Audit seterusnya mendapati tiada peruntukan untuk baik pulih bilik hotel secara menyeluruh disediakan. Lawatan Audit ke bilik hotel mendapati 2 bilik *out of order* iaitu kerosakan teruk disebabkan kebocoran semasa hujan dan perlu *major refurbishment*. Butiran peruntukan dan perbelanjaan untuk kerja pembaikan dan penyenggaraan RMH adalah seperti di **Jadual 4.7** dan lawatan Audit ke bilik hotel terpilih mendapati keadaan seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Jadual 4.7
Peruntukan Dan Perbelanjaan Untuk Kerja Pembaikan Dan Penyenggaraan RMH

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbezaan (RM)
2013	340,800	277,690	63,110
2014	316,200	236,976	79,224
2015	240,300	197,387	42,913
Jumlah	897,300	712,053	185,247

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

Gambar 4.1
Keadaan Bilik Yang Bersih Dan Dapat Didiami Pengunjung Hotel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Riverside Majestic Hotel
Tarikh: 12 April 2016

Gambar 4.2
Bilik Out Of Service Berbau Dan Tidak Dapat Didiami



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Riverside Majestic Hotel
Tarikh: 12 April 2016

Gambar 4.3
Bilik Out Of Order Yang Belum Dibaik Pulih Dan Tidak Dapat Didiami



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Riverside Majestic Hotel
Tarikh: 12 April 2016

Gambar 4.4
Bilik Out Of Order Disebabkan Kebocoran Apabila Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Riverside Majestic Hotel
Tarikh: 12 April 2016

- ii. **Maklum balas daripada SSB bertarikh 25 Julai 2016, menyatakan bahawa RMH mempunyai 2 bilik kategori *out of order* sejak bulan Ogos 2015 akibat daripada kebocoran teruk pada tingkap yang memerlukan kerja pembaikan utama. Lembaga Pengarah SSB telah meluluskan secara prinsip anggaran bajet untuk kerja pengubahsuaian bilik tetamu termasuk bilik majlis dan restoran di RMH berdasarkan Pelan Perniagaan Dan Belanjawan 2016 di bawah projek khas hotel untuk tahun 2016 berjumlah RM14 juta tertakluk kepada penilaian teknikal yang komprehensif, justifikasi dan ketersediaan dana. Projek baik pulih ini dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2017 selepas sayap baru hotel dibuka untuk perniagaan. Bagi bilik berstatus *out of service* pula pengurusan hotel telah menyatakan bahawa bilik ini disenggara oleh unit penyenggaraan dalaman pada setiap hari sebagai sebahagian daripada program penyenggaraan bilik untuk memastikan bilik dijaga dan sesuai untuk penginapan tetamu.**

d. Tunggakan Hasil

Semakan Audit terhadap *debtors ageing report* bagi aktiviti perhotelan mendapati tunggakan hasil setakat penghujung Julai 2016 adalah sejumlah RM0.83 juta yang mana pengumuran hutang tertunggak selama 60 hari hingga 89 hari merekodkan amaun tertinggi iaitu sejumlah RM0.25 juta atau 30.2% daripada amaun keseluruhan tunggakan hasil diikuti sejumlah RM0.22 juta atau 26.2% bagi hutang kurang daripada sebulan. Semakan Audit seterusnya mendapati adanya pengurangan baki tunggakan hasil berbanding sejumlah RM1.15 juta yang direkodkan pada bulan April 2016. **Maklum balas daripada SSB bertarikh 23 Julai 2016, menyatakan bahawa tindakan telah diambil untuk mengutip tunggakan hasil dengan menghantar semula semua inbois bagi akaun tertunggak kepada penghutang dan mengeluarkan notis tuntutan.**

e. Pemasaran Dan Promosi

Segmen pemasaran dan promosi adalah penting supaya program dan aktiviti hotel yang dijalankan mendapat liputan dan informasi meluas sama ada daripada pelanggan dalam atau luar negara. Merujuk kepada perjanjian pengurusan, aktiviti pemasaran dan promosi hendaklah dijalankan oleh Sara Hospitality Sdn. Bhd. Semakan Audit mendapati antara kaedah pemasaran serta promosi yang dijalankan adalah melalui laman web, suratkhabar, risalah, majalah dan jurnal. **Maklum balas daripada SSB bertarikh 13 Julai 2016, menyatakan bahawa antara lain kaedah jualan dan pemasaran serta pelan promosi untuk mengembangkan pasaran baru adalah membuat jualan suku tahun ke Kuala Lumpur untuk bertemu ejen sedia ada dan menjalin kerjasama berterusan dengan Jabatan dan Agensi Pelancongan Malaysia, memanfaatkan kerjasama antara Sektor Tourism And Leisure PPES termasuk memberi baucar diskaun untuk tetamu, mengadakan kerjasama dengan MAS, Air Asia dan Malindo Air untuk pakej penerbangan dan tempahan hotel melalui laman web dan penyertaan dalam pameran perdagangan.**

4.4.2.2. Pembinaan Perluasan Riverside Majestic Hotel

Pembinaan 18 tingkat sayap baru hotel adalah perluasan kepada Riverside Majestic Hotel yang sedia ada. Sebanyak 15 penyerahan tender bagi kontrak pembinaan diterima dan syarikat Sri Datai Construction (Sarawak) Sdn. Bhd. telah dipilih sebab menawarkan harga yang terendah. Satu perjanjian telah ditandatangani pada 17 April 2012 yang mana kontraktor menerima tawaran untuk menyiapkan projek dengan harga kontrak sejumlah RM59.89 juta dalam tempoh 24 bulan mulai bulan Jun 2012 dan dijangka siap pada bulan Jun 2014. Kos pembiayaan projek adalah daripada pinjaman bank dan PPES, tunai dan ekuiti seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8

Kos Pembiayaan Projek 18 Tingkat Sayap Baru Hotel Bagi Riverside Majestic Hotel

Bil.	Sumber Kewangan	Mesyuarat Lembaga PPES Ke-161 Pada 18.2.2014 (RM Juta)	Mesyuarat Lembaga PPES Ke-169 Pada 22.3.2016 (RM Juta)
1.	<i>Bank Loan</i>	26.00	26.00
2.	<i>SEDC Loan</i>		
	<i>Original</i>	28.00	28.00
	<i>1st Supplementary (18 Februari 2014)</i>	15.53	15.53
	<i>2nd Supplementary (23 Mac 2016)</i>	-	13.67
3.	<i>Sejadu Sdn. Bhd.</i>		
	<i>Cash</i>	6.00	6.00
	<i>Land</i>	7.00	7.00
Jumlah		82.53	96.20

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

a. Kos Projek Meningkat

Kos asal bagi projek pembinaan 18 tingkat sayap baru hotel adalah sejumlah RM82.53 juta seperti yang diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah PPES yang ke-161 pada 18 Februari 2014 manakala pada 22 Mac 2016 Lembaga Pengarah PPES sekali lagi meluluskan kos projek dinaikkan kepada RM96.20 juta iaitu peningkatan 16.6% daripada kos asal. Adalah didapati dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Sejadu Sdn. Bhd. yang ke-78 pada 22 April 2016 sekali lagi telah meluluskan penyemakan semula kos projek daripada RM96.20 juta kepada RM96.69 juta bagi menanggung peningkatan kos pembinaan, perubahan harga, *variation orders*, GST dan lain-lain kos seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9

Kos Projek Pembinaan Hotel Baru Bagi Riverside Majestic Hotel

Bil.	Projek Pembinaan Hotel 18 Tingkat	Mesyuarat Lembaga PPES Ke-161 Pada 18/2/2014 (RM Juta)	Mesyuarat Lembaga PPES Ke-169 Pada 22/3/2016 (RM Juta)	Mesyuarat Lembaga SSB Ke-78 Pada 27/4/2016 (RM Juta)
1.	<i>Construction Cost</i>	59.89	57.94	59.89
	<i>Add: Variation Orders</i>	-	0.99	0.99
	<i>Add: Variation Of Price</i>		0.19	0.34
	<i>Less: PTIVO</i>			(2.55)
2.	<i>Add. Additional Scope</i>	-	8.84	8.84
Total Construction Cost		59.89	67.96	67.51
3	<i>Add: Proposed Changes to Layout</i>	-	-	1.78
Revised Construction Cost		59.89	67.96	69.29
4.	<i>Variation Of Price</i>	1.49	1.31	1.15
5.	<i>Pre-opening Cost & Miscellaneous</i>	6.59	6.79	6.79
6.	<i>Professional Fees & GST</i>	7.56	13.14	12.46
7.	<i>Land</i>	7.00	7.00	7.00
Total Development Cost		82.53	96.20	96.69

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

b. Lewat Jadual

- i. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-78 yang diadakan pada 27 April 2016 dan *Contractor's Progress Report* bagi bulan April 2016 mendapati sebanyak 6 lanjutan masa (EOT) telah diluluskan seperti di **Jadual 4.10.**

**Jadual 4.10
Lanjutan Masa Kerja Kontrak Yang Telah Diluluskan**

Bil. EOT	Description/Justification	Bil. Hari Diluluskan	Tarikh Dijangka Siap
1.	<i>Delay in the installation of monitoring instruments due to neighboring consents and additional monitoring instruments</i>	33	8 Ogos 2014
	<i>Delay due to work stoppage during site clearing</i>	13	
2.	<i>Delay due to changes in rock excavation method from rock blasting to mechanical hacking and also obstruction by existing Telekom manhole</i>	24	22 Februari 2015
	<i>Delay due to manual hacking to existing concrete footing (Part 1)</i>	150	
	<i>Delay due plate bearing test</i>	18	
3.	<i>Delay due to additional hacking of existing reinforced concrete footing (Part 2)</i>	93	25 Mei 2015
4.	<i>Work stop portion of Level 5 (GL1-1a/D-E) due to the proposed new pedestrian bridge connecting the level 5 new hotel to the 6th floor of existing RMH</i>	14	3 Julai 2015
	<i>Exceptionally inclement weather</i>	24	
5.	<i>New Pedestrian Bridge</i>	270	29 Mac 2016
6.	<i>Level 16 onwards affecting Sky Lounge, procurement of lift and amendments to lift motor room</i>	77	14 Jun 2016
Jumlah Hari		716	

Sumber: Sejadu Sendirian Berhad

- ii. Semakan Audit seterusnya terhadap Laporan Kemajuan Kerja bagi bulan April 2016 mendapati pencapaian fizikal projek adalah 69.9% berbanding jadual kemajuan fizikal 92.8% iaitu lewat 88 hari jika berdasarkan EOT ke 6 yang telah diluluskan manakala pencapaian kewangan adalah 67.7% berbanding dengan 96.4% jadual kemajuan kewangan.
- iii. **Maklum balas daripada SSB bertarikh 13 Julai 2016**, menyatakan bahawa kenaikan kos pembinaan sejumlah RM7.62 juta (daripada RM59.89 juta kepada RM67.51 juta) adalah disebabkan oleh perubahan dalam konsep hotel baru daripada kemudahan hotel 3-bintang ke hotel 5-bintang dengan suite, suite keluarga, bilik eksekutif, bilik deluxe dan bilik standard, mesyuarat & kemudahan bankuet, 2 restoran, lounge langit, kelab lounge eksekutif dan pembinaan jambatan pejalan kaki menyambung kepada RMH yang sedia ada. Perubahan dalam konsep tersebut telah menyebabkan tambahan skop kerja dan perubahan kepada susun atur dianggap boleh diterima dan boleh diwajarkan akan menjana lebih banyak pendapatan

hotel dan keuntungan bagi SSB untuk menjadi lebih kompetitif berbanding hotel baru yang lain dalam industri perhotelan Sarawak. Selain di atas, varian sejumlah RM8.04 juta untuk yuran profesional adalah disebabkan oleh kenaikan kos seperti yuran profesional dikenakan bayaran sebanyak 12% daripada kos dan GST pada kadar 6% yang tidak diperuntukkan sebelum ia dilaksanakan pada 1 April 2015.

4.4.2.3. Riverside Shopping Complex Dan Tempat Letak Kereta

- a.** Pengurusan yang baik terhadap sewaan lot kedai dan ruang bangunan di RSC perlu bagi memastikan peningkatan hasil. Sejadu Sdn. Bhd. menyediakan kemudahan ruang kedai untuk disewa dan tempat letak kereta di Riverside Shopping Complex (RSC) yang terletak di Lot 280 Section 48 Kuching Town Land District. Bagi memudahkan pengurusan RSC, SSB telah menandatangan Perjanjian Penyenggaraan dengan Syarikat Sara Urusharta Sdn. Bhd. (SUSB) sejak bulan Mac 2002 untuk mengurus dan menyenggara RSC dan Perjanjian Penyenggaraan tersebut telah diperbaharui pada 1 Januari 2014 bagi tempoh selama 5 tahun sehingga 31 Disember 2018. Syarikat SUSB ditubuhkan pada 31 Mei 1988 merupakan anak syarikat PPES yang berfungsi mengurus aset kepunyaan PPES. Mengikut Perjanjian tersebut, SSB perlu membayar perkhidmatan pengurusan kepada SUSB sejumlah RM151,000 sebulan dan juga fi penyenggaraan sejumlah RM5,000 sebulan. Antara skop kerja SUSB adalah untuk mengiklan dan mempromosikan kompleks; mendapatkan penyewa yang sesuai untuk unit kedai di kompleks; mengutip sewa dan bayaran tempat letak kereta dari penyewa dan pengguna tempat letak kereta di kompleks; untuk mendapat dan memperbaharui lesen hak cipta muzik untuk dimainkan di kompleks; menyediakan perkhidmatan pembersihan, keselamatan, kawalan perosak, landskap dan perlindungan kebakaran bagi kompleks; dan menyediakan perkhidmatan penyenggaraan bagi sistem penggera, sistem penyaman udara, lif dan eskalator, papan suis utama elektrik dan sistem kebersihan di kompleks.
- b.** Sejadu Sdn. Bhd. juga ada menyediakan pusat bowling dan cineplex untuk pengunjung di RSC. Syarikat SSB telah menandatangi *License Agreement* dengan Riverside Bowling Management Sdn. Bhd. pada 1 April 2011 bagi tempoh selama 12 tahun sehingga 31 Mac 2023 untuk mengendali, mengurus dan menyenggara pusat bowling yang mempunyai 24 lorong di RSC. Selain itu, SSB juga menyediakan 4 panggung cineplex di RSC. Syarikat SSB telah memperbaharui *Tenancy Agreement* dengan Lotus Fivestar Cinemas (M) Sdn. Bhd pada 1 Jun 2015 bagi tempoh selama 6 tahun sehingga 31 Mei 2021 untuk mengurus cineplex tersebut.

c. Semakan Audit terhadap prestasi aktiviti di RSC mendapati perkara berikut:

i. **Tunggakan Sewa RSC**

- Riverside Shopping Complex menyediakan 20 unit kedai dengan keluasan 100,553 kaki persegi untuk disewa, pusat bowling, cineplex dan 318 ruang kemudahan tempat letak kereta untuk kemudahan pengunjung ke RSC. Semakan Audit terhadap Jadual Penyewa di RSC setakat bulan April 2016 mendapati tunggakan sewa adalah sejumlah RM602,324 yang mana amaun tertunggak melebihi 90 hari adalah sejumlah RM238,732 atau 40% daripada jumlah keseluruhan amaun tunggakan sewaan tersebut. Bagaimanapun, susulan Audit pada bulan Julai 2016 mendapati tunggakan sewa menunjukkan penurunan kepada sejumlah RM324,137 yang mana amaun tertunggak melebihi 90 hari adalah sejumlah RM230,024 atau 71% daripada jumlah keseluruhan amaun tunggakan tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati setakat bulan Julai 2016 sebanyak 16 unit daripada 20 unit kedai yang disediakan telah disewa dengan keluasan 93,725 kaki persegi atau 93.2% manakala 4 unit lagi kosong dengan keluasan 6,828 kaki persegi atau 6.8%. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 9 penyewa yang tidak lagi menyewa lot kedai/ruang di RSC masih mempunyai tunggakan sewa yang belum dibayar sejumlah RM93,498 atau 28.8% daripada amaun keseluruhan tunggakan sewa. Adalah mendapati SSB telah mengeluarkan surat peringatan dan *letter of demand* untuk menuntut baki hutang yang masih tertunggak.
- **Maklum balas daripada SSB bertarikh 23 Julai 2016, menyatakan bahawa jumlah hutang tertunggak telah menunjukkan penurunan sejumlah RM278,186 atau 46.2% berbanding sejumlah RM602,324 pada bulan April 2016 dan SSB akan terus berusaha untuk mengutip baki hutang yang masih tertunggak.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti SSB adalah memuaskan kerana pendapatan RMH meningkat 3 tahun berturut dan kadar penginapan purata adalah stabil berbanding dengan industri perhotelan di Kuching. Walau bagaimanapun, SSB perlu mengawal peningkatan dalam perbelanjaan langsung dan tidak langsung yang menjelaskan juga keuntungan syarikat.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Amalan Tadbir Urus Korporat adalah penting bagi membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam prestasi kewangan dan pasaran saham, mengukuhkan nama baik syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Selain itu, sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, SSB tertakluk

kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh PPES dan Kerajaan, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat. Semakan Audit terhadap amalan Tadbir Urus SSB mendapati perkara berikut:

4.4.3.1. Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Lembaga Pengarah merupakan Badan Eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan dalam Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965.

a. Pelantikan

Mengikut Perkara 72 *Articles of Association* SSB, keahlian Lembaga Pengarah SSB mestilah tidak kurang daripada 2 orang ahli. Mengikut amalan terbaik, Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah mempunyai kepakaran yang bersesuaian dengan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati SSB mempunyai 5 orang ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada 3 pegawai PPES dan dipengerusi oleh Pengurus Besar PPES serta 2 pegawai daripada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Kementerian Perumahan Sarawak. Pemeriksaan terhadap surat pelantikan ahli Lembaga Pengarah mendapati pelantikan Lembaga Pengarah SSB telah mematuhi kehendak Sekysen 16(A) dan Sekysen 123(4) Akta Syarikat 1965.

b. Kekerapan Mesyuarat

Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah digalakkan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun selaras dengan amalan terbaik yang disarankan di dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah National Berhad. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah SSB telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2013, 3 kali pada tahun 2014 dan 3 kali pada tahun 2015. Setakat bulan Mac 2016, ahli Lembaga Pengarah SSB belum lagi mengadakan mesyuarat. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan. Selain itu, *Directors Circular Resolution* juga diedarkan kepada ahli Lembaga Pengarah.

4.4.3.2. Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan

Audit mendapati SSB ada menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktivitinya.

4.4.3.3. Perancangan Strategik

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat manakala petunjuk prestasi perlu disediakan bukan sahaja untuk menjadi pengukur prestasi syarikat tetapi juga memberi hala tuju syarikat. Semakan Audit mendapati SSB telah menyediakan perancangan strategik perniagaan syarikat untuk jangka masa pendek atau jangka panjang.

4.4.3.4. Standard Operating Procedures

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai objektifnya. Justeru itu, penyediaan *Standard Operating Procedures* (SOP) adalah penting sebagai rujukan kakitangan syarikat kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa yang diturunkan kepada bahagian dan pegawai yang bertanggungjawab dan dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan kewangan serta operasi syarikat. Semakan Audit mendapati SSB ada menyediakan SOP untuk kegunaan syarikat antaranya prosedur berkaitan dengan kewangan, perolehan, pengurusan aset dan stor syarikat.

4.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Berdasarkan amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati SSB menggunakan khidmat Unit Audit Dalam PPES bagi merancang, melaksana serta menyediakan laporan pengauditan dan semua isu audit dibincang di peringkat Jawatankuasa Audit PPES. Semakan Audit seterusnya mendapati kali terakhir pengauditan dijalankan ke atas SSB oleh Unit Audit Dalam PPES adalah pada bulan Oktober 2015 terhadap kawalan perolehan dan bajet di RMH. Berdasarkan laporan Unit

Audit Dalam yang disediakan, kawalan terhadap perolehan dan bajet RMH adalah memuaskan.

4.4.3.6. Pembayaran Dividen

Menurut Akta Syarikat 1965, dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan syarikat yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan. Semakan Audit mendapati sejak ditubuhkan pada tahun 1988, SSB telah membayar dividen sejumlah RM4.76 juta kepada PPES iaitu sejumlah RM1 juta pada tahun 2006, RM2.50 juta pada tahun 2010, RM1 juta pada tahun 2011 dan RM261,156 pada tahun kewangan 2014. Bagi tahun kewangan 2015, tiada dividen dibayar kepada PPES.

4.4.3.7. *Integrity Pact* Dalam Pengurusan Perolehan

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corruption*. *Integrity Pact* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan masyarakat umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati SSB telah melaksanakan *Integrity Pact* dalam pengurusan perolehan sejak tahun 2008.

4.4.3.8. Pengurusan Kewangan

Akta Syarikat 1965 telah menetapkan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan pengurusan kewangan syarikat diurus dengan baik. Antaranya mengandungi perkara berkaitan dengan sistem kawalan dalaman, penyimpanan akaun dan pengurusan aset. Semakan Audit yang dijalankan mendapati pengurusan kewangan SSB adalah teratur dan memuaskan kecuali terdapat kelemahan dalam pengurusan hasil syarikat. Rekod dan dokumen berkaitan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemaskini.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat SSB adalah memuaskan. Bagaimanapun pihak SSB perlu mempertingkatkan usaha dalam pengurusan hasil syarikat.

4.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, Sejadu Sdn. Bhd. perlu merangka pelan perniagaan yang memberi penekanan untuk meningkatkan hasil daripada operasi perhotelan dan juga pengawalan kos operasi agar boleh meningkatkan lagi keuntungan syarikat.

SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

5. SARAWAK INFORMATION SYSTEMS SDN. BHD. (SAINS)

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Sarawak Computerisation Services Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada 4 Mac 1991 dan telah ditukarkan namanya kepada Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) pada 4 Julai 1995. Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Modal dibenar dan berbayar adalah berjumlah RM5 juta.

5.1.2. Objektif penubuhan SAINS adalah untuk menerajui pembangunan dan mengimplementasikan teknologi maklumat dalam Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sarawak. Aktiviti utama SAINS adalah memberi perkhidmatan maklumat dan komunikasi berteknologi kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan agensi Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2015, SAINS mempunyai 4 syarikat subsidiari yang aktif iaitu SiliconNet Technologies Sdn. Bhd., Stratfos Consulting Sdn. Bhd., SAINS Commercial Sdn. Bhd. dan Silicon Communications Sdn. Bhd. Visi SAINS adalah untuk menjadi pemangkin dalam maklumat komunikasi bertaraf dunia di rantau ini manakala misinya sebagai pembekal perkhidmatan penyelesaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) berjangka panjang. Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. mempunyai 3 pejabat utama iaitu Ibu Pejabat SAINS, Unit Pembangunan Perniagaan Dan Komunikasi Korporat di Bahagian Kuching dan pejabat SAINS Samarahan di Bahagian Samarahan. Selain itu, SAINS juga mempunyai 11 pejabat cawangan di seluruh negeri Sarawak.

5.1.3. Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. mengendalikan 7 jenis bidang penyelesaian dalam perkhidmatannya iaitu komunikasi/kolobrasi, Kerajaan, kesihatan, perpustakaan, pengurusan/produk pejabat, portal dan pengurusan pemantauan serta sekuriti. Bidang penyelesaian untuk Kerajaan secara amnya meliputi 12 perkhidmatan iaitu:

- a. Sistem Pemantauan Projek Pembangunan
- b. Sistem Pengukuran Prestasi
- c. Penyelesaian Bajet Dan Perakaunan
- d. Maklumat Kontraktor Dan Pembekal
- e. Penyelesaian Maklumat Geografi
- f. Penyelesaian Berintegrasi Untuk Pengurusan Tanah
- g. Portal *Clearing House* Data Geomatik Repotori Negeri
- h. Penyelesaian Mahkamah Berintegrasi
- i. Sistem Maklumat Pihak Berkuasa Tempatan
- j. Sistem Rekrutmen
- k. Sistem Pengurusan Mahkamah Syariah
- l. Sistem Kebajikan

5.1.4. Sehingga akhir tahun 2015, SAINS mempunyai 5 ahli Lembaga Pengarah dan seorang *Alternate Director*. Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam dan 5 ahli yang lain iaitu Tan Sri Datuk Amar Hj. Abdul Aziz bin Dato Hj. Husain (Timbalan Pengerusi), Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Dato Sri Ahmad Tarmizi bin Sulaiman, Dato Teo Tien Hiong (*Managing Director*) dan Datu Lee Ngien Hion sebagai *Alternate Director*. Pengurusan operasi harian diurus oleh Pengarah Pengurusan dan dibantu oleh 605 pegawai serta kakitangan.

5.1.5. Sebagai syarikat penyedia penyelesaian ICT, SAINS telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara anugerah yang dimenangi bagi peringkat kebangsaan adalah seperti *Excellent Complaint Management* pada 2014 daripada Jabatan Perdana Menteri bagi *Sarawak Government Citizen Helpline Application*, Talikhidmat dan *FutureGov* Malaysia bagi projek *U-Library* pada tahun 2013. Manakala di peringkat antarabangsa, SAINS telah memenangi anugerah seperti *Geospatial World Excellence Award* untuk kategori tadbir urus, projek *Land and Survey Information System* (LASIS) pada tahun 2012 dan *United Nation's World Summit Award* bagi kategori e-Kerajaan & Institusi serta *Integrated Court Solution* pada tahun 2009.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai prestasi kewangan SAINS samada memuaskan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di pejabat korporat SAINS dan meliputi aspek prestasi kewangan, pengauditan terhadap pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat dijalankan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan aktiviti, tadbir urus dan pengurusan kewangan. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Selain itu, temu bual dengan pegawai SAINS dan lawatan ke Pusat Data yang terletak di Pejabat SAINS Samarahan juga dijalankan. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Kewangan, Ketua Perkhidmatan Projek, Ketua Khidmat Pelanggan Projek, Ketua Hal Ehwal Korporat Dan Perancangan Maklumat, Penyelia Projek dan Ketua Unit Audit Dalam telah diadakan pada 30 Jun 2016.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga April 2016 mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan SAINS adalah baik manakala pengurusan aktiviti serta

tadbir urus korporat adalah memuaskan. Antara kelemahan yang boleh ditambah baik adalah seperti berikut:

- Pengurusan kontrak kurang teratur.
- Projek lewat disiapkan antara 69 hingga 397 hari.
- Kuasa untuk meluluskan pembayaran kenaikan emolumen melibatkan ahli Lembaga yang mempunyai kepentingan.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Syarikat telah mencatat keuntungan selepas cukai berjumlah RM9.10 juta dan RM8.93 juta pada tahun 2014 dan 2015 manakala keuntungan terkumpul berjumlah RM109.80 juta dan RM117.73 juta pada tempoh yang sama. Bagi tahun 2015, hasil utama iaitu daripada perkhidmatan pembangunan sistem dan pengurusan teknologi maklumat berjumlah RM90.13 juta manakala kutipan hasil pelbagai adalah RM6.38 juta. Pada tempoh yang sama, syarikat telah berbelanja sejumlah RM86.20 juta iaitu RM68.85 juta merupakan perbelanjaan langsung dan RM17.30 juta perbelanjaan pengurusan pentadbiran serta kos kewangan. Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan SAINS yang telah diaudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan SAINS.

5.4.1.1. Analisis Trend

a. Analisis Pendapatan


Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati SAINS telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM8.92 juta pada tahun 2013, RM9.10 juta pada 2014 dan RM8.93 juta pada 2015. Keuntungan terkumpul syarikat adalah berjumlah RM117.73 juta pada tahun 2015. Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. telah mengisyiharkan pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM2.16 juta bagi tempoh 3 tahun iaitu RM0.50 juta bagi tahun 2012, RM0.66 juta bagi 2013 dan RM1 juta bagi 2014. Semakan Audit mendapati pembayaran dividen bagi tahun 2012 dibayar pada tahun 2013 setelah mendapat kelulusan melalui edaran resolusi bertarikh 1 Februari 2013. Bagi tahun kewangan 2014, SAINS telah meningkatkan syer berbayar syarikat dari RM3.33 juta kepada RM5 juta. Peningkatan ini adalah melalui penerbitan bonus syer dari sumber keuntungan terkumpul syarikat. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul SAINS bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 5.1, Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.1
Kedudukan Kewangan SAINS Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun		
	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	81.40	84.09	90.13
Perbelanjaan Langsung	59.80	61.36	68.85
Untung Kasar	21.60	22.73	21.28
Pendapatan Lain	3.75	3.60	6.38
Perbelanjaan Pentadbiran	14.31	14.86	17.30
Kos Kewangan	0.03	0.02	0.05
Keuntungan Sebelum Cukai	11.01	11.45	10.31
Cukai	2.09	2.35	1.38
Keuntungan Selepas Cukai	8.92	9.10	8.93
Dividen	0.50	0.66	1.00
Penerbitan Bonus Syer	-	1.67	-
Keuntungan Terkumpul Selepas Cukai	103.03	109.80	117.73


Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

Carta 5.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Selepas Cukai Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

- b. Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan SAINS mengamalkan tadbir urus kewangan korporat yang berhemat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan membayar dividen yang mampan kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun. Hasil dividen dan pulangan ke atas pelaburan bagi Kerajaan Negeri adalah 15% bagi tahun 2012 dan 20% bagi 2013 hingga 2015. Dasar dividen yang seimbang ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta pemegang saham yang memastikan SAINS mempunyai keupayaan secara dalaman untuk membiayai pertumbuhan perniagaan serta aset perolehan dan pembinaan bangunan SAINS sendiri, keupayaan untuk mencapai zero gearing

iaitu tidak bergantung kepada pinjaman atau menanggung liabiliti berjangka panjang.

i. Perbelanjaan Pentadbiran

Perbelanjaan pentadbiran yang utama meliputi perbelanjaan jualan dan kos pengedaran dan perbelanjaan pentadbiran syarikat. Analisis Audit mendapati perbelanjaan pentadbiran menunjukkan trend yang meningkat bagi tempoh 2013 hingga 2015 iaitu berjumlah RM10.31 juta, RM14.86 juta dan RM17.30 juta. Peningkatan perbelanjaan bagi tempoh 2014 hingga 2015 berjumlah RM2.44 juta atau 16.4%. Semakan Audit terhadap penyata kewangan SAINS mendapati trend peningkatan yang mendadak peningkatan antara 100 % hingga 641.4% bagi kos tersebut pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya bagi perbelanjaan Yuran Kerjasama Perniagaan, Yuran Pengarah, Perbelanjaan Am dan Pengangkutan dan Tambang/Perjalanan seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Senarai Perbelanjaan Yang Semakin Meningkat

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Tahun					
		2013 (RM)	(%)	2014 (RM)	(%)	2015 (RM)	(%)
Jualan dan Kos Pengedaran							
1.	Keraian	15,017	(40.3)	78,312	421.4	4,923	(93.7)
2.	Percetakan dan Alat Tulis	3,827	245.0	34,046	789.6	17,924	(47.3)
3.	Faedah Kaktangan	6,639	(38.1)	14,817	123.1	5,071	(65.7)
Perbelanjaan Pentadbiran							
4.	Yuran Kerjasama Perniagaan	10,559	17.6	13,833	31.0	102,559	641.4
5.	Yuran Pengarah	208,800	5.6	208,800	-	732,600	250.8
6.	Perbelanjaan Am	111,326	(19.1)	459,661	312.8	603,653	31.3
7.	Iklan	636	(93.7)	31,008	4,775.4	52,990	70.8
8.	Komputer	412,435	41.2	564,239	36.8	756,930	34.1
9.	Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Sokongan			338,919	100	307,206	100
10.	Keraian	40,681	(61.9)	168,094	313.2	30,897	(81.6)
11.	Pembaikan dan Penyelenggaraan	309,670	53.7	732,300	136.4	639,907	(12.6)
12.	Jamuan kaktangan	64,114	23.7	117,565	83.3	-	-
13.	Aset runcit	16,949	179.2	156,951	826	121,171	(22.7)
14.	Pengangkutan dan tambang/perjalanan	-		-	-	173,998	100
Jumlah		1,200,653		2,918,545		3,549,829	

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

ii. Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan peningkatan kos perbelanjaan pentadbiran pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan bayaran untuk 2 perjanjian pelesenan perkongsian pengedaran strategik baru ditandatangani dengan pemilik teknologi Oracle dan Planet Labs. Selain itu, semakan semula yuran ahli Lembaga Pengarah pada 2015 (semakan terakhir dibuat pada tahun

2001) yang telah dilulus oleh pemegang saham pada 2015 untuk dibayar mulai Januari 2014. Jumlah pembayaran adalah RM255,600 pada 2014 dan RM477,000 pada tahun 2015. Manakala peningkatan dalam kos Pengangkutan dan Tambang/Perjalanan adalah disebabkan oleh klasifikasi semula akaun pada tahun 2015 kepada 2 kod akaun iaitu pengangkutan dan tambang serta perbelanjaan perjalanan.

iii. Kos Kewangan

Kos kewangan SAINS terdiri daripada caj bank terhadap perkhidmatan perbankan yang digunakan. Perbelanjaan kos kewangan berjumlah RM33,686 bagi tahun 2013, RM22,016 bagi tahun 2014 dan meningkat kepada RM54,432 bagi tahun 2015. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan peningkatan ini adalah disebabkan oleh caj bank yang dikenakan bagi penggunaan kemudahan perbankan, pemindahan telegrafik, bayaran gaji serta caj e-perolehan.**

c. Analisis Penghutang

i. Analisis Audit terhadap penyata kewangan SAINS mendapati penghutang syarikat terdiri daripada penghutang dagangan, bukan dagangan dan hutang dari syarikat subsidiari. Jumlah baki penghutang pada setiap akhir tahun adalah RM45.85 juta bagi tahun 2013, RM50.58 juta bagi 2014 dan RM61.05 juta bagi 2015. Analisis Audit terhadap jumlah penghutang menunjukkan trend peningkatan RM4.73 juta atau 10.3% bagi tahun 2014 berbanding 2013 dan RM10.47 juta atau 20.6% bagi 2015 berbanding 2014. Kedudukan penghutang syarikat adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3
Penghutang Syarikat Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Senarai Penghutang	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
1.	Penghutang Dagangan	30,077,618	37,301,758	41,973,264
2.	Penghutang Bukan Dagangan	4,965,701	5,640,111	2,501,004
3.	Penghutang – Syarikat Subsidiari	10,807,181	7,641,330	16,578,619
Jumlah Penghutang Syarikat		45,850,500	50,583,199	61,052,887

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

- ii. Analisis pengumuran penghutang bagi tahun berakhir 2015 mendapati jumlah hutang tertunggak melebihi tempoh 90 hari berjumlah RM10.32 juta atau 16.9% dari jumlah keseluruhan penghutang. Semakan lanjut Audit terhadap pengumuran hutang yang melebihi 90 hari mendapati telah menurun sejumlah RM7.90 juta atau 76.6% setakat 22 Jun 2016.
- iii. Hutang dari syarikat subsidiari meliputi pembayaran gaji dan elaun kakitangan, insurans berkelompok dan bayaran perubatan. Baki penghutang syarikat

subsidiari pada setiap akhir tahun berjumlah RM10.81 juta pada tahun 2013, RM7.64 juta pada 2014 dan RM16.58 juta pada 2015. Semakan Audit selanjutnya terhadap lejer syarikat subsidiari mendapati tiada transaksi pembayaran baki awal tahun 2015 dan hanya transaksi tahun semasa menunjukkan pembayaran dari pihak syarikat subsidiari seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Tunggakan Penghutang Syarikat Subsidiari Tahun 2015

Bil.	Senarai Penghutang (Syarikat Berkaitan)	2015 Januari (Baki awal) (RM)	Transaksi Debit (RM)	Transaksi Kredit (RM)	2015 Disember (Baki akhir) (RM)
1.	SiliconNet Technologies Sdn. Bhd.	5,847,680	6,684,568	6,684,611	5,847,637
2.	Sains Commercial Sdn. Bhd	1,300,578	285,746	285,746	1,300,578
3.	Silicon Intranet & Networking Sdn. Bhd.	101,130	2,784,006	2,784,006	101,130
4.	Silicon Media Sdn. Bhd.	2,387	250	250	2,387
5.	Sains Silicon Sdn. Bhd.	26,088	250	250	26,088
6.	Sains Properties Services MSC Sdn. Bhd.	31,577	2,715	2,715	31,577
7.	Netcation Systems Sdn. Bhd.	22,726	2,665	2,665	22,726

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

d. Analisis Liabiliti

- i. Liabiliti syarikat terdiri daripada pembiayaan, pembiayaan bukan dagangan dan tunggakan dari syarikat subsidiari. Jumlah liabiliti perniagaan SAINS adalah RM12.27 juta pada tahun 2013, RM12.73 juta pada 2014 dan RM30.79 juta pada 2015. Analisis Audit mendapati trend peningkatan sejumlah RM18.06 juta atau 141.9% pada tahun 2015 berbanding 2014. Butiran lanjut liabiliti SAINS bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti pada di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Analisis Liabiliti Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1.	Pembiayaan Dagangan	0.93	1.83	2.83
2.	Pembiayaan Bukan Dagangan	9.02	10.57	9.53
3.	Tunggakan dari Syarikat Subsidiari	2.32	0.33	18.43
Jumlah Liabiliti Perniagaan		12.27	12.73	30.79

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

- ii. Analisis Audit terhadap analisis pengumuran pembiayaan bagi tahun berakhir 2015 mendapati tunggakan hutang berjumlah RM30.79 juta. Jumlah pembiayaan bagi tempoh 90 hari ke atas adalah RM1.05 juta dari jumlah pembiayaan terkumpul. Tunggakan yang melebihi 90 hari ke atas adalah tunggakan dari syarikat subsidiari. Semakan lanjut Audit mendapati SAINS belum menyelesaikan tunggakan sepanjang tahun 2015 seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Tunggakan Yang Belum Selesai Sepanjang Tahun 2015

Bil.	Butiran	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (1.5.2016) (RM)
1.	Silicon Navigator Sdn. Bhd.	12,569	12,569	12,569
2.	Silicon Professional Sdn. Bhd.	170,567	170,567	170,567

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

- iii. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan syarikat mempunyai Standard Operating Procedure (SOP) pengurusan Accounts Receivable (AR). Tempoh kredit adalah 30 hari dan Bahagian Kewangan sentiasa membuat susulan sehingga hutang selesai.**

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah hutang telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Hasil analisis nisbah kewangan menunjukkan prestasi kewangan seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun		
	2013	2014	2015
Nisbah Semasa	7.72 : 1	7.61 : 1	3.55 : 1
Margin Untung Bersih	10.96%	10.82%	9.91%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.07 : 1	0.07 : 1	0.06 : 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.08 : 1	0.08 : 1	0.07 : 1
Nisbah Hutang	0.11 : 1	0.10 : 1	0.20 : 1

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SAINS bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah 7.72:1, 7.61:1 dan 3.55:1. Ini menunjukkan nisbah semasa SAINS berada di atas norma 2:1.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati SAINS mencatatkan margin untung bersih

berjumlah 11 sen pada tahun 2013, 11 sen pada 2014 dan 10 sen pada 2015 bagi setiap ringgit untung bersih.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset telah mencatat pulangan 7 sen pada tahun 2013, 7 sen pada 2014 dan 6 sen pada 2015 bagi setiap ringgit aset syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti telah mencatat pulangan 8 sen pada tahun 2013, 8 sen pada 2014 dan 7 sen pada 2015 bagi setiap ringgit ekuiti syarikat.

e. Nisbah Hutang

Nisbah Hutang merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibiayai oleh aset yang dimiliki oleh syarikat. Kedudukan nisbah antara tanggungan dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Analisis Audit mendapati, nisbah hutang SAINS bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah memuaskan iaitu 0.11:1 pada tahun 2013, 0.10:1 pada 2014 dan 0.20:1 pada 2015. Ini menunjukkan operasi syarikat adalah baik dan aset yang sedia ada mampu digunakan untuk menyelesaikan hutang.

f. Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan nisbah SAINS yang boleh diterima adalah 0.5:1. Ini adalah kerana SAINS sentiasa mengamalkan prosedur kewangan yang berhemat dan akan terus berbuat demikian bagi memastikan kemampunan hutang syarikat.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SAINS adalah baik. Namun demikian, SAINS perlu meningkatkan pertumbuhan syarikat dengan mengubalkan strategi untuk mencapai pelan perniagaan bagi menceburi pasaran luar.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama SAINS adalah memberi perkhidmatan maklumat dan komunikasi berteknologi kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan agensi Kerajaan manakala perkhidmatan atau kontrak dengan agensi bukan Kerajaan dibuat oleh anak syarikat SAINS. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, SAINS telah menandatangani 178 kontrak bernilai RM41.34 juta bagi melaksanakan 169 sistem berkomputer termasuk menyediakan infrastruktur dan peralatan untuk 65 agensi Kerajaan. Untuk tujuan pengurusan projek pihak SAINS telah menyediakan manual panduan kerja seperti *Project Management Standard Operating Procedure, Decision Analysis and Resolution Standard Operating Procedure, Project Risk Management Standard Operating Procedure* dan *Software Requirement Management Standard Operating Procedure*. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama SAINS mendapati perkara seperti berikut:

5.4.2.1. Penyediaan Sumber Manusia

Sehingga akhir tahun 2015, SAINS mempunyai 605 pegawai serta kakitangan untuk melaksanakan pengurusan harian dan daripada jumlah ini 303 kakitangannya mempunyai kelulusan sarjana muda dan ke atas, 142 yang berkelulusan diploma dan 36 memiliki sijil setaraf dalam jurusan bidang berkaitan ICT. Semakan Audit mendapati SAINS menetapkan dalam setiap kontrak satu Carta Organisasi Projek dengan komposisi Jawatankuasa Pemandu Projek, Jawatankuasa Teknikal Projek, Pejabat Pengurusan Projek, Kumpulan Sokongan Pengguna dan Kumpulan Sokongan Projek. Selain itu, peranan serta tanggungjawab setiap peringkat organisasi dan pegawai yang juga melibatkan wakil agensi pengguna serta kakitangan juga dimenterai dalam kontrak.

5.4.2.2. Pengurusan Kontrak Antara SAINS Dengan Kerajaan Negeri

Adalah didapati pihak SAINS telah menyediakan satu kontrak untuk setiap projek dan ditandatangani bersama oleh pemilik projek. Semakan Audit dibuat terhadap 25 dokumen kontrak iaitu 18 dokumen kontrak untuk projek pengkomputeran dan 7 kontrak untuk *Service Level Agreements (SLA)* yang ditandatangani dalam tempoh 2013 hingga 2015. Adalah didapati secara keseluruhannya penyediaan kontrak adalah teratur dan mengandungi terma serta syarat yang menjaga kepentingan pihak Kerajaan seperti mengenakan syarat penalti dan menetapkan tempoh jaminan. Terma kontrak juga menetapkan kaedah tuntutan bayaran dibuat iaitu secara progresif. Dokumen kontrak juga mengandungi surat kelulusan daripada Majlis Teknologi Dan Sumber Maklumat Negeri Sarawak (SITRC), surat pelantikan daripada agensi pengguna, surat terimaan, Jadual Pelaksanaan Projek dan Jadual Harga. Bagaimanapun, didapati beberapa kelemahan dalam pengurusan kontrak seperti berikut:

a. Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani

Semakan Audit mendapati 7 atau 38.9% daripada 18 kontrak untuk projek pengkomputeran hanya ditandatangani antara 3 hingga 10 bulan setelah projek dilaksanakan dan ini tidak mengambil kira tempoh perancangan terhadap projek. Manakala terdapat 5 atau 71.4% daripada 7 kontrak untuk SLA hanya ditandatangani antara 4 hingga 15 bulan setelah perkhidmatan dimulakan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Kontrak Projek Dan Kontrak SLA Lewat Ditandatangani

Bil.	Kontrak	Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Kontrak Ditandatangani	Tarikh Kontrak Dimulakan	Tempoh kelewatan Kontrak Ditandatangani (Bulan)
A. Pengurusan Projek					
1.	<i>Study And Development Of A New Local Authority Sistem (eLA 2) – Phase 3</i>	2,000,000	07.10.2014	April 2014	4
2.	<i>Development And Implementation Of State Civil Service – Human Resource Application (SCS-HRA) – Phase 2</i>	1,736,780	09.12.2014	Mei 2014	7
3.	<i>Electronic Resident And District Office System – Phase IV</i>	799,990	20.11.2014	April 2014	6
4.	<i>Housing Development And Management System</i>	606,000	05.12.2014	Julai 2014	5
5.	<i>State Integrated Financial Budgeting And Accounting System V2 – Phase 1 - Enhancements</i>	2,572,673	14.12.2015	Februari 2015	10
6.	<i>Development And Implementation Of Claims Management System – SIFBAS V2</i>	1,113,000	14.12.2015	Julai 2015	5
7.	<i>CACTUS – for 2015 Statewide Implementation</i>	711,663	17.11.2015	Ogos 2015	3
B. Pengurusan SLA					
1.	<i>CACTUS 2013 Enhancements And Data Migration</i>	259,488	24.12.2013	April 2013	8
2.	<i>DID Telemetry System Upgrades (2013)</i>	68,900	25.05.2015	Januari 2015	4
3.	<i>State Integrated Financial Budgeting And Accounting System (SIFBAS V2) – Phase 1 - Implementation</i>	3,325,000	16.12.2014	September 2013	15
4.	<i>Study And Development Of A New Local Authority System (eLA 2) – Phase 3</i>	407,000	07.11.2014	Januari 2014	10
5.	<i>Electronic Resident and District Office System – Phase IV</i>	63,600	29.08.2014	Januari 2014	7

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

- b. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan kelulusan daripada Majlis Teknologi Dan Sumber Maklumat Negeri Sarawak (SITRC) untuk melaksanakan sesuatu kontrak pembangunan sistem tidak menyatakan secara terperinci skop dan kos kontrak berkenaan. Untuk memenuhi komitmen SAINS kepada Kerajaan Negeri, SAINS perlu meneruskan pelaksanaan projek tersebut**

terlebih dahulu sementara perihal skop serta kos kontrak dimuktamadkan dan pengurusan ini mengambil masa hingga beberapa bulan.

c. Pengurusan Kontrak Projek Kurang Teratur

Adalah didapati surat tawaran untuk melaksanakan projek, surat setuju terima dan syarat penalti hanya mula dilakukan pada tahun 2014. Semakan Audit terhadap 12 dokumen kontrak yang dilaksanakan pada tahun 2014 dan 2015 mendapati SAINS telah melaksanakan 94% projek dalam tempoh yang ditetapkan dan semua kos pembangunan tidak melebihi harga kontrak. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya terhadap 12 dokumen kontrak projek dan 7 kontrak SLA mendapati pengurusan 9 atau 75% kontrak projek dan 5 atau 71.4% kontrak SLA kurang teratur iaitu projek telah dimulakan walaupun kelulusan daripada pihak SITRC belum diperolehi dan surat tawaran daripada agensi pengguna serta surat setuju terima belum dibuat. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Pengurusan Kontrak Projek Dan Kontrak SLA Kurang Teratur

Bil.	Kontrak	Nilai Kontrak (RM)	Perkara Tidak Teratur (Maklumat Seperti Di Kontrak)
A. Pengurusan Projek			
1.	<i>Study And Development Of A New Local Authority System (eLA 2) – Phase 3</i>	2,000,000	- Tarikh mula April 2014 - Surat Tawaran bth 02.10.2014 - Surat Terimaan bth 01.10.2014
2.	<i>Development And Implementation Of State Civil Service – Human Resource Application (SCS-HRA) – Phase 2</i>	1,736,780	- Tarikh mula Mei 2014 - Surat Tawaran bth 13.11.2014 - Surat Terimaan bth 14.11.2014
3.	<i>Electronic Resident And District Office System – Phase IV</i>	799,990	- Tarikh mula April 2014 - Surat Tawaran bth 02.10.2014 - Surat Terimaan bth 01.10.2014
4.	<i>Housing Development And Management System</i>	606,000	- Tarikh mula Julai 2014 - Surat Kelulusan bth. 13.10.2014 - Surat Tawaran bth 12.11.2014 - Surat Terimaan bth 13.11.2014
5.	<i>State Integrated Financial Budgeting And Accounting System V2 – Phase 1 - Enhancements</i>	2,572,673	- Tarikh mula Februari 2015 - Surat Tawaran bth 20.10.2015 - Surat Terimaan bth 21.10.2015
6.	<i>ICT Platform Equipment And Infrastructure 2015 – Batch 1</i>	1,204,815	- Tarikh mula Mei 2015 - Surat Tawaran bth 03.07.2015 - Surat Terimaan bth 06.07.2015
7.	<i>Development And Implementation Of Claims Management System – SIFBAS V2</i>	1,113,000	- Tarikh mula Julai 2015 - Surat Tawaran bth 11.12.2015 - Surat Terimaan bth 14.12.2015
8.	<i>CACTUS – for 2015 Statewide Implementation</i>	711,663	- Tarikh mula Ogos 2015 - Surat Kelulusan bth 12.11.2015 - Surat Tawaran bth 13.11.2015 - Surat Terimaan bth 16.11.2015
B. Pengurusan SLA			
1.	<i>CACTUS 2013 Enhancements And Data Migration</i>	259,488	- Tarikh mula 1.04. 2013 - Surat Kelulusan bth.17.01.2014 - Surat Tawaran tidak dikemukakan - Surat Terimaan tiada dikeluarkan
2.	<i>DID Telemetry System Upgrades (2013)</i>	68,900	- Tarikh mula 01.01. 2015 - Surat Kelulusan dikemukakan bth1.10.2014 - Surat Tawaran bth 12.05.2015 - Surat Terimaan bth 15.05.2015

Bil.	Kontrak	Nilai Kontrak (RM)	Perkara Tidak Teratur (Maklumat Seperti Di Kontrak)
3.	<i>State Integrated Financial Budgeting And Accounting System (SIFBAS V2) – Phase 1 - Implementation</i>	3,325,000	<ul style="list-style-type: none"> - Tarikh mula 01.09. 2013 - Surat Kelulusan dikemukakan bth 1.10.2014 - Surat Tawaran bth 14.10.2014 - Surat Terimaan bth 17.10.2014
4.	<i>Study And Development Of A New Local Authority System (eLA 2) – Phase 3</i>	407,000	<ul style="list-style-type: none"> - Tarikh mula 01.01. 2014 - Surat Kelulusan dikemukakan bth 1.10.2014 - Surat Tawaran bth 03.11.2014 - Surat Terimaan bth 05.11.2014
5.	<i>Electronic Resident and District Office System – Phase IV</i>	63,600	<ul style="list-style-type: none"> - Tarikh mula 01.01. 2014 - Surat Kelulusan 19.08.2014 - Surat Tawaran bth 19.08.2014 - Surat Terimaan bth 26.08.2014

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

- d. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan SLA lewat ditandatangani kerana kelulusan pengecualian tender daripada pihak berkuasa lewat diterima. Bagaimanapun, untuk memastikan penyenggaraan sistem adalah berterusan, pihak SAINS akan terus memberi perkhidmatan walaupun kontrak belum ditandatangani.**

5.4.2.3. Prestasi Pelaksanaan Projek

- a. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, SAINS telah mengendalikan 208 projek pengkomputeran iaitu 150 projek yang dirancang dan 58 projek *adhoc* untuk memenuhi arahan dan permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri berdasarkan keutamaan keperluan dan kepentingan semasa. Semakan Audit mendapati secara purata projek yang disiapkan dalam tempoh berkenaan adalah di antara 79.3% manakala 18.3% sedang dalam pelaksanaan mengikut jadual. Adalah didapati hanya terdapat 5 atau 2.4% projek yang lewat disiapkan antara 69 hingga 397 hari iaitu 3 projek pada tahun 2014 dan 2 projek pada 2015. Semakan Audit seterusnya mendapati projek lewat disiapkan disebabkan perubahan kepada skop kerja yang perlu dilaksanakan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.10** dan **Jadual 5.11**.

Jadual 5.10
Prestasi Pelaksanaan Projek

Perkara	Tahun			Jumlah (Purata %)
	2013	2014	2015	
Projek Siap	44	61	60	165
Peratus (%)	84.6%	77.2%	77.9%	(79.3%)
Projek sedang dijalankan	8	15	15	38
Peratus (%)	15.4%	19%	19.5%	(18.3%)
Projek lewat	0	3	2	5
Peratus (%)	0%	3.8%	2.6%	(2.4%)
Jumlah Projek	52	79	77	208

Sumber: SaSarawak Information Systems Sdn. Bhd.

Jadual 5.11
Projek Lewat Disiapkan

Tahun	Bil.	Projek	Tempoh Lewat (Hari)	Sebab
2014	1	<i>Development Of Unified Security And Access Control System For Tropical Pest Research Laboratory Unit</i>	69	Penyiapan fizikal bangunan baru telah ditangguhkan dan projek tersebut perlu dijadualkan semula
	2	<i>Integrated Asset Management System</i>	397	Pengubahsuaian kepada carta kerja asal
	3	<i>One Government At Your Services Study</i>	120	Pelaksanaan telah ditangguhkan kerana menunggu keputusan bagi penyediaan semula skop projek
2015	1	<i>Building And Quarters Management And Monitoring System</i>	213	Perubahan skop kerja
	2	<i>Management Information System (JKR)</i>	213	Perubahan skop kerja

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

b. Permohonan Bantuan Oleh Pengguna

Pihak Audit menghadapi kesukaran untuk menjalankan analisis bagi menentukan bilangan panggilan mengenai permohonan bantuan terhadap masalah berkaitan sistem yang telah dibuat oleh satu-satu agensi semasa dan setelah sistem dalam pembangunan. Ini kerana *The Call Tracking System* (CATS) yang diguna untuk merekod panggilan pada masa kini hanya boleh mengkategorikan panggilan diterima sebagai *Internal Request* atau *Customer Request*. Semakan Audit terhadap ekstrak daripada laporan untuk tempoh Januari hingga Mac 2015 mendapati sejumlah 26 panggilan telah dibuat daripada 11 agensi pengguna dan 25 panggilan adalah mengenai SIFBAS. Perkara yang dibangkitkan secara amnya adalah untuk memohon penambahbaikan kepada fungsi sistem.

- c. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan sistem CATS yang digunakan tidak mampu untuk mengekstrak dan menganalisis maklumat seperti laporan bilangan sebenar agensi serta bilangan panggilan yang telah dibuat mengenai masalah berhubung sistem yang telah dibangunkan memandangkan sistem ini dibangunkan pada tahun 2003. Pihak SAINS telah mengambil tindakan membangunkan sistem baru iaitu d' CROWN untuk menggantikan sistem sedia ada.**

d. Pembangunan 3 Sistem Utama

Semua projek pembangunan sistem hanya dilaksanakan oleh SAINS setelah spesifikasi, skop dan kos dianalisis serta dilulus oleh Kerajaan Negeri. Adalah didapati SAINS diberi tanggungjawab untuk mengurus pembangunan 3 sistem utama dalam Perkhidmatan Kerajaan Negeri iaitu *State Integrated Financial Budgeting And Accounting System* (SIFBAS) untuk Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN),

Land And Survey Information System (LASIS) untuk Jabatan Tanah Dan Survei (JTS) dan eLA untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Semakan Audit mendapati pelaksanaan pembangunan sistem dibuat secara berperingkat dan sebarang perubahan atau penambahbaikan pada projek adalah tertakluk kepada permohonan daripada pengguna serta kelulusan daripada SITRC dan juga bajet yang diluluskan. Semakan Audit terhadap pembangunan dan maklum balas pengguna adalah seperti di **Jadual 5.12** hingga **Jadual 5.14**.

Jadual 5.12
Projek SIFBAS

Ringkasan Projek SIFBAS Dan Pemerhatian			
Bil.	Projek	Tempoh	Kos (RM)
1.	<p>Pembangunan Sistem <i>State Integrated Financial Budgeting And Accounting System</i> (SIFBAS) dibangunkan oleh SAINS melalui 4 kontrak berjumlah RM17.53 juta. Kontrak tersebut telah ditandatangani oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN) dan SAINS dan dirancang pelaksanaannya dalam tempoh 2001 hingga 2010 termasuk kontrak <i>Enhancement SIFBAS</i> 2007. Kos penyenggaraan bagi tempoh 2004 hingga 2009 adalah berjumlah RM7.68 juta. SIFBAS merupakan satu aplikasi yang mula dibangunkan pada tahun 2001 bagi memenuhi kehendak Kerajaan Negeri Sarawak supaya diwujudkan satu sistem perakaunan berkomputer yang bersepada di Agensi Kerajaan Negeri. SIFBAS mengandungi empat komponen utama yang terdiri daripada kewangan, belanjawan, perakaunan dan aplikasi luaran.</p> <p>i. Re- Developed SIFBAS Pada tahun 2010, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN) telah membuat cadangan untuk sistem SIFBAS dibangunkan semula untuk dimasukkan konsep dan teknik baru dan semua sub-sistem berfungsi secara berintegrasi dengan sistem lain yang digunakan oleh Kerajaan Negeri.</p>	07.2010 – 12.2012	12,237,831
2.	<p>SIFBAS V2 – Phase 1 – Implementation</p> <p>Latar belakang: Sistem versi ini mengandungi 35 sub-sistem yang meliputi 4 komponen iaitu Bajet, Kewangan, Perakaunan dan Pengurusan dan boleh <i>interfaced</i> dengan sistem yang lain. Pembangunan sistem dibuat dalam dua fasa. Sistem ini telah dilaksanakan pada tahun 2014.</p>	01.2014 – 12.2014	1,604,975
3.	<p>SIFBAS V2 – Phase 1 – Enhancement</p> <p>Latar belakang: Projek ini adalah untuk penambahbaikan terhadap fungsi serta ciri-ciri yang sedia ada dan melibatkan 26 sub-sistem untuk pengurusan kewangan dan akaun. Skop projek tidak termasuk pemasangan rangkaian, perolehan perkakasan dan penukaran data. Kos untuk pengurusan projek berjumlah RM721,000 manakala kos projek berjumlah RM1.71 juta adalah untuk mengkaji keperluan sistem, melaksanakan penambahbaikan dan mengimplementasikan sub-sistem berkenaan.</p>	01.2015 – 12.2015	2,572,673

Ringkasan Projek SIFBAS Dan Pemerhatian			
Bil.	Projek	Tempoh	Kos (RM)
4.	SIFBAS V2 – Development And Implementation Of Claims Management System Latar belakang: Sistem ini dibangunkan untuk menggantikan proses sistem tuntutan, kakitangan yang dibuat secara manual. Skop kerja termasuk memberi perkhidmatan pengurusan projek, mengendalikan woksyop untuk mendapat maklum balas pihak pengguna, membina serta membuat previu terhadap sistem dan mengimplementasikan sistem.	01.2015 – 06.2016	1,113,000
Jumlah			17,528,479

Pemerhatian:

1. Projek ini telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada bulan Disember 2015.
2. Tuntutan bayaran dibuat secara progresif seperti mana ditetapkan dalam kontrak.
3. Kerja pengubahsuaian masih diperlukan walaupun sistem sudah tamat tempoh jaminan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, SAINS telah mengenakan caj RM82,039 untuk kerja penambahbaikan terhadap sistem selepas tempoh jaminan.
4. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, terdapat 25 permohonan daripada 11 agensi untuk penambahbaikan terhadap fungsi serta ciri sistem.
5. Memandangkan penambahbaikan terhadap sistem SIFBAS dibuat secara berterusan (*on-going*), tiada *Final Acceptance Test (FAT)* dilaksanakan.

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

**Jadual 5.13
Projek LASIS**

Ringkasan Dan Pemerhatian Terhadap Projek LASIS			
Bil.	Komposisi Sistem	Kontrak	
		Bilangan Pakej Sistem	Kos
1.	Pembangunan Sistem	48	32,760,039
2.	Data Conversion	18	18,342,275
3.	Infra IT dan Peningkatan	18	17,569,880
4.	Critical Platform Equipment	21	7,903,349
Jumlah		105	76,575,543

Pemerhatian:

1. Setiap projek yang dilaksanakan telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dengan harga seperti yang ditetapkan dalam kontrak.
2. Melalui maklum balas, secara keseluruhannya pihak JTS menetapkan tahap kepuasan antara 80% hingga 89% terhadap perkhidmatan yang diberi oleh SAINS.
3. Pihak JTS menyatakan sistem aplikasi yang dibangunkan menepati kehendak pengguna, penambahbaikan yang dicadangkan diambil kira oleh SAINS dan semua modul digunakan.
4. Pengguna sistem diberi latihan yang mencukupi dan mendapat bantuan teknikal bila diperlukan.
5. Pengguna menyatakan pihak SAINS mengambil masa kurang sehari untuk penyelesaian masalah jika terdapat masalah penggunaan sistem.

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

**Jadual 5.14
Projek eLA 2**

Ringkasan Dan Pemerhatian Terhadap Projek eLA 2

Pembangunan Sistem

Projek ini dibangunkan untuk memudahkan pengurusan kewangan dan operasi pihak PBT dengan menyediakan satu sistem untuk diguna pakai dan akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun iaitu mulai dari tahun 2011 dan siap pada tahun 2015. Skop kontrak adalah untuk mengkaji, merangka, membangun, menguji dan melaksanakan sistem termasuk memberi latihan kepada pengguna dan penyenggaraan sistem. Projek di peringkat Fasa 1 dan 2 melibatkan 7 sistem utama iaitu Pengkadar dan Pengebilan, Kewangan dan Akaun, Sumber Manusia dan Gaji, Pengeposan Hasil, Penerimaan, Pengebilan Pelbagai serta Penglesenan dan Sistem Pengeluaran Peta. Pada Fasa 2, projek ini untuk melibatkan 22 Majlis Daerah sahaja dan Majlis Bandaraya Miri. Manakala pada fasa 3 melibatkan pembangunan serta mengintegrasikan 2 sistem baru iaitu Sistem Kawalan Bangunan dan Sistem Penilaian. (Projek ini tidak melibatkan Dewan Bandaraya Kuching Utara, Dewan Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Perbandaran Padawan dan Majlis Perbandaran Sibu)

Bil.	Projek	Kos Projek (RM)	Tempoh
1.	Fasa 1 Projek ini dilaksanakan pada bulan April 2011 dan dilaksanakan di Majlis Bandaraya Miri dan Majlis Daerah Samarahan sebagai <i>pilot project</i> .	3,935,983	2011
2.	Fasa 2 Projek dilaksanakan di 10 Majlis Daerah bermula pada bulan Jun 2012 dan disiapkan pada April 2014. Pelaksanaan di 12 PBT lain ditangguhkan kerana kekangan bajet.	6,064,017	2012 – 2014
3.	Fasa 3 Skop projek ini melibatkan pengurusan, pembangunan, integrasi, latihan dan pelaksanaan untuk Sistem Kawalan Bangunan dan Sistem Penilaian dan dilaksanakan di Majlis Daerah Samarahan.	2,000,000	2014 – 2015
Jumlah		12,000.000	

Pemerhatian:

1. Semua projek bagi Fasa 1 hingga 3 disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. *Closure Report* untuk Fasa 3 dikeluarkan pada 9 Mac 2016.
2. Kos tuntutan adalah selaras dengan harga kontrak.
3. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, terdapat 1 permohonan daripada Majlis Daerah Simunjan untuk menambah satu fungsi mengenai kerja yang dijalankan oleh Penyelia.
4. Sistem tersebut masih belum dilaksanakan di 9 PBT iaitu Majlis Daerah Lundu, Saratok, Kanowit, Maradong & Julau, Betong, Dalat & Mukah, Lawas dan Subis (Niah).

Sumber: Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.

- e. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan Projek SIFBAS sedang menunggu keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu sebelum Sijil Projek Siap dikeluarkan.**

5.4.2.4. Pengurusan Penyenggaraan Sistem – Service Level Agreement (SLA)

Pihak SAINS juga membuat penyenggaraan terhadap sistem yang telah dilaksanakan dan terma serta syarat kerja penyenggaraan terhadap sistem ditetapkan dalam kontrak SLA. Kontrak SLA menetapkan *Response Time* (RT) untuk setiap panggilan diterima

daripada pengguna sistem adalah 2 jam waktu bekerja dan 3 hari bekerja untuk *Turn Around Time* (TAT). Klausula kontrak menetapkan jika RT diambil melebihi 2 jam dan prestasi TAT kurang dari 90% pihak SAINS akan dikenakan penalti. Semakan Audit terhadap pengurusan SLA pada tahun 2015 mendapati tiada penalti dikenakan untuk RT kerana SAINS menangani setiap panggilan dalam tempoh 2 jam manakala hanya terdapat 2 kes di mana SAINS telah membayar sejumlah RM1,359 kerana gagal menepati prestasi lebih 90% untuk TAT. Selain itu, adalah didapati SAINS belum pernah mengenakan mana-mana caj untuk kerja di luar masa *prime coverage* dan kerja dilakukan adalah secara *goodwill*. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan setiap permintaan yang diterima di luar masa prime coverage tidak dikenakan sebarang caj walaupun kadar caj ada ditetapkan dalam SLA. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pihak SAINS sentiasa bersedia memberi perkhidmatan dan meningkatkan goodwill antara SAINS dengan agensi pengguna.**

5.4.2.5. Program Komuniti (*Corporate Social Responsibility - CSR*)

Sejak tahun 2005, pihak SAINS aktif melaksanakan pelbagai program CSR yang berasaskan perkhidmatan maklumat dan komunikasi berteknologi sebagai sumbangan mereka kepada komuniti tempatan melibatkan penduduk serta belia luar bandar, pelajar, badan-badan amal, badan Organisasi Bukan Kerajaan, media massa dan orang awam. Semakan Audit mendapati SAINS telah membelanjakan sejumlah RM3.44 juta bagi tempoh 2013 hingga 2015 untuk melaksanakan program komuniti antaranya *Rural ICT Guided Home-based Technopreneur*, *Infocast Kenyalang*, pertandingan dan Anugerah Graduan Terbaik dalam ICT.

Pada pendapat Audit pengurusan aktiviti SAINS adalah memuaskan.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus, bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Selain itu, sebagai sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri, SAINS adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta perlu mewujudkan polisi serta peraturan dalaman untuk melaksanakan pengurusan operasi hariannya. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat SAINS seperti berikut:

5.4.3.1. Struktur Organisasi Dan Pelan Peralihan

Strategi organisasi serta pengurusan sumber manusia perlu ada bagi membolehkan fungsi utama dan fungsi sokongan syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan

dan berterusan. Struktur organisasi yang jelas diwujudkan untuk menunjukkan tanggungjawab terhadap pengurusan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan SAINS ada menyediakan struktur organisasi serta Pelan Peralihan dengan lengkap dan teratur.

5.4.3.2. Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati pelantikan, yuran dan emolumen semua ahli Lembaga Pengarah telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Agung Lembaga SAINS.

a. Pembayaran Elaun Dan Emolumen Kepada Ahli Lembaga Pengarah Dan Setiausaha Syarikat

Dalam tempoh 2013 hingga 2015, ahli Lembaga Pengarah SAINS layak menerima elaun tahunan, emolumen tahunan khas, dan elaun mesyuarat. Syarikat SAINS telah membelanjakan sejumlah RM1.51 juta bagi bayaran elaun tersebut kepada ahli Lembaga Pengarah serta Setiausaha syarikat bagi tempoh 2013 hingga 2015. Pembayaran emolumen tahunan khas ini adalah sebagai penghargaan atas sumbangan strategik (*Strategic contribution*) serta sokongan berterusan ahli Lembaga terhadap pencapaian syarikat. Semakan Audit mendapati bayaran tersebut telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah SAINS serta Mesyuarat Agung SAINS yang dihadiri oleh Setiausaha Kewangan Negeri selaku wakil pemegang saham. Semakan lanjut Audit juga mendapati kenaikan emolumen tahunan khas bagi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah secara keseluruhan adalah 33.3% dalam tahun 2015. Manakala kenaikan bagi ahli Lembaga yang lain adalah 25% pada tahun 2015. Kadar kenaikan tersebut telah diluluskan oleh seorang wakil pemegang saham yang juga Setiausaha Kewangan Negeri (SFS Incorporated) melalui edaran resolusi Bil 1. Tahun 2015.

b. Pembayaran *Benefits in Kind* (BIK) Kepada Ahli Lembaga Pengarah

Selain elaun tetap dan emolumen khas, setiap ahli Lembaga Pengarah SAINS juga diberi kelayakan BIK sejumlah RM15,000 setahun mulai tahun 2009 yang bertujuan untuk pembayaran tuntutan kemudahan rawatan kesihatan dan pergigian, lawatan luar negara bersama keluarga serta pembelian komputer/tablet dan telefon pintar. Jumlah ini boleh dikumpul jika tuntutan tidak dilakukan dalam tahun semasa.

c. Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan mana-mana pengarah yang dilantik untuk melaksanakan perkhidmatan tambahan atau khas dalam apa juu bentuk termasuk perkhidmatan di mana-mana jawatankuasa

yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah SAINS berhak kepada saraan sebagai ahli Lembaga. Pembayaran elaun tersebut yang telah diluluskan tidak memberi kesan kepada prestasi kedudukan kewangan syarikat yang positif.

5.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Dan Edaran Resolusi

- a. Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, ahli Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati SAINS tidak menyediakan terma rujukan bagi ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit juga mendapati kekerapan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah SAINS adalah rendah di mana mesyuarat telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2013, sekali pada tahun 2014 dan dua kali pada tahun 2015. Antara perkara utama yang dibincangkan dan diputuskan adalah mengenai prestasi kewangan syarikat, perkembangan terkini syarikat, Laporan Jawatankuasa Audit, Polisi serta Prosedur Pengurusan Risiko serta Aset syarikat, cadangan pembayaran dividen kepada pemegang saham, rancangan korporat serta bajet tahunan, harta intelek syarikat, cadangan kenaikan gaji dan bonus pegawai serta yuran dan emolumen ahli Lembaga Pengarah serta ahli Jawatankuasa Audit. Manakala edaran resolusi ahli Lembaga Pengarah telah dikeluarkan sekali dalam tahun 2014 dan 2 kali pada tahun 2015 yang melibatkan cadangan tender pembinaan kerja pengubahsuaian Pusat Data Samarahan, tambahan modal berbayar dan kenaikan yuran Lembaga Pengarah.
- b. Edaran resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham juga telah dikeluarkan sekali pada tahun 2013, 2 kali pada tahun 2014 dan sekali pada tahun 2015 yang melibatkan *Strategic Contribution* ahli Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Audit, pelarasan gaji staf serta bayaran dividen berjumlah RM1 juta kepada pemegang saham.
- c. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan adalah memadai Lembaga Pengarah bermesyuarat 2 kali setahun. Edaran resolusi dikeluarkan bagi perkara yang memerlukan keputusan segera Lembaga Pengarah. Pada tahun 2013 hingga 2015, 4 edaran resolusi telah dikeluarkan.**

5.4.3.4. Mesyuarat Agung

Mesyuarat agung SAINS telah diadakan setahun sekali bagi tempoh 2013 hingga 2015 yang melibatkan kelulusan bagi yuran ahli Lembaga dan BIK serta kelulusan pelantikan Juruaudit Ernst & Young. Semakan Audit mendapati kehadiran Mesyuarat Agung bagi tempoh 3 tahun tersebut hanyalah dihadiri oleh Setiausaha Kewangan Negeri sebagai wakil pemegang saham dan seorang Setiausaha Syarikat. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan anak syarikat milik penuh Perbadanan dibenarkan untuk mempunyai minit yang ditandatangani oleh seorang wakil**

syarikat induk dan edaran resolusi yang ditandatangani beliau dianggap telah disahkan dengan sewajarnya.

5.4.3.5. Rancangan Korporat Dan Perancangan Strategik

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati SAINS telah menyediakan rancangan korporat dan telah menetapkan visi serta misi syarikat. Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat manakala petunjuk prestasi perlu disediakan bukan sahaja untuk menjadi pengukur prestasi syarikat tetapi juga memberi hala tuju syarikat. Semakan Audit mendapati SAINS telah menyediakan perancangan strategik perniagaan syarikat untuk jangka masa pendek atau jangka panjang.

5.4.3.6. Standard Operating Procedures (SOP)

Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti. Semakan Audit mendapati hanya SOP untuk Prosedur Pengurusan Risiko telah didokumenkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah SAINS pada 19 Oktober 2012. Manakala SOP kewangan tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah tetapi diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SAINS dan Ketua Seksyen/Unit. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan SOP tersebut disediakan untuk membantu pegawai menjalankan operasi rutin bagi mencapai kecekapan, output kualiti dan keseragaman prestasi syarikat. Oleh itu, adalah memadai ianya diluluskan oleh pihak Pengurusan. Walau bagaimanapun, SOP bagi risiko korporat SAINS adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Audit yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah SAINS.**

5.4.3.7. Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

- a. Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalam pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam (UAD) berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi

memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati SAINS telah menubuhkan Jawatankuasa Audit serta UAD termasuk terma rujukan jawatankuasa. Antara skop UAD adalah untuk menyediakan perkhidmatan sebagai penasihat bagi pelaksanaan sistem baru serta mengkaji semula sistem yang sedia ada, menilai risiko perniagaan/operasi syarikat serta jaminan kualiti, menjalankan pengauditan kewangan, pematuhan terhadap kawalan dalaman. Antara laporan yang telah dilaporkan dalam Jawatankuasa Audit adalah *Report On Internal ISMS Audit 2013*, *Status Of Management Action On ISMS Internal Audit 2013*, *ISMS Internal Audit Findings 2014*, *Followup Reviews On Surveillance Audit & Internal ISMS Audit 2014* dan *Report On Internal ISMS Audit 2015*.

b. Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Berdasarkan terma rujukan Jawatankuasa Audit, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa adalah sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Bagaimanapun, didapati Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sekali pada tahun 2013, 2 kali pada tahun 2014 dan sekali pada 2015. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan mesyuarat itu hanya diadakan sekali dalam tahun 2015 kerana jadual Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Audit yang padat. Mesyuarat tersebut terpaksa ditunda dan hanya diadakan pada Januari 2016.**

c. Pemantauan Terhadap Syarikat Subsidiari

Adalah didapati pengauditan terhadap syarikat subsidiari SAINS tidak dijalankan bagi tahun 2013 hingga 2015 serta tidak dimasukkan dalam perancangan pengauditan tahunan Unit Audit Dalam SAINS. Unit ini lebih berfungsi sebagai penasihat serta membantu syarikat subsidiari dalam menilai serta penambahbaikan proses kawalan dalaman. Bagaimanapun, pengauditan statutori secara tahunan terhadap syarikat subsidiari ada dijalankan oleh Firma Audit Swasta. **Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan pemantauan akan dibuat di mana setiap pengurus syarikat subsidiari akan melapor kepada Ketua Pegawai Eksekutif SAINS, menghadiri serta membentang dalam mesyuarat bulanan pengurusan SAINS, mesyuarat Jawatankuasa Audit dan mesyuarat Lembaga Pengarah. Syarikat subsidiari juga menerima pakai dasar dan prosedur SAINS termasuk pengurusan risiko, pembangunan sumber manusia dan perkhidmatan perakaunan.**

5.4.3.8. Pembayaran Dividen

Mengikut amalan bagi syarikat Kerajaan, dividen perlu dibayar sebagai pulangan modal kepada pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa

menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati setakat kini SAINS telah membuat pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM49.91 juta sejak tahun 2001.

5.4.3.9. Corporate Integrity Pact

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corporate Integrity Pact (CIP)* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati SAINS belum melaksanakan *Corporate Integrity Pact* secara khusus tetapi mengamalkan *Core Values* dalam organisasi yang mana integriti adalah salah satu daripada nilai yang disenaraikan dalam *Core Values* tersebut.

Maklum balas daripada SAINS bertarikh 28 Jun 2016 menyatakan SAINS memandang serius dan sentiasa memberi amaran kepada pegawai tentang kesan amalan rasuah. Untuk menyemai budaya yang betul, SAINS telah menjadikan integriti sebagai salah satu nilai teras dalam menjalankan aktiviti perniagaan syarikat.

5.4.3.10. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pelaburan dan pengurusan aset adalah baik.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan adalah baik. Walau bagaimanapun, SAINS perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah untuk SOP berkaitan kewangan. Pada pendapat Audit juga, untuk meningkatkan ketelusan serta mengelak *conflict of interest* dan seterusnya mengamalkan tadbir urus yang baik, kelulusan kewangan berkaitan pembayaran elauan, emolumen, *Benefits In Kind (BIK)* perlu diluluskan oleh pihak yang tiada kepentingan dalam urusan tersebut.

5.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah memastikan syarikat beroperasi secara berterusan, pengurusan Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. adalah disyorkan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

5.5.1. Syarikat Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. perlu mengatur strategi dan menyediakan pelan perniagaan bagi mencapai matlamatnya untuk membekalkan perkhidmatan di pasaran luar agar dapat meningkatkan pertumbuhan syarikat.

5.5.2. Syarikat Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. perlu memastikan dokumen kontrak projek ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan bagi menjaga kepentingan kedua pihak.

5.5.3. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan mekanisme kawalan bagi kelulusan kewangan berkaitan pembayaran elaun, emolumen dan *Benefits In Kind* (BIK) yang tiada kepentingan untuk memastikan tadbir urus yang baik.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
26 September 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA